


Jilid III
Bil. 22



Hari Rabu
28hb Jun, 1989

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 4289]

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 [Ruangan 4419]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4478]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4290]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan [Ruangan 4403]

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Akaun Kemajuan Perumahan—Perlaksanaan: Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Bukit
Bintang) [Ruangan 4478]**

**Lembaga Penasihat Yang Dilantik Untuk Melepaskan Orang Tahanan—
Y.B. Tuan R. Karpal Singh (Jelutong) [Ruangan 4481]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, D.K. (I) (Johor), S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA** (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO SERI DR LING LIONG SIK**, S.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' SERI DR LIM KENG YAIK**, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE**, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, **TUAN ANWAR BIN IBRAHIM** (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, **DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR**, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, **DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN**, S.S.A.P. (Merbok).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., L.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK (Bentung).

„ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
„ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
„ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
„ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
„ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
„ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
„ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
„ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
„ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
„ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
„ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
„ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
„ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
„ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P.
(Tasek Gelugor).
„ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
„ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
„ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
„ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
„ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
„ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.
(Limbawang).
„ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
„ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
„ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
„ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M.G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 28hb Jun, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

USUL

**ATURAN URUSAN
MESYUARAT**

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini akan menimbangkan perkara 2 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini iaitu Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan, sebelum menimbangkan perkara 1 iaitu Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini akan menimbangkan perkara-perkara dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini iaitu Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan sebelum menimbangkan perkara 1 iaitu Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, di-luluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2), Dewan ini akan menimbangkan perkara 2 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini iaitu Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan, sebelum menimbangkan perkara 1 iaitu Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**
**AL-ARQAM DI LUAR
NEGERI**

1. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri me-nyatakan:

(a) berapa banyakkah cawangan atau markas Arqam di luar negeri yang sedang bergiat terutama di Karachi, Kaherah, Singapura, Thailand dan New Zealand; dan

(b) adakah aktiviti mereka ini menaikkan imej Malaysia atau menjejaskan nama baik Kerajaan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut maklumat yang ada pada Kementerian Luar Negeri pada masa ini, terdapat sekumpulan kecil pelajar-pelajar kita yang menuntut di Kaherah dan di New Zealand sahaja yang mengikuti pergerakan Al-Aqam ini.

Di Singapura dan Thailand terdapat pertubuhan yang dikenali juga sebagai Arqam, tetapi pertubuhan ini adalah pertubuhan tempatan di negara tersebut yang tidak mempunyai kaitan dengan pergerakan Arqam di Malaysia dan ahli-ahlinya terdiri dari rakyat negara itu sendiri.

Di Karachi dan di negara-negara lain tidak ada laporan yang membabitkan pelajar-pelajar ataupun rakyat Malaysia dalam pergerakan yang sama.

- (b) Setakat ini kecuali kejadian di New Zealand, tidak ada sebarang laporan yang menunjukkan aktiviti-aktiviti pelajar-pelajar pengikut Arqam di luar negeri yang telah menjejaskan nama baik Kerajaan dan negara. Walau bagaimanapun, Kedutaan kita di luar negeri mengawasi kegiatan pelajar-pelajar ini supaya mereka benar-benar menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat dan berguna kepada agama, bangsa dan negara, tanpa melanggar undang-undang negara yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Chew Kam Hoy tidak hadir).

PERDANA MENTERI JEPUN MELETAKKAN JAWATAN

3. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah implikasi ke atas dasar luar Jepun terhadap ASEAN, khususnya Malaysia, apabila Encik Takeshita meletak jawatannya sebagai Perdana Menteri. Apakah usaha-usaha lebih positif terhadap hubungan ekonomi Jepun-ASEAN yang didaya-usahakan oleh Takeshita semenjak beliau menjadi Perdana Menteri akan terjejas. Apakah hasil dari lawatan beliau ke Kuala Lumpur tempoh hari.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, perletakkan jawatan Encik Takeshita sebagai Perdana Menteri Jepun tidak akan menjejaskan hubungan di antara Jepun dan ASEAN khususnya Malaysia.

Di dalam sistem pentadbiran Jepun, komitmen-komitmen dan jaminan-jaminan yang diberi oleh Perdana Menteri Jepun bukanlah komitmen peribadi beliau tetapi adalah daripada Kerajaan Jepun itu sendiri. Kerajaan juga diberi jaminan sebelum lawatan Encik Takeshita bahawa semua komitmen-komitmen yang akan diberi oleh Encik Takeshita selaku Perdana Menteri ketika itu akan didokong oleh Kerajaan Jepun. Oleh itu soalan sama ada usaha-usaha Kerajaan Jepun di bawah pimpinan Encik Takeshita akan terjejas, tidak timbul.

Semasa lawatan beliau di Kuala Lumpur pada 2hb-3hb Mei, 1989, perbincangan diadakan mengenai perkara-perkara kepentingan bersama. Masalah yang dihadapi oleh Malaysia oleh kerana kenaikan nilai matawang Yen telah dikemukakan kepada pihak Jepun. Kerajaan Jepun telah menyatakan bahawa memandangkan kepada masalah-masalah tersebut kadar faedah bagi pinjaman-pinjaman baru ke Malaysia diturunkan

ke paras 2.9% dari 3.5%. Cadangan kerajaan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman yang diambil terlebih dahulu di atas kadar faedah yang melebihi 3.5% dengan pinjaman baru atas kadar 2.9% tidak disambut baik oleh pihak Jepun. Perundingan lanjut akan diteruskan dengan Kerajaan Jepun.

Semasa lawatan tersebut kedua-dua pihak juga telah mengadakan perbincangan mengenai hal-hal duahala seperti alam sekitar, Dasar Pandang ke Timur, bantuan untuk projek-projek perikanan pantai laut. Kerajaan Jepun juga telah bersetuju memberi satu gran bernilai lebih kurang M\$5 juta untuk membeli sebuah projektor bagi kegunaan Pusat Kebangsaan Sains Angkasalepas.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bertanya soalan ini oleh kerana pada masa ini telah diberitakan bahawa ada satu gerakan di Jepun untuk mengalihkan pandangan pelaburan Jepun dari ASEAN ke negara-negara EEC. Soalan saya ialah apakah Kerajaan, Kerajaan kita khususnya dan Kerajaan-kerajaan ASEAN amnya sedar bahawa gerakan ini wujud dan apakah gerakan ini akan mendapat kekuatan dan boleh berleluasa apabila Nakasone dan Takeshita tidak lagi memimpin Kerajaan Jepun.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Bolehkah Yang Berhormat tolong repeat semula, dengan izinnya, bahagian pertama itu?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya bertanya soalan ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di Jepun ada satu gerakan, satu movement yang hendak mengalihkan penumpuan pelaburan luar Jepun dari ASEAN ke negara-negara EEC (European Economic Community) dan Amerika Syarikat di mana hujahnya ialah laba

daripada pelaburan di sana adalah lebih tinggi daripada di ASEAN. Jadi, pertanyaan saya di sini adakah Kerajaan kita khususnya dan kerajaan-kerajaan negara ASEAN amnya, sedar bahawa gerakan ini wujud dan kita sedar adakah ianya akan berleluasa ataupun bermaharajalela selepas Nakasone dan Takeshita tidak ada lagi.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada gerakan oleh kumpulan tertentu untuk menyalurkan lebih banyak pelaburan Jepun ke EEC mahupun kepada Amerika Syarikat, tetapi tidak lebih kurang juga kumpulan yang ada berlainan pula dari segi kehendak mereka untuk terus melabur dan menyalurkan pelaburan ke negara-negara di Rantau Asia oleh kerana sebab-sebab kepentingan yang lebih daripada segi iklim, suasana pelaburan, kepakaran, pekerja-pekerja, harga yang competitive dan berbagai-bagai lagi. Saya kira gerakan yang mahukan hanya pelaburan dibuat ke negara-negara EEC dan Amerika Syarikat semata-mata tidak akan dapat dibuat 100%, malah kita yakin atau percaya mungkin lebih banyak akan juga terus melabur ke negara-negara seperti ASEAN walaupun ada perubahan pucuk pimpinan di kalangan pemimpin negara Jepun.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya pertukaran Perdana Menteri sering berlaku di negara Jepun selepas Encik Takeshita letak jawatan sebagai Perdana Menteri, Encik Uno menjadi Perdana Menteri, dan baru-baru ini ada khabar angin, katanya kedudukan beliau pun terjejas kerana fasal perempuan geisha. Saya ingin tanya Yang Berhormat sama ada Kerajaan Malaysia ada rancangan yang tertentu untuk mengeratkan hubungan antara anggota-anggota Diet dan anggota-anggota Parlimen Malaysia supaya kami sebagai Anggota Parlimen dapat

kenal seorang Anggota Diet sebelum beliau menjadi Perdana Menteri.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pangsihan pemimpin di peringkat negara Jepun walaupun kerap berlaku tidak sama sekali akan menjejaskan pentadbiran ataupun politik negara Jepun. Begitu juga hubungan di antara Jepun dengan Malaysia amnya mahupun dengan ASEAN pada umumnya.

Tentang cadangan ataupun seruan Yang Berhormat tadi, tentang untuk mewujudkan lagi banyak perhubungan di antara Ahli-ahli Diet dan Ahli-ahli Parlimen Malaysia, ini bukan merupakan satu perkara yang memang digalakkan oleh Kerajaan kita. Malah kita sentiasa mengalu-alukan dan menggalakkan agar banyak lebih lawatan-lawatan dibuat di antara Ahli-ahli Diet di Jepun untuk datang ke Malaysia dan begitu juga Ahli-ahli Parlimen Malaysia untuk melawat dan berkunjung ke negara Jepun untuk bertukar-tukar fikiran dan mengeratkan lagi perhubungan antara kedua-dua Ahli Parlimen.

SISTEM KBSR—PELAKSANAAN

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan halangan-halangan yang dihadapi dalam melaksanakan sistem KBSR dan seterusnya KBSM di sekolah-sekolah khasnya di sekolah-sekolah di luar bandar dan adakah ini merupakan faktor penghalang utama dalam pencapaian prestasi yang baik, sistem yang dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat tidak terdapat halangan yang serius dalam usaha melaksanakan sistem KBSR dan KBSM di sekolah-sekolah di bandar dan luar

bandar. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah kecil seperti kekurangan guru terlatih, kekurangan ruang belajar, terutamanya bagi sekolah-sekolah menengah dua sesi dimana terdapat beberapa mata pelajaran yang diajar di luar jadual waktu biasa KBSM. Langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah di atas telah dan sedang dijalankan, seperti menambah bilangan guru terlatih, mengadakan kursus dalam perkhidmatan dan menambah bilangan bilik darjah. Walau bagaimanapun, masalah-masalah di atas tidaklah menghalang pelaksanaan program KBSR dan KBSM ke arah pencapaian matlamat program-program tersebut.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Untuk mengatasi masalah guru-guru terlatih mengajar di sekolah-sekolah di bawah dasar KBSM ini, saya ingin tahu benar atau tidak bahawa guru-guru tidak diberi imbuhan yang sepatutnya bila menghadiri kursus-kursus untuk KBSM ini di mana mereka terpaksa mengikuti kursus sepenuh masa ataupun satu hari penuh tanpa apa-apa imbuhan yang diberikan oleh Kementerian dan ini menggalakkan kepada guru-guru tersebut. Selain daripada itu, saya ingin tahu dari segi KBSM ini, Kementerian Pendidikan menekankan soal tulisan Jawi. Sejauh manakah program ini dapat diawasi dan dilaksanakan? Dan yang terakhir ini, kita dapat tahu bahawa di bawah KBSM Kementerian Pendidikan mewajibkan jadual sembahyang dalam syllabus KBSM ini. Jadi, saya ingin tahu apakah peraturan-peraturan tertentu telah dibuat bagi memastikan program ini berjalan dengan lancar dan tidak dengan cara-cara spontan sahaja. Terima kasih.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menjawab soalan-soalan yang telah diberikan

berkaitan dengan beberapa cadangan atau aduan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi, tetapi perkara ini saya akan siasat dan akan memberi satu jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Sabak Bernam, macam mana? Dia akan memberi jawapan dengan cara bertulis.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tidak ada sebut dengan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tidak sebut. (*Ketawa*)

Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau soalan asal bertanyakan halangan-halangan yang dihadapi dalam melaksanakan sistem KBSR dan KBSM maka saya ingin tahu sejauh manakah pula kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam melaksanakan sistem KBSR dan KBSM di sekolah-sekolah sehingga ini.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, selepas peperiksaan UPSR yang kita laksanakan sebelum tahun ini iaitu 1988, Kementerian Pendidikan sudah membuat kajian dan meneliti pencapaian UPSR dan satu pengumuman telah dikemukakan di Parlimen ini pada penggal Parlimen yang baru lalu iaitu pada bulan Mac. Dan prestasi semua aliran SK, SRK, SRJK (C) dan SRJK (T) pun ada dimaklumkan kepada Parlimen ini dan saya tidak ada angka di sini tetapi kalau kita semak minit, kita mesti dapat tahu angka-angka yang telah diberi menunjukkan pencapaian tiap-tiap sekolah mengikut UPSR.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990

5. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk menggalakkan pelawat bagi projek "Tahun Melawat Malaysia 1990."

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab serentak pada 20hb Jun, 1989 yang lalu iaitu ketika saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

PETRONAS—PELABURAN KE- UNTUNGAN SERTA KEGIATAN

6. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) keuntungan Petronas bagi tahun kewangan 1987/88;
- (b) amaun yang dilaburkan dalam institusi kewangan dalam negeri serta juga institusi asing bagi tempoh yang terakhir dan amaun pulangan bagi Petronas; dan
- (c) kemajuan terakhir dalam kegiatan-kegiatan "upstream" dan "downstream" Petronas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), keuntungan bersih Petronas selepas cukai bagi tahun kewangan berakhir 31hb Mac 1988 adalah sebanyak \$2,339.7 juta.

(b) Kesemua pelaburan Petronas dibuat di dalam institusi-institusi kewangan dalam negeri dan jumlah

pelaburan dalam institusi-institusi berkenaan bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31hb Mac 1988 adalah sebanyak \$10,704.8 juta dan ini menghasilkan pulangan sebanyak \$573.2 juta atau 5.4%.

(c) Mengenai kegiatan-kegiatan hulu ataupun, dengan izin, "upstream" dan hiliran, Petronas pada keseluruhannya berjalan dengan lancar dan memuaskan. Ringkasan kemajuan kegiatan Petronas adalah seperti berikut:

Peringkat hulu ataupun "upstream" bagi tahun 1989: Petronas telah menandatangani empat lagi perjanjian perkongsian pengeluaran dengan syarikat-syarikat minyak asing iaitu dua bagi kawasan luar pantai Semenanjung Malaysia, satu bagi kawasan luar pantai Sabah dan satu lagi bagi kawasan luar pantai Sarawak. Ini menjadikan jumlah sebanyak 21 perjanjian sejak perjanjian perkongsian pengeluaran yang baru diperkenalkan pada tahun 1985. Pada masa ini terdapat 30 lapangan minyak dan 14 lapangan gas yang sedang dalam pengeluaran. Purata pengeluaran bagi tempoh 5 bulan pertama 1989 adalah 551,400 tong sehari minyak, 23,900 tong sehari condensate dan 1,828 juta kaki padu gas sehari.

Dari segi perbelanjaan pula adalah dijangkakan sebanyak \$4 ribu juta akan dibelanjakan bagi aktiviti-aktiviti carigali, pembangunan dan pengeluaran pada tahun ini. Bagi aktiviti carigali sehingga kini sebanyak 7 telaga explorasi telah digerudi manakala 47 lagi dijangka akan digerudi dalam tahun ini.

Kerja-kerja pembangunan pula sedang dijalankan di lapangan-lapangan Dulang dan Seligi di luar pantai Terengganu dan kawasan Central Luconia di luar pantai Sarawak.

Mengenai peringkat hiliran pula, Petronas pada masa ini sedang giat melaksanakan beberapa projek besar di peringkat hiliran. Kemajuan projek-projek berkenaan adalah seperti berikut:

(1) *Projek Penggunaan Gas Semenanjung Fasa 2 (PGU 2):*

Projek ini melibatkan pembinaan saluran paip sepanjang 726 km dan pembesaran loji memproses gas dan lain-lain kemudahan. Projek ini bagi tujuan menyalurkan gas asli bagi kegunaan penjana kuasa industri dan rumahtangga. Kontraktor-kontraktor bagi melaksanakan projek ini telah pun dilantik dan kerja-kerja pembinaan sedang berjalan dan projek ini dijangka siap menjelang tahun 1991.

(2) *Kilang Penapis Minyak di Melaka:*

Kerja-kerja kejuruteraan asas bagi loji ini sedang berjalan lancar. Kontraktor-kontraktor akan dilantik bagi pembinaannya sedikit masa lagi dan loji ini dijangka beroperasi menjelang tahun 1993.

(3) *Projek Petrokimia:*

Perjanjian usahasama dengan dua buah syarikat asing iaitu Nesty Oil dan Idemitsu bagi projek petrokimia mengeluarkan methyl tershel buthyl ether ataupun MTBE telah pun ditandatangani. Kerja-kerja sedang giat dijalankan bagi merekabentuk asas projek ini dan kontraktor-kontraktor akan dilantik bagi melaksanakan projek ini.

(4) *Projek-projek Rangkaian Gas Miri-Lutong:*

Projek ini ialah bagi melibatkan saluran paip bagi penyaluran gas asli di kawasan

Miri dan Lutong. Kontraktor bagi projek ini telah pun dilantik dan kerja-kerja pembinaan sedang berjalan dan dijangka siap pada awal tahun 1990.

Di samping projek-projek besar yang sedang dilaksanakan seperti yang tersebut di atas Petronas terus giat meneruskan aktiviti-aktiviti yang sedang berjalan. Bagi tempoh lima bulan pertama 1989, Petronas mengeksport sebanyak 251,400 tong sehari minyak mentah iaitu 67% daripada jumlah purata eksport minyak mentah Malaysia. Pada masa yang sama Petronas memproses sebanyak 62,900 tong sehari minyak mentah di luar negeri kebanyakannya di Singapura. Dalam penapisan minyak mentah loji penapisan minyak di Kerteh sekarang ini berjaya memproses sebanyak 31,400 tong sehari minyak mentah.

Bagi penjualan gas kepada loji janakuasa elektrik Paka dan rumah-rumah di Kerteh di bawah projek penggunaan gas Semenanjung peringkat satu (PGU 1) ataupun Peninsular Gas Utilisation I, jumlah sekarang ini ialah lebih kurang 84 juta kaki padu sehari. Eksport gas asli cecair (LNG) dari Bintulu pula mencapai 2.9 juta tan metrik dalam tempoh lima bulan pertama tahun 1989. Sementara jualan urea dan ammonia dari Loji Baja Urea ASEAN di Bintulu adalah sebanyak 246,200 tan metrik dan 13.600 tan metrik masing-masing.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang apakah institusi-institusi asing di mana Petronas ada membuat pelaburan.

Yang kedua ialah mengenai jenis-jenis kegiatan "downstream" oleh Petronas, bolehkah Yang Berhormat memberitahu sehingga hari ini

beberapa banyak station minyak Petronas yang telah dijalankan operasinya?

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya perkatakan PETRONAS membuat pelaburan dalam institusi kewangan dalam negeri. Walau bagaimanapun PETRONAS ada melibat diri dalam usahasama joint venture dengan syarikat-syarikat asing dalam industri petroleum, tetapi saya tiada dapat menyenarai nama-nama syarikat ini di sini. Saya memerlukan notis.

Mengenai berapa banyak petrol station PETRONAS yang ada sekarang, saya tidak mempunyai angka yang tepat di sini tetapi kalau tidak salah ingat saya, ada lebih kurang 300 station minyak PETRONAS. Walau bagaimanapun, saya akan memberi jawapan bertulis dalam perkara ini.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri kalau ada angka jumlah rizab Petronas setakat ini dan sama ada dilabur di dalam atau di luar negeri dan jenis matawang rizab itu. Saya ingin juga tahu dari segi "corporate strategy" Petronas supaya pelaburan yang dibuat adalah di dalam sektor yang mempunyai hubungan rapat dengan petroleum, jangan seperti Syarikat Pertamina di Indonesia yang melibatkan diri di dalam banyak kegiatan sehingga mempunyai masalah cash flow. Daripada rizab yang ada pada Petronas yang banyak sama ada Petronas mempunyai cadangan untuk menjalani ataupun mengendali "foreign exchange trading" untuk membuat "hedging" kepada rizab yang begitu banyak memandangkan foreign currency fluctuation yang tidak menentu di pasaran antarabangsa supaya dapat lebih untung daripada menyimpan di dalam bank dan sila senaraikan jika ada institusi kewangan di mana pelaburan dibuat.

Dato' Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat detail seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat di sini pada setakat ini. Walau bagaimanapun, daripada sudut pelaburan kita mempunyai keyakinan terhadap pihak management ataupun pengurusan PETRONAS untuk melaburkan pendapatan mereka, reserve dan pendapatan daripada hasil pengeluaran minyak dan gas ini dalam industri-industri dan pelaburan yang akan dapat membawa keuntungan yang lebih banyak kepada PETRONAS dan negara.

HOSPITAL DAERAH SIMUNJAN—PEMBINAAN

7. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah hospital daerah Simunjan, Sarawak siap dibina dan berapakah jumlah katilnya;
- (b) berapakah jumlah doktor yang akan ditempatkan di hospital itu nanti; berapakah jumlah kakitangan yang akan ditempatkan di sana;
- (c) sejauh manakah Pusat Perubatan (Pakar) Normah di Petra Jaya, Kuching mampu memberi khidmat kepada para pesakit di Sarawak; adakah benar bahawa bayaran yang dikenakan kepada para pesakit amat/terlalu tinggi hinggakan ramai yang mengatakan bahawa kahaldirannya meluaskan lagi jurang antara yang kaya dan yang miskin; dan
- (d) berapakah "ratio" doktor/orang di Sarawak dan di Semenanjung Malaysia. Apakah langkah untuk menghapuskan jurang perbezaan ini, jika ada.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Hospital Daerah Simunjan di Sarawak dijangka akan mula dibina pada tahun hadapan iaitu tahun 1990 dan siap pada akhir 1991. Hospital ini dicadangkan mengandungi 68 katil pesakit;
- (b) Pada permulaannya sebanyak 3 orang doktor akan ditempatkan di Hospital ini. Tetapi bilangan doktor yang ditempatkan itu boleh ditambah dari masa ke semasa mengikut keperluan;
- (c) Pusat Perubatan (Pakar) Normah di Petra Jaya Kuching ialah sebuah hospital persendirian. Kemudahan-kemudahan yang disediakan dan caj-caj rawatan adalah yang ditetapkan oleh pusat perubatan itu sendiri. Mereka yang mampu membayar boleh mendapatkan rawatan di situ. Untuk mereka yang lain, rawatan yang diperlukan disediakan di Hospital Umum Kuching;
- (d) Purata nisbah doktor/penduduk di Sarawak ialah 1 doktor untuk 4,300 orang penduduk sementara bagi Semenanjung Malaysia ialah 1 doktor bagi seramai 2,900 penduduk. Angka-angka ini termasuk doktor-doktor di sektor Kerajaan dan sektor swasta. Kementerian Kesihatan memang sentiasa mengambil tindakan untuk mengurangkan nisbah doktor/penduduk di Sarawak dengan menempatkan lebih banyak lagi doktor di negeri itu untuk berkhidmat khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Juga lebih ramai murid-murid dari Sarawak dan juga Sabah diberi peluang mengikuti pelajaran perubatan baik di Malaysia ataupun di luar negeri.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu gambaran am terhadap langkah yang diambil untuk memperbaiki keadaan kesihatan di negeri Sarawak dari segi bilangan doktor. Bolehkah saya dapat tahu berapakah doktor-doktor baru akan dilantik di negeri Sarawak khususnya, khasnya memandangkan bahawa dalam hospital-hospital Kerajaan di negeri Sarawak sekarang ada satu kekurangan yang amat mendesak khasnya dalam kawasan luar bandar sehingga keadaan kesihatan amat rendah di negeri Sarawak jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia sendiri.

Keduanya, berapakah anak-anak Sarawak telah diterima oleh universiti-universiti tempatan untuk mempelajari dalam fakulti perubatan. Bolehkah Yang Berhormat memberi, walaupun tidak ada angka tetap, mungkin satu gambaran yang boleh menyakinkan anak Sarawak?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menafikan sekeras-kerasnya bahawa keadaan kesihatan rakyat di negeri Sarawak adalah buruk sekali apabila dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Saya dapat mengatakan bahawa dari segi semua indeks kesihatan, rakyat di negeri Sarawak kadangkala lebih baik daripada negeri-negeri yang lain yang tertentu. Ini kerana pentadbiran kesihatan di Sarawak yang baik dan Ahli Yang Berhormat dari Kuching mungkin tidak tahu tentang indeks-indeks ini. Jika dapat kaji indeks-indeks, ianya jelas menunjukkan bahawa keadaan itu baik. Kita sentiasa akan cuba membaiki keadaan kesihatan di sektor luar bandar dan di Sarawak. Banyak yang telah dibuat untuk memperbaikinya dan di banyak tempat yang tidak ada kemudahan pun, Flying Doctor Service dan lain-lain kemudahan dapat juga diadakan.

Mengenai pengambilan di universiti tempatan, saya tidak dapat mengatakan di sini tetapi saya dapat memberitahu bahawa keutamaan juga diberi melalui kursus-kursus matrikulasi dan sains hayat kepada murid-murid dari Sarawak dan Sabah untuk memasuki kursus perubatan di universiti tempatan, Kerajaan-kerajaan Pusat dan Negeri juga memberi banyak biasiswa untuk pelajaran perubatan di luar negeri.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa Pusat Perubatan Normah di Kuching adalah pusat perubatan swasta dan saya ingin bertanya bagaimana dari segi ekuiti yang dimiliki oleh pelabur-pelabur ataupun pemegang sahamnya. Siapa yang memegang saham, yang punya dan kalau sekiranya saya bercakap bagi pihak mereka ini, andai kata prestasinya tidak baik, adakah pihak Kerajaan berhajat untuk membantu supaya prestasi Pusat Perubatan ini akan bertambah baik dan supaya jurang di antara orang kaya dengan orang miskin itu tidak nampak, kerana saya lihat orang yang pergi ke sana orang kaya-kaya dan orang miskin itu tengok pun takut. Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menentukan supaya ini dapat juga dinikmati oleh orang-orang yang susah.

Keduanya, mengenai soal ratio tadi, saya nampak memang dari dahulu ratio itu besar dan saranan pihak Kerajaan pun begitu juga memang berusaha untuk mengambil tindakan. Tetapi masalahnya saya fikir ialah soal pengambilan ke institut pengajian tinggi, malah semasa saya dalam Kementerian Pendidikan dahulu pun kadang-kadang melaung-laungkan supaya diperbanyakkan pengambilan pelajar-pelajar dari Sarawak dan Sabah. Tetapi sejauh manakah apa yang telah disarankan, dihadapkan kepada pihak Kerajaan itu memang

dapat menjadi kenyataan supaya peluang untuk menjadi doktor bagi anak-anak Sarawak dan Sabah itu akan dapat dipertingkatkan secara praktikal, bukan hanya dari segi cakap-cakap sahaja. Dahulu pun saya pernah bercakap juga, tetapi sejauh mana setelah itu dilaksanakan apa yang kita percakapkan bersama semasa saya menjadi Timbalan Menteri, semasa Yang Berhormat juga sekarang masih menjadi Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Timbalan-timbalan Menteri supaya orang-orang Sarawak dan Sabah memang dapat melihat bahawa pengambilan itu menggambarkan keadaan yang seadil-adilnya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, dalam kedua-dua perkara ini saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Simunjanlah yang lebih pakar daripada saya kerana beliau dari Sarawak, kawan banyak di Pusat Perubatan Normah, dan keduanya beliau adalah bekas Timbalan Menteri Pendidikan. Saya pula Timbalan Menteri Buruh yang telah dipindahkan dari Kementerian Kesihatan. Dalam Pusat Perubatan Normah ini, malangnya kita tidak dapat campur tangan. Saya sendiri tidak tahu siapa yang memegang saham dalam Pusat Perubatan Normah itu, mungkin Ahli Yang Berhormat sendiri tahu.

Mengenai perkara orang miskin yang tidak dapat masuk pergi ke Pusat Perubatan Normah itu saya telah jawab tadi. Pusat Perubatan swasta seperti Pusat Perubatan Normah dan lain-lain mengenakan caj yang mereka merasa munasabah untuk menyelenggarakan pusat itu, kerana tidak ada subsidi daripada orang lain, tiada cukai yang dipakai dan sebagainya. Caj yang dikenakan adalah difikirkan perlu oleh Pusat itu sendiri dan yang mampu bayar boleh pergi ke sana. Kita di Kerajaan hanya dapat membekalkan perkhidmatan untuk mereka yang ingin datang ke hospital kita khasnya

yang tidak mampu membayar caj di hospital-hospital swasta.

Mengenai pengambilan murid-murid dari Sabah dan Sarawak dalam kursus-kursus perubatan di universiti-universiti tempatan, memang saya rasa tidak ada golongan di negara Malaysia yang puas hati dengan pengambilan, khasnya dalam kursus-kursus perubatan. Baru-baru ini pun saya sempat menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai perkara ini. Dalam perkara ini kita terpaksa mengagih-agihkan tempat yang terhad di tiga buah universiti yang menjalani kursus perubatan kepada semua pihak dan saya sendiri tahu bahawa ada tempat yang dikhaskan bagi murid-murid dari Sabah dan Sarawak. Berapa ramai dan dasarnya adalah dikawal oleh Kementerian Pendidikan, bukan Kementerian Kesihatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Penjelasan atas pertanyaan Yang Berhormat khususnya daripada sudut structure share Normah dalam Medical Centre.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, shareholders atau pemegang saham Normah Medical Centre ini adalah terdiri daripada Sarawak Economic Development Corporation (SEDC), SESCO (Sarawak Electricity Supply Development Corporation) iaitu kurang lebih macam LPN kita di sini, Sarawak Timber Industries Corporation dan juga Normah Medical Foundation. Share yang banyak adalah dipegang oleh ketiga-tiga agensi yang saya sebutkan tadi, manakala Normah Medical Foundation di mana saya sendiri menjadi Pengerusinya mempunyai 10% share dalam hospital ini.

Tentang pengambilan anak-anak Sarawak di Fakulti Perubatan, memang kita telah memberikan keistimewaan kepada anak-anak daripada Sabah dan

Sarawak dan amalan ini berjalan berterusan, Yang Berhormat sendiri pun tahu.

LAPISAN "OZONE"

8. Tuan P. Patto minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang Kerajaan mengambil untuk menyelamatkan alam dunia kita dari masalah penyempitan lapisan "ozone" (thinning of the ozone layer) dan apakah hasil pelaksanaan langkah-langkah ini.

30-6-89

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ancaman yang semakin bertambah kepada lapisan ozon dan apakah usaha-usaha yang sedang dibuat oleh Malaysia dalam mengatasi masalah lapisan ozon semakin nipis.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang untuk 30hb Jun 1989 memandangkan kedua-dua soalan menyentuh isu berkaitan dengan lapisan ozon.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar akan ancaman kepada bumi yang datang dari penghapusan lapisan ozon di atmosfera, maka Kerajaan telah bersetuju untuk menyertai Protocol Montreal mengenai bahan-bahan yang menghapuskan ozon. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, negara kita bukanlah mengeluarkan chlorofluocarbons atau (CFC) dan Halon, dan kita hanya mengimport bahan-bahan kimia ini. Dalam pada itu, usaha sedang dijalankan untuk menentukan bahawa pengimportan bahan-bahan tersebut dicatat dan diawasi. Berkenaan dengan langkah-langkah yang telah diambil, saya telah

memberi penjelasan semasa menjawab soalan yang serupa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar pada 23hb Jun yang lalu dan saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi. Berkenaan dengan hasil daripada langkah-langkah untuk melindungi lapisan-plapisan ozon, memandangkan kita sedang mula melaksanakannya, maka adalah terlalu awal untuk melihat hasilnya sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kampar.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah banyak pengimportan CFC dan halon, yang kedua-dua bahan ini akan merosakkan lapisan ozon negara kita ini dan berapakah amount yang dibenarkan digunakan oleh penduduk ataupun perkapita, yang batasannya yang dibenarkan untuk digunakan oleh rakyat Malaysia dalam setahun. Apakah amount itu? Apakah pengimportan itu lebih daripada itu yang dibenarkan oleh Protocol Montreal itu?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, had penggunaan bahan-bahan terkawal di bawah protocol montreo ialah 0.3 kg setiap orang bagi satu tahun untuk negara-negara sedang membangun. Paras penggunaan bagi Malaysia pada tahun 1986 (yang merupakan tahun asas bagi menentukan para pengguna di bawah Protocol Montreal ialah 0.2 kg setiap orang bagi satu tahun. Sekarang jumlah bahan tersebut iaitu CFC dan Halon yang digunakan di Malaysia ialah 4,000 tan setahun.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuching.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adakah sesuatu alternative

yang boleh digunakan untuk menggantikan CFC dan halon untuk pengeluaran bahan-bahan seperti spray, deodorant dan sepertinya dan jika ya, kepada Kerajaan kita tidak menimbangkan satu rancangan ataupun satu Rang Undang-undang baru untuk mengawal pengeluaran di negara kita ini supaya mereka tidak menggunakan CFC lagi dan dengan menggunakan alternative yang ada sekarang seperti yang dibuat di Amerika Syarikat sekarang.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada bahan kimia yang boleh menggantikan CFC dan Halon, tetapi mengikut laporan kita, didapati dalam suratkhobar bahawa ada juga international corporations telah mewujudkan kimia pengganti, akan tetapi mereka kita belum dapat memasarkannya ke negara ini.

DRAMA TV SWASTA

9. Taun Ong Tee Keat minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan untuk drama-drama TV swasta berbanding dengan drama-drama TV ciptaan RTM sendiri; dan
- (b) apakah skrip drama TV swasta itu juga berpandukan garis panduan yang diikuti oleh drama TV ciptaan RTM sendiri. Jika ya, mengapa drama TV swasta lebih ghairah memaparkan "violence" sedangkan drama ciptaan RTM tidak. Jika tidak, mengapa?

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada (a) ialah perbelanjaan atau bayaran untuk drama-drama TV yang telah diswas-takan pembuatannya adalah mengikut panjang drama itu dan kualitinya. Drama yang baik dan yang panjangnya lebih kurang 45 minit

dibayar di antara \$37,000 hingga \$42,000 manakala drama yang panjangnya 75 minit dibayar di antara \$55,000 hingga \$65,000. Sebagai perbandingan drama yang dibuat oleh RTM sendiri memakan belanja daripada \$30,000 hingga ke \$120,000. Ada kemungkinan kos-kos penerbitan drama oleh RTM sendiri menjadi agak tinggi. Ini adalah untuk melahirkan drama-drama yang boleh dijadikan contoh kepada pihak swasta. Tetapi, kerana kualiti penerbitan swasta pun juga sudah meningkat baik, lebih banyak penerbitan-penerbitan diserahkan kepada pihak swasta sahaja dan RTM telah mengurangkan penerbitan-penerbitan sendiri.

Jawapan kepada (b), skrip-skrip drama swasta memanglah berpandukan garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh RTM. Tetapi, oleh kerana kebanyakan drama-drama terbitan RTM di masa lalu dianggap tawar dan tidak banyak action, penerbit-penerbit swasta telah melahirkan drama-drama yang lebih "action oriented", dengan izin. Action ini biasanya melibatkan konflik dan perbalahan yang dramatik dan kerana itulah selalu menjadi agak "violent" dan "kontroversi". RTM memang mengawal perkara ini supaya action yang ditunjukkan tidak bercorak "violence" dan tidak akan menjadi persoalan tetapi tidak pula membosankan para penonton yang menontonnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

Tuan Ong Tee Keat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Saya memang faham bahawa setakat ini drama-drama TV ciptaan RTM kebanyakannya telah pun diganti dengan drama-drama swasta kerana Kementerian yang berkenaan ingin melangkah ke arah

penswastaan tetapi apa sebabnya pula program-program Majalah TV seperti Lembaran Mingguan dalam bahasa Mandarin dan Programme Scope dalam Bahasa Inggeris pula yang dibatalkan tanpa sebarang gantian sedangkan Kerajaan kita masih bergantung kepada program-program tersebut untuk menyebarkan maklumat Kerajaan kepada rakyat yang masih belum lagi dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sama ada sesuatu rancangan itu diganti atau tidak atau yang baru diadakan di tempat yang lama, ini semuanya bertujuan ke arah yang lebih baik. Jadi kita menggantikan sesuatu rancangan menurut keadaan dan kesesuaian walaupun pendapat Yang Berhormat itu mengatakan harus digunakan yang lama tetapi ini kita fikirkan adalah amat sesuai diubah buat masa sekarang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Belud.

Tuan Maidom bin P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai drama TV swasta, saya pernah dihubungi bahkan selalu oleh para belia dan beliawanis daripada persatuan-persatuan sudut seni di Sabah bertanya mengenai bagaimana caranya untuk mendapat peluang membuat persembahan di kaca TV hasil skrip drama mereka. Dalam konteks ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan apakah kriteria yang harus dipenuhi ataupun bagaimanakah caranya orang-orang atau kumpulan-kumpulan seperti mereka ini boleh mendapat kesempatan untuk mengadakan persembahan di kaca-kaca TV Malaysia kita?

Tuan Railey bin jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap maksud Yang Berhormat dari Kota

Belud ialah masalah Sabah. Jadi, saya suka menjawab di sini bahawa untuk seseorang hendak mendapat peluang bermain drama dalam televisyen atau menulis skrip supaya skripnya diterima dijadikan satu cerita televisyen ialah melalui drama yang dikeluarkan oleh Televisyen Malaysia. Dalam pada itu, skrip drama yang ditulis itu memenuhi kehendak yang digariskan oleh pihak RTM daripada segi keperluan yang tidak melanggar garis panduan. Jadi, saya rasa soal sama ada dari Sabah, Sarawak atau Semenanjung yang ingin menulis skrip untuk RTM, kita tidak menghalang. Di samping itu, RTM juga dari semasa ke semasa mengadakan atau menganjurkan kursus-kursus penulisan skrip di negeri Sabah dan Sarawak dari semasa ke semasa.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN— TEMPOH KONSESI

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan dalam menawarkan kontrak Lebuhraya Utara-Selatan kepada United Engineers Malaysia telah mengotakan janji yang beliau membuat apabila beliau menemui satu delegasi Ahli-ahli Parlimen DAP di Kementeriannya pada 16 Julai 1987 bahawa perubahan-perubahan berikut akan dipinta iaitu:

- (i) tempoh konsesi selama 25 tahun bagi kutipan tol kepada UEM tidak akan dilanjutkan kepada 30 tahun;
- (ii) jumlah pinjaman asal yang dicadangkan oleh Kerajaan kepada syarikat tersebut sebanyak \$1.65 billion akan dikurangkan kepada maksimum \$750 juta; dan
- (iii) Kerajaan tidak akan memberi apa-apa jaminan kepada UEM terhadap Risiko Luaran yang akan melampau \$1 billion; dan nyatakan terma-terma sebenarnya yang dipersetujui

dalam kontrak yang diberi kepada UEM berkenaan ketiga-tiga perkara ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatan Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP ke Kementerian Kerjaraya, bekas Menteri Kerjaraya, sebenarnya tidak berjanji apa-apa, tetapi sebaliknya akan mengkaji dan mempertimbangkan cadangan-cadangan daripada semua pihak mengenai:

- (i) Tempoh koseksi, pada asalnya, UEM mencadangkan tempohnya adalah 25 tahun berdasarkan kadar tol 7.5 sen sekilometer. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak bersetuju dengan kadar tersebut yang didapati agak tinggi. Pihak Kerajaan telah meminta supaya kadar tersebut diturunkan kepada 5 sen sekilometer. Pihak UEM tidak bersetuju kerana ianya tidak "viable". Kadar 5 sen sekilometer perlu digunakan supaya tidak membebankan pengguna. Cadangan ini dipersetujui dengan memanjangkan tempoh koseksi kepada 30 tahun.
- (ii) Kerajaan hanya mencadangkan supaya bantuan pinjaman dikurangkan kepada \$750 juta tetapi apabila kajian dibuat oleh kedua-dua pihak, ianya didapati tidak "viable" sekiranya bantuan pinjaman Kerajaan dikurangkan. Mengikut perjanjian sejumlah \$1.65 billion akan diberi kepada UEM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman tersebut akan dibayar balik dengan kadar faedah 8%. Sekiranya Kerajaan tidak memberi kemudahan ini, pihak UEM akan mengambil pinjaman daripada luar negeri yang

mana akan memberi kesan kepada Risiko Luaran.

- (iii) Berkenaan dengan Risiko Luaran, Kerajaan tidak menjamin pihak UEM terhadap perkara itu tetapi akan memberi kemudahan pinjaman (loan facility) apabila kadar pertukaran wang asing (exchange rate fluctuation) melebihi 15%. Ini bermakna Kerajaan akan memberi pinjaman hanya ke atas lebih daripada 15% ini. Saya telah difahamkan bahawa pihak UEM telah pun mengurangkan pinjaman luar negeri kerana institusi kewangan tempatan telah memberi sambutan baik untuk memberikan pinjaman. Ini juga selaras dengan arahan Bank Negara supaya UEM mengurangkan pinjaman luar negeri. Oleh yang demikian, ini dengan sendirinya mengurangkan Risiko Luaran.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada apabila satu deligasi Ahli-ahli Parlimen seramai 7 atau 9 orang ada menemui semasa itu Menteri Kerjaraya yang bertanggungjawab dalam portfolio ini, adakah beliau sedar bahawa jaminan dibuat oleh Yang Berhormat bekas Menteri Kerjaraya, bukan lahir daripada kita tetapi daripada Yang Berhormat Menteri, supaya terma-terma yang ada disebutkan dalam soalan itu akan diubahsuai untuk kepentingan rakyat jelata dan kalau Yang Berhormat kata itu bukan satu jaminan tetapi akan dikaji, itu adalah satu dusta, dengan izin, satu lie, satu fitnah.

Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam anggaran atau projection UEM apabila mereka meminta memanjangkan concession daripada 25 tahun kepada

30 tahun, mereka ada menganggarkan untuk melanjutkan tempoh 5 tahun itu, mereka akan mengutip \$20 billion dalam tempoh 5 tahun tambahan itu. Sekarang bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata apakah sebab kenapa ini dipersetujui dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, bukankah pemberian kemudahan pinjaman (loan facility) kepada UEM untuk menjamin atau untuk sebagai satu guarantor kalau ada berlaku pergerakan foreign exchange 15%, tidak berbeza daripada memberi satu jaminan Risiko-risiko Luaran oleh kerana foreign exchange movement itu adalah satu percubaan untuk mengelak soalan ini sahaja.

Akhirnya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini untuk sepanjang masa 30 tahun diberikan kepada UEM untuk mengutip tol Lebuhraya Utara-Selatan, apakah angka yang disampaikan yang akan dikutip oleh UEM baikpun mengikut anggaran UEM atau mengikut anggaran Kementerian yang berkenaan, bukankah itu satu angka \$54 billion untuk 30 tahun?

Tuan Luhut Wan: Jawapan yang saya beri kepada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang saya dapati daripada pihak-pihak pegawai Lebuhraya Malaysia dan pegawai-pegawai yang terlibat langsung kepada rancangan ini. Jadi, malang sekali Yang Berhormat bekas Menteri Kerjaraya tidak menjawab soalan ini daripada Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana.

Tuan Lim Kit Siang: Mengapa tidak suruh dia datang, oleh kerana dia takut jawab di sini, bukan lari.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, kerana beliau sekarang tidak memegang tugas di Kementerian ini, terpaksa macam saya dan Yang

Berhormat-Yang Berhormat yang lain yang bertanggungjawab di sini akan memberi jawapan dan keterangan mengikut apa yang kita dapati daripada pihak-pihak pegawai yang bertanggungjawab.

Benar juga macam Yang Berhormat kata tadi iaitu saya sendiri tidak ada dengan mereka semasa mereka datang ke Kementerian dan Yang Berhormat Menteri telah membuat keterangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Tetapi, sebagaimana yang telah saya terangkan tadi kepada Ahli Yang Berhormat, saya fikir yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi daripada 25 tahun ke 30 tahun yang diberi kepada UEM ini, anggaran yang dikatakannya tadi dalam masa 5 tahun mereka akan memperolehi \$20 billion; itu saya tidak berapa tahu kerana saya sendiri tidak ada membuat apa-apa kiraan terhadap apa yang akan didapati oleh pihak UEM.

Juga saya fikir kita tidak perlu risau sangat mengenai keadaan ini. Perkara ini telah pun dimeteraikan oleh kedua-dua pihak iaitu pihak Kerajaan Malaysia dan UEM dan surat perjanjian yang telah dimeteraikan itu ada disimpan oleh kedua-dua pihak dan apabila mereka akan membuat apa-apa perubahan tidaklah dengan sewenang-wenangnya, bahkan mereka akan berunding. Bagaimana yang saya sebutkan tadi dari mulanya UEM memohon supaya dapat 7.5 sen sekilometer, tetapi pihak Kerajaan sudah membuat permohonan supaya menurun kepada 5 sen sekilometer. Demikian pula jikalau keadaannya akan berubah tentu sekali pihak Kerajaan akan membuat pertimbangan yang lebih baik lagi untuk menolong pengguna-pengguna jalan raya tersebut. Jadi, saya fikir Yang Berhormat janganlah begitu bimbang.

Dr Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat jawab yang setahu Yang Berhormat selepas mengambilalih

jawatan sebagai Timbalan Menteri Kerjaraya, pertamanya adakah di dalam syarat-syarat ini yang dijanjikan membenarkan pihak PLUS mengambil kakitangan atau mencuri kakitangan daripada JKR dan adakah di dalam perjanjian itu yang akan mewujudkan JKR PLUS jadi JKR yang baru sebagai satu syarat.

Kedua, adakah pihak JKR menyiasat sama ada berlakunya penyelewengan termasuk rasuah yang bermaharajalela dan adakah diterima jaminan bahawa sebelum tamatnya tempoh 25 tahun ini PLUS ataupun UEM mungkin ada bankrap, bagaimana projek raksasa ini akan diuruskan tanpa merugikan rakyat jelata.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengetahui apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang mengatakan curi-mencuri pegawai ini kerana yang kita ketahui pegawai-pegawai di mana-mana tempat dan di mana-mana Jabatan Kerajaan, bukan di Jabatan Kerajaan sahaja, bahkan swasta pun kalau mereka tertarik dengan gaji yang lebih banyak di mana-mana tempat, mereka bebas untuk membuat pilihan. Saya sendiri sesungguhnya tidak mengetahui jika curi-mencuri pegawai ini telah pun berlaku di Jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi penjelasan yang begitu jelas dan lebih lanjut lagi terhadap pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang perjanjian-perjanjian yang telah pun diadakan di antara UEM dengan Lebuhraya Malaysia, tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kalau dia sendiri menghendaki perjanjian ini, nanti saya serahkan kepada dia, kerana banyak dan panjang dan saya tidak dapat bacakan semuanya ini untuk perhatian Yang Berhormat dari Kepong. Mengenai rasuah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu, saya pun sudah

ada dua tahun dalam Kementerian ini dan saya tidak sedar rasuah apakah yang berlaku di situ. Jikalau Yang Berhormat betul ada mempunyai bukti yang jelas untuk tindakan pihak Kerajaan, silalah Yang Berhormat memberi bukti dan pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas terhadap perkara itu dan juga saya dapat memberi jaminan terhadap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi sekiranya projek ini bankrap dan sebagainya, apakah tanggungjawab Kerajaan terhadap perkara ini. Ini saya tidak dapat beritahu oleh kerana yang kita ketahui sekarang dan saya yakin dan percaya projek ini tidak akan menghadapi apa-apa bankrapsi sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 11 hingga 75 adalah diberi di bawah ini).

PELABURAN SEKTOR AWAM

2. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan trend dalam pelaburan sektor awam dan swasta bagi tempoh masa 10 tahun yang lalu, serta bentuk pelaburan asing sama ada untuk pengembangan capacity atau pembelian harta.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Bagi tempoh 1980 hingga Mei 1989, sejumlah 5,210 projek perindustrian telah diluluskan dalam mana 3,766 atau 72.3 peratus adalah untuk penubuhan projek-projek baru, dan 1,444 atau 27.7 peratus adalah untuk pembesaran kapasiti yang sedia ada atau pengeluaran barang-barang tambahan.

Jumlah cadangan pelaburan modal dalam 5,210 projek tersebut ialah sebanyak \$46.8 ribu juta, dalam mana \$28.4 ribu juta merupakan pelaburan tempatan dan \$18.4 ribu juta merupakan pelaburan asing.

Arah aliran (trend) pelaburan dalam sektor perindustrian bagi tempoh 1980 hingga Mei 1989 menunjukkan kenaikan dalam jumlah cadangan pelaburan modal daripada kedua-dua sumber pelaburan, iaitu sumber tempatan dan sumber asing.

Cadangan modal pelaburan tempatan dalam projek-projek perindustrian yang telah diluluskan telah meningkat daripada \$1.4 ribu juta dalam tahun 1980 ke \$4.2 juta dalam tahun 1988. Ini merupakan kenaikan purata sebanyak 25.0 peratus setahun bagi tempoh tersebut.

Bagi cadangan modal pelaburan asing pula, ia telah meningkat daripada \$0.7 ribu dalam tahun 1980 ke \$4.9 ribu juta dalam tahun 1988 dan ini merupakan kenaikan purata sebanyak 75.0 peratus setahun bagi tempoh tersebut.

PROPAGANDA KOMUNIS

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sejauh manakah tentang rakyat Poland, Yugoslavia, Romania, Czekoslavakia, Soviet Union dan Cina sendiri terhadap Kerajaan masing-masing dapat membantu Kerajaan Malaysia menghadapi propaganda Komunis dalam negeri ini:
- (b) adakah ini boleh mematkan terus perjuangan komunis di Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

- (a) Apa yang berlaku di negera-negara yang dinyatakan itu

adalah masalah di dalam negara-negara berkenaan dan tidak ada kaitannya dengan masalah propaganda komunis dalam negara ini yang merupakan satu masalah dalam negeri ini sendiri.

- (b) Usaha dan langkah-langkah Kerajaan selama ini dalam menentang propaganda komunis tanpa bantuan asing adalah berkesan dan Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam membenters masalah ini.

LEBUHRAYA UTARA— SELATAN—KEMAJUAN

12. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan minta Menteri Kerjaraya menyatakan kemajuan rancangan lebuhraya Utara-Selatan setakat ini. Bilakah rangkaian Pagoh-Air Hitam-Johor Baharu akan dimulakan, dan bilakah jangkaan projek ini dapat disiapkan. Apakah pihak Menteri bersetuju bahawa rangkaian Air Hitam-Johor Baharu adalah yang paling sebok dan terdapat dibandingkan dengan rangkaian-rangkaian lain, dan memerlukan pengutamaan.

Tuan Luhah Wan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut perjanjian konsesi keseluruhan lebuhraya Utara-Selatan dijangka siap pada tahun 1995. Walau bagaimanapun Kerajaan telah meminta Syarikat Plus Bhd. menyiapkan projek tersebut pada tahun 1993.

Setakat ini Plus telah memulakan Kerja-kerja di beberapa bahagian iaitu lebuhraya daripada Bukit Raja, Kelang ke Damansara, Gurun ke Sungai Petani dan lencongan Pagoh ke Parit Sulong. Berhubung dengan bahagian Lebuhraya Air Hitam-Johor Bahru, ianya akan dibina secara berperingkat-peringkat bermula daripada Pagoh ke Yong Peng yang akan dimulakan pada bulan Ogos ini.

Keseluruhannya akan disiapkan pada Tahun 1993.

Saya bersetuju bahawa bahagian lebuh raya Air Hitam Johor Bharu adalah sibuk, tetapi bahagian-bahagian lain di Utara juga sibuk dan sentiasa mengalami kesesakan lalulintas. Oleh itu adalah mustahil keseluruhan lebuh raya dapat dilaksanakan secara serentak. Permintaan kerajaan kepada Plus supaya rangkaian lebuh raya dipercepatkan dari tahun 1995 ke 1993 telah dengan sendirinya menerangkan betapa Kerajaan tidak mengenyahkan keutamaan mana-mana bahagian lebuh raya.

MTUC MENCEMARKAN KESATUAN SEKERJA

13. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Buruh menyatakan tentang:

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin MTUC yang telah mencemarkan Kesatuan Sekerja itu dengan isu-isu politik. Jika ya, apakah tindakan yang diambil; dan
- (b) apakah Kerajaan akan menggubal satu undang-undang/peraturan bagi memastikan mana-mana kesatuan sekerja bergerak dan bertindak bagi kepentingan pekerja dan tidak kepada pemimpin-pemimpin tertentu sahaja.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' K. Pathmanaban): Tujuan penubuhan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), sesebuah badan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966, ialah untuk menjaga dan menyelaraskan kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja dari segi sosial, ekonomi, perubatan, pendidikan dan pekerjaan.

Kerajaan memang sentiasa mengawasi kegiatan MTUC supaya ia tidak bertindak terkeluar daripada tujuan yang didaftarkan di bawah Akta tersebut. Sehingga kini tidak ada bukti yang kukuh untuk menunjukkan penglibatan MTUC dalam bidang yang terkeluar dari tujuan-tujuan penubuhannya, seperti dalam politik

HOSPITAL DAERAH/POLIKLINIK DI SEPANG

14. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah Kementeriannya akan membina sebuah Hospital Daerah atau sekurang-kurangnya Poliklinik di Daerah Sepang;
- (b) apakah Kementerian bercadang untuk membekal sebuah kereta Ambulan di Pusat Kesihatan Sepang bagi kemudahan pesakit-pesakit khususnya mereka yang mendapat kecederaan dibawa ke Hospital Seremban, Kajang atau Banting; dan
- (c) apakah Kementerian juga bercadang untuk menyediakan Klinik Bergerak di ladang-ladang yang terpencil dan memeriksa klinik-klinik di ladang-ladang serta dapat membekalkan ubat-ubat dan keperluan perubatan secukupnya.

Menteri Kesihatan (Tuan Ng Cheng Kiat):

- (a) Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk membina sebuah hospital daerah dan Poliklinik di Daerah Sepang pada masa ini.

Berasaskan ini Kementerian Kesihatan tidak memberi keutamaan buat masa sekarang untuk membina sebuah hospital daerah di Sepang kerana

kawasan ini mempunyai hospital-hospital berhampiran yang boleh dihubungi dengan jalan raya yang baik. Kajian semula keperluan perkhidmatan bagi kawasan ini akan dibuat semasa penyediaan Rancangan Malaysia Keenam kelak.

(b) Bagi Bandar Sepang, perkhidmatan ambulan sedang dibekalkan dengan sebuah ambulan yang ditempatkan di Pusat Kesihatan Besar Sungai Pelek hanya 8 km dari Bandar Sepang. Ambulan ini boleh digunakan 24 jam untuk membawa kes-kes kecemasan dari Bandar Sepang. Penempatan ambulan di sesuatu kawasan adalah berasaskan kepada beberapa kriteria yang telah ditetapkan. Kementerian Kesihatan walau bagaimanapun akan terus memerhati keadaan di Bandar Sepang dan pembekalan perkhidmatan ambulan untuk Bandar Sepang akan diatur jika perlu.

(c) Perkhidmatan Kesihatan di ladang-ladang adalah seperti berikut:

— Bagi pekerja-pekerja di pekebun-pekebun kecil, Kementerian Kesihatan sedang membekalkan perkhidmatan kesihatan serupa dengan perkhidmatan yang dibekalkan kepada penduduk luar bandar. Ianya termasuk Klinik Bergerak, Klinik Desa dan lain-lain fasiliti yang sesuai mengikut keperluan kesihatan dan kriteria pembekalan kemudahan kesihatan yang sedia ada.

— Bagi ladang-ladang di bawah "Rump Labour Code" di mana perkhidmatan kesihatan sedang diuruskan oleh pihak ladang, Kementerian

Kesihatan berusaha menyusun kawalan yang lebih ketat atas perkhidmatan yang dibekalkan itu, dan juga meninggikan taraf kemahiran kakitangan kesihatan di Hospital-hospital dan klinik ladang.

— Di samping itu, Kementerian juga sedang dan akan bekerjasama dengan pihak pengurusan ladang untuk memperbaiki taraf kesihatan pekerja ladang. Pekerja-pekerja ladang dan keluarga mereka digalakkan menggunakan klinik kerajaan yang berdekatan, khasnya dalam urusan perkhidmatan ibu dan kanak-kanak, termasuk pelalian-pelalian, menumpukan Pendidikan Kesihatan sesuai dengan keperluan kesihatan mereka, serta memperbaiki keadaan sanitasi dan bekalan air di ladang-ladang. Perkhidmatan Klinik Bergerak juga diberi kepada masyarakat ladang yang terpencil.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA—JUALAN KEUNTUNGAN

15. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos:

- (i) berapakah jumlah keuntungan Syarikat Telekom Malaysia sejak ia diswastakan;
- (ii) adakah terdapat sebarang rancangan STM untuk menaikkan gaji pekerja-pekerjanya memandangkan kos hidup yang tinggi hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):

- (i) — Kira-kira untung rugi perniagaan STM bagi tahun

kewangan berakhir 31 Disember 1988 masih dalam penyediaan. Oleh itu kedudukannya tidak diketahui lagi. Tetapi bagi tahun kewangan 1987, saya telah pun menjawab soalan yang sama di Dewan yang mulia ini pada 23 Mac 1988. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

- (ii) — STM tidak bercadang untuk menaikkan gaji pekerja-pekerjanya buat masa ini.

PERUMAHAN DI SUNGAI PETANI

16. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa bandar-bandar Sungai Petani semakin maju pesat dengan projek-projek perumahan hingga timbul beberapa pemaju rumah menindas penduduk Kampung Rendang, Padang Temusu dan Kampung Huma Sungai Petani. Apakah usaha-usaha penyelesaian yang dibuat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Kementerian memang menyedari masalah yang timbul kepada penduduk-penduduk Kampung Rendang, Padang Temusu dan Kampung Huma Sungai Petani akibat pelaksanaan projek-projek perumahan di sekitarnya. Berhampiran Kampung Rendang dan Temusu terdapat dua buah syarikat yang menjalankan pemajuan perumahan iaitu Sharifah Development yang membina projek perumahan Taman Saga. Projek ini telah mencapai peringkat penyediaan 90% dan akan siap tidak berapa lama lagi. Manakala sebuah syarikat pemaju lagi ialah Pasir Mutiara Sdn. Bhd. yang baru menjalankan kerja-kerja permulaan di

tapak bina. Kedua-dua kawasan pembinaan itu terletak di tempat yang agak tinggi. Apabila hujan lebat, tanah merah dibawa air turun ke kampung-kampung di sekitarnya. Pada masa lalu masalah ini memang berlaku kerana projek perumahan sedang berjalan di mana pembinaan sistem perparitan belum sempurna, rumput belum ditanam dan jalan belum ditar. Dengan arahan dan pengawasan daripada pihak Pejabat Daerah Sg. Petani dan Majlis Daerah Kuala Muda, pemaju telah banyak memperbaiki keadaan itu dan bilamana projek itu siap nanti masalah yang dibangkitkan akan dapat diselesaikan sama sekali.

Berhubung dengan Kampung Huma pula, pemaju perumahan Sinwik Development telah menjalankan projek perumahan di kawasan seluas 433.9 hektar yang dahulunya adalah sebuah estet. Lot yang dimajukan itu ialah lot 1766 dan 9089. Semasa dibeli terdapat 20 keluarga setinggan mendiami tanah tersebut dan ada sebuah surau. Dalam tahun 1987 pemaju telah menawarkan kepada tiap-tiap keluarga perkara-perkara seperti berikut supaya projek perumahan yang hendak dilaksanakan tidak tergendala:

- (a) Tanah tapak rumah seluas 4,500 kaki persegi, di kawasan pinggir projek.
- (b) Menambun tanah tapak rumah.
- (c) Membina rumah baru.
- (d) Membayar kos pengangkutan bagi perpindahan barang-barang.
- (e) Menyediakan api dan air.
- (f) Menyediakan jalan keluar masuk.
- (g) Membayar gantirugi \$1,000.00 satu relung bagi bendang padi yang diusahakan.
- (h) Mendirikan sebuah surau.

Kesemuanya disediakan/dibayar oleh pemaju secara percuma. Walau bagaimanapun hanya satu/dua

keluarga yang tidak mahu menerima tawaran itu. Perkara ini telah dibawa kepada pengetahuan Kerajaan Negeri Kedah dan Penasihat Undang-Undang negeri telah menasihatkan supaya tawaran itu diterima. Namun demikian keluarga yang berkenaan masih enggan menerima tawaran pemaju tersebut.

LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA

17. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang Lembaga Tembakau Negara khususnya bagi menyelesaikan masalah **LEBIHAN KUOTA** daun tembakau di musim tembakau tahun ini dan apakah sebab-sebab utama berlakunya berlebihan kuota ini dengan begitu banyak. Seberapa manakah kelebihan kuota sebenarnya, dan sejauh manakah tolak ansur yang dapat dijalankan oleh pihak-pihak yang terlibat.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Lebihan kuota daun tembakau di musim tembakau tahun ini adalah dianggarkan sebanyak 1.6 juta kilogram atau 14% daripada 11.4 juta kilogram kuota yang diagihkan. Sebab utama mengapa berlaku lebihan kuota pada tahun ini adalah hasil daripada keadaan cuaca yang baik dan perjalanan pemasaran yang memuaskan.

Walaupun pengeluaran tembakau pada tahun ini mengalami lebihan kuota, namun ia tidaklah boleh disifatkan sebagai kegagalan di dalam sistem kuota. Kita perlu mengambilkira iaitu sejak sistem ini dilaksanakan pada tahun 1974, hanya dua kali berlaku lebihan kuota iaitu pada tahun 1986 dan tahun ini. Sebaliknya sistem ini yang diwujudkan untuk mengimbangi antara pengeluaran dan permintaan tembakau telah didapati berkesan dan memberi munafaat kepada semua pihak khususnya

penanam-penanam dan pengawet-pengawet tembakau.

Langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil oleh Lembaga Tembakau Negara (LTN) bagi menyelesaikan masalah lebihan kuota pada tahun ini adalah seperti berikut:

- (i) Memperhebatkan program penerangan kepada penanam dan pengawet supaya mereka benar-benar memahami tujuan sistem kuota dan kesan buruk jika pengeluaran melebihi kuota;
- (ii) Mengawal input-input penanaman tembakau seperti baja, kimia pertanian dan sebagainya;
- (iii) Mengawal perancangan tanaman pengawet-pengawet supaya seimbang dengan kuota masing-masing;
- (iv) Tidak menjamin pasaran bagi mana-mana pengeluaran yang melebihi kuota, Pengawet-pengawet jika dibenarkan menjual melebihi kuota akan dianggap telah menggunakan kuotanya bagi tahun hadapan; dan
- (v) Berunding dengan pengilang-pengilang rokok supaya membeli semua tembakau yang melebihi kuota.

Menyentuh tolak ansur yang telah dijalankan, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini, pengilang-pengilang rokok telah pun bersetuju membeli sebahagian daripada lebihan kuota tahun ini. Rundingan lanjut antara Kementerian Perusahaan Utama dan LTN dengan pengilang-pengilang rokok sedang dibuat dan adalah diharapkan bahawa penyelesaian menyeluruh dapat dicapai secepat mungkin, bagi membolehkan semua

lebih kuota yang terdapat pada tahun ini dipasarkan sepenuhnya.

PELACURAN DI TAWAU— SINDIKET

18. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa terdapat sindiket tidak bermoral (vice syndicate) yang berpusat di Tawau membawa gadis-gadis Indonesia untuk dijadikan pelacur, dari sempadan Kalimantan Timur sejak tahun 1988; dan
- (b) mengapakah hingga ke hari ini tidak ada tindakan susulan oleh pihak polis untuk menangkap ahli-ahli sindiket tersebut yang dipercayai telah mereka kenali.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerajaan memang sedar adanya kegiatan pelacuran di Tawau, Sabah yang dijalankan oleh warganegara asing tetapi setakat ini tidak ada bukti yang menunjukkan kegiatan pelacuran di tempat tersebut dijalankan oleh sindiket, sebaliknya ianya dilakukan secara bersendirian.
- (b) Sukalah saya tegaskan di sini pihak polis sentiasa mengambil tindakan mencegah dan mengawal kegiatan ini. Di antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak polis ialah membuat serbuan, pemeriksaan dan tangkapan di hotel-hotel, rumah-rumah pelacuran dan rumah urut serta tempat yang disyaki menjalankan kegiatan tersebut. Selain daripada tindakan di atas tindakan undang-undang di bawah Enakmen Kediaman Terhadap iaitu mengenakan perintah sekatan ke atas penganjur-penganjur yang terlibat akan dipergiatkan.

STOK BAHAN-BAHAN ELEKTRIK LLN

19. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah sebabnya pihak Lembaga Letrik Negara tidak mempunyai beberapa bahan-bahan "spares" seperti bulb letrik, tiang, dawai dan se-pertinya dengan kadar mencukupi dalam masa dua tahun yang lampau. Adakah benar soalan pengswastaan LLN sedang menimbulkan beberapa masalah seperti tersebut. Apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut;
- (b) adakah pihak LLN sedar beberapa Majlis-Majlis Tempatan sedang mengalami kesulitan berhubung dengan pembekalan api dalam kawasan masing-masing dengan keadaan "spares" yang tidak mencukupi oleh LLN. Apakah sebabnya pihak LLN tidak boleh membenarkan pihak swasta untuk membekal "spares" tersebut kepada Majlis-Majlis Tempatan, untuk mengelakkan aduan dari penduduk-penduduk tempatan; dan
- (c) bilakah pihak LLN akan menukar sistem api yang digunakan untuk membekal api dalam kawasan-kawasan tempatan kepada sistem "solar" yang digunakan dari cahaya matahari.

Tuan Ong Tin Kim:

- (a) Pada keseluruhannya, Lembaga Letrik Negara (LLN) mempunyai stok bahan-bahan yang mencukupi untuk mengendalikan projek-projek yang dirancangkan kecuali bagi beberapa bahan sahaja seperti

lampu-lampu letrik. Soal pen-swastaaan LLN tidak ada sebarang hubungan dengan masalah kekurangan bahan-bahan ini. Sebenarnya permintaan luar biasa, hasil daripada pemulihan ekonomi dan perkembangan yang pesat yang dicapai oleh Negara kita dalam masa dua tahun yang lampau telah mengakibatkan kekurangan.

Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan ini terdiri daripada melipatgandakan stok bahan-bahan, menawarkan kontrak bekalan kepada pembekal-pembekal yang berkemampuan dan berkeupayaan, pengenalan kaedah-kaedah moden dalam perancangan stok dan meningkatkan sistem penghantaran bahan-bahan ke daerah-daerah.

Bagi menjawab soalan 1 (b), memang benar LLN telah mengalami masalah kekurangan bahan-bahan untuk lampu-lampu awam. Walau bagaimanapun masalah ini telah pun diatasi dan LLN telah mengambil tindakan-tindakan untuk memastikan setiap daerah menyimpan bekalan alat-ganti yang mencukupi bagi kerjakerja penyelenggaraan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat di bawah tarif lampu awam (tarif G) LLN bertanggungjawab untuk membekal alat-alat ganti serta menyelenggarakan lampu awam. Sekiranya Majlis-Majlis Tempatan berhasrat untuk membeli dan menyimpan alat-alat ganti LLN memang tidak ada halangan. Walau bagaimanapun dari segi "economies of scale" dan pengurusan stok adalah lebih baik LLN mengendalikan pembelian dan penyimpanan alat-alat ganti.

Soalan Ahli Yang Berhormat 1 (c) tidak berapa jelas. Walau bagaimanapun sekiranya maksud soalan 1

(c) adalah penggunaan tenaga suria bagi lampu-lampu awam, LLN belum lagi ada cadangan untuk menggunakannya kerana masih lagi tidak berekonomik.

IMPORT/EKSPORT DARI PELABUHAN—HASIL

20. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah hasil import dan eksport yang dipungut oleh Malaysia dari pelabuhan-pelabuhan dan dalam tahun-tahun seperti berikut:

- (a) Pelabuhan Kelang dari Januari 1988 hingga sekarang;
- (b) Pelabuhan Labuan dari Januari 1988 hingga sekarang;
- (c) Pelabuhan Bintulu dari Januari 1988 hingga sekarang.

Nyatakan sama ada terdapat peningkatan import dan eksport bagi barangan sejak Januari 1989 hingga April 1989 kalau dibandingkan dengan Januari 1988 hingga bulan April tahun yang sama.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail).

- (i) Jumlah hasil import dan eksport yang dipungut oleh Malaysia dari Januari 1988 hingga April 1989 adalah sebanyak:

- (a) \$1,130.1 juta di Pelabuhan Kelang;
- (b) \$321.6 juta di Pelabuhan Labuan;
- (c) \$125.0 juta di Pelabuhan Bintulu.

- (ii) Memang terdapat peningkatan import dan eksport bagi barangan yang dikendalikan oleh Pelabuhan-Pelabuhan Kelang, Labuan dan Bintulu bagi tempoh Januari hingga April 1989 kalau dibandingkan dengan tempoh yang sama bagi tahun 1988.

PELACURAN BAGI PELAJAR- PELAJAR PEREMPUAN

21. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kes pelajar-pelajar perempuan yang terlibat dengan kegiatan pelacuran, bekerja di BAR dan rumah urut;
- (b) bilangan pelajar-pelajar lelaki yang terlibat dalam kes-kes pecah rumah, samun, perasugut, mencuri dan menyertai kumpulan-kumpulan gelap; dan
- (c) apakah tindakan yang telah diambil terhadap kes-kes tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Berdasarkan rekod-rekod yang ada setakat ini, belum ada pelajar-pelajar sekolah perempuan yang masih menuntut melibatkan diri di dalam kegiatan pelacuran, bekerja di BAR dan di rumah-rumah urut.
- (b) Setakat ini seramai 341 pelajar lelaki dikenalpasti terlibat di dalam kejadian jenayah tertentu seperti pecah rumah, samun, perasugut dan mencuri iaitu seramai 75 orang terlibat dalam kes pecah rumah, 26 orang kes samun, 10 kes perasugut dan 230 kes curi.
- (c) Beberapa langkah pencegahan diadakan seperti mengadakan rondaan-rondaan di sekolah-sekolah, mengadakan syarahan-syarahan, perbincangan dan penerangan mengenai keburukan serta bahaya penglibatan murid-murid sekolah di dalam kegiatan-kegiatan yang tidak diingini seperti jenayah, dadah serta maksiat. Bagi pelajar-pelajar yang didapati telah terlibat langsung, kerajaan tidak ada pilihan melainkan

mengambil tindakan undang-undang seperti menangkap dan mendakwa ke mahkamah jika cukup bukti.

PROJEK BEKALAN AIR DI TEPI PANTAI SARAWAK

22. Datuk Peter Tinggom Kamarau minta Menteri Kerjaraya menyatakan setakat ini berapa banyak projek-projek bekalan air di kawasan tepi pantai Sarawak yang telah diselesai dibina oleh Syarikat Antah-Biwater dan beri nama-nama tempat bersama dengan kos satu-satu projek. Berapa banyak jumlah wang yang belum dibelanjakan kalau mengikut perjanjian di antara syarikat ini dengan Kerajaan dan berapa banyak projek-projek yang dikehendaki di negeri Sarawak yang belum dibina oleh syarikat ini. Adakah semua projek yang telah siap dibina dapat memberi cukup air untuk orang yang dicadangkan itu.

Tuan Luhut Wan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini peringkat pelaksanaan projek-projek bekalan air di kawasan tepi pantai negeri Sarawak yang dikendalikan oleh Syarikat Antah Biwater J.V., masih dalam peringkat penyiasatan punca air dan rekabentuk sistem bekalan air. Apabila kerja-kerja ini telah pun siap barulah boleh persiapan fizikal dimulakan. Projek-projek yang terlibat adalah seperti berikut:

<i>Nama Projek</i>	<i>Anggaran Kos</i>
(i) Kuala Matu	\$5,035,827.00
(ii) Tebelu	\$2,007,187.00
(iii) Kg. Sai	\$4,627,080.00
(iv) Dalat	\$2,729,324.00
(v) Kuala Balingian	\$5,763,542.00
(vi) Semup	\$3,300,000.00
(vii) Seredeng	\$3,776,829.00

Mengenai berapa banyak jumlah wang yang belum dibelanjakan kalau mengikut perjanjian di antara Syarikat Antah Biwater J.V. dengan pihak Kerajaan, ingin saya memaklumkan bahawa setakat ini sebanyak \$54 juta daripada jumlah kos sebanyak \$172 juta telah pun dibelanja untuk membayar kerja-kerja persiapan projek. Ini bermakna baki sebanyak \$118 juta masih belum dibelanjakan.

Mengenai berapa banyak projek-projek yang dikehendaki di negeri Sarawak yang belum dibina, ingin saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebanyak 18 projek telah dirancang untuk dibina di Sarawak di bawah rancangan khas bekalan air luar bandar ini. Setakat ini 11 projek daripada jumlah tersebut telah pun dimulakan kerja persiapannya. Baki jumlah itu, iaitu projek belum dimulakan kerja persiapan. Projek-projek ini adalah projek-projek di kawasan-kawasan tepi pantai seperti yang telah disebutkan di awal jawapan ini. Akhir sekali, ingin saya juga memaklumkan bahawa apabila siap semua 18 projek bekalan air luar bandar ini di negeri Sarawak maka ia akan dapat menampung keperluan air di kawasan-kawasan berkenaan sehingga tahun 2010.

KITAB AL-QURAN— MEMBEKAL

23. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah rancangan Kerajaan mencetak al-Quran dan diedar kepada orang-orang Islam negara ini; dan
- (b) apakah sumbangan yang telah diberikan oleh Kementerian atau Yayasan Dakwah kepada Pusat Dakwah Islam Negeri Kedah sama ada bentuk kewangan atau bantuan buku-buku dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk berbuat demikian oleh kerana pihak swasta masih mampu membekalkan kitab-kitab al-Quran secukupnya untuk kegunaan Islam negara ini.

Yayasan Dakwah hanya memberi sumbangan berupa majalah bulanan dakwah kepada Pusat Dakwah Islam Negeri Kedah.

SUKAN SEA—PERBELANJAAN

24. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan memandangkan Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Sukan SEA tahun ini, dengan iklan besar-besaran untuk menjayakan sukan ini:

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan bagi menjayakan Sukan SEA ini (Pengurusan dan Pembangunan);
- (b) berapakah keuntungan yang dijangka dapat Malaysia memperolehi dari Sukan SEA ini;
- (c) adakah skuad negara sudah bersedia mencabar dalam Sukan SEA ini dan berapakah perbelanjaan bagi persediaan ahli-ahli sukan kita; dan
- (d) tidakkah pihak Kementerian menyediakan satu tabung khas bagi ahli-ahli sukan kita yang ditimpa malang seperti yang ditanggung oleh Mokhtar Dahari.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Jumlah perbelanjaan bagi pengurusan Sukan SEA XV 1989 ini dianggarkan sebanyak

\$13 juta. Anggaran ini adalah untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan persembelian di bawah 13 Jawatan-kuasa dan tidak mengambilkira perbelanjaan persembelian pasukan negara.

Perbelanjaan untuk pembangunan infrastruktur tidaklah dapat dianggapkan sebagai perbelanjaan yang khusus untuk Sukan SEA XV 1989. Sebaliknya perbelanjaan ini adalah untuk rancangan jangka panjang pembangunan kemudahan-kemudahan sukan untuk negara. Jumlah perbelanjaan yang terlibat adalah seperti berikut:

(i) Menaik taraf Stadium Merdeka	\$5.31 juta
(ii) Menaik taraf Stadium Negara	\$3.06 juta
(iii) Stadium Ter-tutup Tenis	\$12 juta

Ini adalah projek Kementerian Belia dan Sukan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga memainkan peranan dalam membina beberapa kemudahan baru yang akan digunakan dalam kejohanan Sukan SEA XV 1989. Antaranya ialah:

(i) Kompleks Kolam Renang Bandar Tun Razak	\$9.9 juta
(ii) Stadium Badminton, Cheras	\$10.0 juta
(iii) Stadium Bandar Tun Razak	\$16.5 juta

Untuk projek Velodrom Rakyat di Ipoh, Kerajaan Persekutuan telah memberi bantuan sebanyak \$1 juta bagi membantu Kerajaan Negeri Perak dalam pembinaan velodrom tersebut yang dianggarkan sebanyak \$3.16 juta.

(b) Keuntungan yang dijangka adalah sebanyak \$5 juta yang akan digunakan untuk Tabung Sukan Negara.

(c) Ya, skuad negara sudah bersedia mencabar dalam Sukan SEA XV di Kuala Lumpur nanti berdasarkan kepada analisa program latihan persembelian ke arah Sukan SEA dan pencapaian semasa atlit-atlit negara di kejohanan-kejohanan luar negeri mahupun tempatan yang menunjukkan peningkatan prestasi masing-masing.

(d) Pihak Kementerian melalui Majlis Sukan Negara Malaysia tidak ada menyediakan satu tabung khas bagi ahli-ahli sukan kita yang ditimpa malang. Walau bagaimanapun, atlit-atlit negara di bawah Skim Perangsang Ahli Sukan dilindungi dengan Insuran Kemalangan Diri sebanyak \$50,000.00 semasa menjalani latihan. Di samping itu, atlit-atlit yang lain (termasuk Program Bakat) yang menyertai latihan di bawah pengawasan dan program Majlis Sukan Negara akan dilindungi dengan Insuran Am sebanyak \$10,000.00.

PEMILIK RUMAH—NILAI TAHUNAN

25. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa terdapat dasar kerajaan untuk menggalakkan pemulihan rumah, kementeriannya telah tidak membenarkan pembeli rumah yang mendapat pinjaman dari bank atau institusi kewangan untuk membeli rumah bagi kediaman sendiri dari memasukkan bayaran faedah pinjaman sebagai satu jenis potongan perbelanjaan semasa melaporkan cukai pendapatan sedangkan syarikat-syarikat sendirian berhad yang

membeli rumah dengan pinjaman untuk tujuan spekulatif dibenarkan untuk membuat demikian.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Seorang pemilik rumah disifatkan sebagai mempunyai pendapatan jika rumahnya disewakan dan ditaksir di atas nilai tahunan bersih rumah itu. Dalam taksiran punca sewaan ini, faedah di atas pinjaman rumah berkenaan diberi potongan dalam menentukan nilai tahunan bersih sewaan tersebut.

Walau bagaimanapun, jika pemilik mengahuni rumah tersebut ia adalah dianggap tidak mempunyai punca pendapatan dan rumah tersebut tidak ditaksir atas nilai tahunan bersih dengan itu ia adalah dikecualikan daripada penganan cukai. Pengecualian ini hanya dihadkan kepada sebuah rumah yang diduduki sahaja.

Membenarkan pembeli rumah yang mendapat pinjaman dari bank atau institusi kewangan untuk membeli rumah bagi kediaman sendiri dan memasukkan bayaran faedah pinjaman sebagai satu jenis potongan perbelanjaan semasa melaporkan cukai pendapatan bermakna memberi potongan dua kali bagi faedah pinjaman tersebut.

Selain daripada itu, kutipan hasil daripada cukai individu akan juga terjejas memandangkan kebanyakan pembayar cukai yang membayar cukai mempunyai sekurang-kurangnya sebuah rumah kediaman.

Mengenai syarikat-syarikat sdn. bhd. yang membeli rumah dengan pinjaman untuk tujuan spekulatif bayaran faedah ke atas pinjaman mendapat pelepasan cukai kerana sewa rumah tersebut dikira sebagai pendapatan perniagaan. Pembeli tersebut akan dikenakan cukai keuntungan hartanah (Real Property Gains Tax) sekiranya mereka menjual rumah-rumah tersebut.

JAMBATAN PULAU PINANG— KUTIPAN TOL

26. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) Sejak pembukaan Jambatan Pulau Pinang dalam bulan September 1985, apakah jumlah kutipan tol;
- (b) Sama ada jumlah kutipan tersebut mencukupi membayar balik pinjaman yang diperolehi untuk pembinaan jambatan tersebut;
- (c) Jumlah perbelanjaan operasi bulanan jambatan tersebut; dan
- (d) Bilangan kemalangan yang telah berlaku serta jenis kenderaan yang terlibat dalam kemalangan-kemalangan tersebut.

Tuan Luhut Wan:

- (a) Sejak Jambatan Pulau Pinang dibuka pada bulan September 1985 jumlah kutipan tol sehingga 18-6-1989 ialah sebanyak \$88,021,917.00;
- (b) Hasil kutipan tol di Jambatan Pulau Pinang tidak dapat membiayai bayaran pinjaman Jambatan Pulau Pinang. Kos pembinaan Jambatan Pulau Pinang adalah lebih kurang \$850 juta;
- (c) Jumlah perbelanjaan operasi bulanan Jambatan Pulau Pinang adalah lebih kurang \$136,440.00; dan
- (d) Bilangan kes kemalangan bagi yang berlaku di Jambatan Pulau Pinang sehingga akhir Mei 1989 ialah 251.

FORAM ASIA PASIFIK

27. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah Kementerian Luar Negeri sudah membuat kajian mengenai

Gagasan Forum Asia Pasifik tajaan Australia merupakan ancaman dan saingan kepada ASEAN. Apakah Kerajaan Malaysia berhasrat mencadangkan kepada Sekretariat ASEAN supaya diadakan sidang tergempar Anggota ASEAN untuk membincangkan isu tersebut.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Kementerian-kementerian lain yang berkaitan sedang mengkaji cadangan Perdana Menteri Australia untuk mewujudkan Forum Asia Pasifik. Bagi pendapat Kementerian Luar Negeri, kajian yang teliti dan mendalam mengenai implikasi ke atas ASEAN haruslah dibuat memandangkan di dalam pembentukan dasar luar negara, Malaysia mengambil berat kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN yang telah lama wujud.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Malaysia tidak bercadang untuk mengarahkan Sekretariat ASEAN mengadakan sidang tergempar Anggota Negara ASEAN bagi membincangkan isu tersebut. ASEAN mempunyai mekanismanya tersendiri dan cadangan oleh Perdana Menteri Australia ini akan dibincangkan dalam mesyuarat ASEAN yang berkaitan.

STESEN RADIO SWASTA

28. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan membenarkan penubuhan stesen-stesen radio swasta. Jika ia, sama ada terdapat sebarang permohonan dan jika ia, beri butir-butir.

Tuan Railey bin Jeffrey: Kerajaan masa ini tidak bercadang membenarkan pihak-pihak swasta lain menubuhkan stesen radio. Ini adalah kerana perolehan dari peruntukan

pengiklanan yang terhad dikhuatiri tidak akan dapat menampung dan membiayai stesen-stesen berkenaan dan rancangan-rancangan radio yang disiarkan pada waktu ini dianggap dapat memenuhi keperluan keadaan dan masa.

MAJLIS PERUNDINGAN KEBUDAYAAN NEGARA

29. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada kerajaan akan menerima cadangan dari Ahli Parlimen Bukit Mertajam supaya satu Majlis Perundingan Kebudayaan Negara yang diwakili oleh semua lapisan masyarakat untuk mengkaji semula dasar kebudayaan negara serta mengemukakan dasar yang baru yang boleh diterima oleh semua rakyat.

Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Untuk makluman ahli Yang Berhormat satu badan yang dikenali sebagai Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan (MPKKBK) telah ditubuhkan dalam 1976 dan telah mengadakan mesyuaratnya dari masa ke semasa. Penubuhan Majlis ini adalah di atas kesedaran bahawa peranan membangunkan kebudayaan adalah menjadi tanggungjawab bersama di antara kerajaan dan rakyat. MPKKBK ini dianggotai oleh mereka yang pakar dan ahli dalam bidang kebudayaan serta diwakili oleh pelbagai kaum. Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang sedia ada kerana dasar yang ada sekarang adalah cukup rasional dan dibuat berasaskan pertimbangan sejarah negara, situasi dan realiti yang berlandaskan Perlembagaan Malaysia, dan perubahan dalam segala aspek kehidupan.

Dasar yang sedia ada juga merupakan satu garis panduan yang menentukan indentiti bangsa dan negara Malaysia dengan sifat-sifat kebangsaan sebagai sebuah "nation-state". Matlamat kebudayaan kebangsaan adalah jelas bagi memupuk perpaduan berasaskan persamaan dan landasan tertentu, dan juga membina nilai-nilai kemanusiaan dan kerohanian. Justru itu MPKBB tidak perlu diganti dengan sebuah Majlis Perunding Kebudayaan Negara (MPKN) kerana MPKBB itu adalah satu badan tertinggi yang berperanan memberi pandangan, syor dan nasihat dari segi pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK), menggalakkan penyertaan rakyat dan membincangkan masalah-masalah keseluruhannya.

BANJIR KILAT

30. Tuan Haji Mohamad bin Yaacob minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kementerian ini bercadang untuk mengatasi banjir kilat yang selalu berlaku terutamanya di Kuala Lumpur yang mana banyak merugikan harta-benda dan tanam-tanaman.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Banjir kilat sering melanda kawasan bandar umpamanya Kotaraya Kuala Lumpur. Banjir kilat berlaku disebabkan berbagai faktor antaranya:

- (i) Pembangunan Pesat—Apabila sesuatu kawasan dibangunkan air larian hujan dari kawasan tersebut yang mengalir ke dalam sungai akan bertambah menyebabkan sungai yang ada tidak dapat menampung pengaliran yang bertambah; dan
- (ii) Pembangunan yang tidak terkawal yang mengakibatkan lumpur dan sampah sarap mengalir turun ke dalam

sungai dan mendap menyebabkan sungai menjadi cetek.

Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran mempunyai perancangan menyeluruh dan sedang melaksanakan usaha-usaha untuk mengatasi banjir kilat ini. Berbagai rancangan tebatan banjir telah dirancangkan/sedang dilaksanakan.

Di Kuala Lumpur, usaha untuk mengatasi banjir diimplementasikan melalui dua rancangan iaitu:

- (i) Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur; dan
- (ii) Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan.

Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur telah mula dilaksanakan pada tahun 1975. Kos pembinaannya dianggarkan bernilai \$385 juta. Komponen utama di bawah rancangan ini ialah:

- (i) Membina Ampangan Batu dan meninggikan Ampangan Klang Gate yang bertujuan menakung air larian hujan yang berlebihan dari kawasan tadahan dari turun membanjiri kawasan pusat bandar. Kerja-kerja ini telah siap dilaksanakan.
- (ii) Mendalamkan/meluruskan/memperbaiki tiga sungai utama iaitu Sungai Kelang, Sungai Gombak dan Sungai Batu sepanjang 47 km.

Setakat ini sepanjang 5.4 km. sungai telah diperbaiki sementara 4.85 km. lagi dijangka siap pada tahun ini.

Sehingga kini, \$133 juta telah dibelanjakan di bawah rancangan ini.

Rancangan Perparitan Wilayah Persekutuan pula telah dimulakan pada tahun 1978 bertujuan memperbaiki/meluruskan/mendalamkan

sungai-sungai kecil (selain dari tiga sungai utama di atas) dan membina parit-parit utama. Sehingga kini Kerajaan telah membelanjakan \$12 juta di bawah rancangan ini.

Selain dari dua rancangan utama tersebut. Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengenalpasti beberapa kolam takungan (retention pond) yang boleh menolong mengurangkan banjir kilat. Di Kampung Baru, Kuala Lumpur pula, sebuah rumah pam telah dirancang dan dibina pada tahun 1989. Rumah pam bertujuan mengepam keluar air banjir dari kawasan Kg. Baru (rendah kedudukannya) keluar ke dalam Sungai Kelang (paras air di dalam Sg. Kelang lebih tinggi dari paras tanah kawasan Kg. Baru). Di kawasan lain, Kerajaan dari masa ke semasa melaksanakan program meninggikan ban sungai, mengorek dan mendalamkan sungai-sungai yang cetek (river desilting).

GETAH MALAYSIA— PENGELUARAN

31. Tuan Hsing Yin Siang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah sebab-sebab utama pengeluaran getah yang rendah dan ekspotasi yang rendah bagi suku pertama tahun ini berbanding dengan suku pertama yang sama dalam tahun 1988. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menentukan tahap pengeluaran mereka jika tiada kenaikan pengeluaran.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Pengeluaran getah Malaysia bagi suku tahun pertama 1989 telah merosot sebanyak 9.6% apabila dibandingkan dengan pengeluaran bagi tempoh yang sama tahun 1988. Walaupun demikian, pengeluaran suku tahun pertama 1989 ini tidak boleh digunakan sebagai asas untuk menunjukkan trend kerana pada keseluruhan tahun 1989, pengeluaran getah dianggarkan akan mencapai

tahap 1.620 juta dan dibandingkan dengan pengeluaran tahun 1988 sebanyak 1.660 juta tan.

Untuk makluman Yang Berhormat pengeluaran pada suku tahun pertama 1989 telah merosot oleh kerana kesan dari musim daun gugur yang lebih teruk pada tahun ini. Seperti yang dapat diperhatikan dari angka di atas, anggaran pengeluaran pada keseluruhan tahun 1989 walaupun kurang daripada keluaran tahun 1988, tetapi masih di tahap yang tinggi kerana pengeluaran tahun 1988 ada keluaran yang luar biasa tinggi sejak tahun 1976.

Eksport bagi suku tahun pertama 1989 telah menurun sedikit, oleh kerana simpanan stoknya yang masih ada di Eropah dan Amerika Syarikat.

Kementerian ini akan sentiasa mengambil langkah untuk meningkatkan daya pengeluaran melalui cara-cara seperti pengenalan klon baru yang berhasil tinggi serta memperkenalkan terutamanya kepada pekebun kecil amalan betul dalam pembajaan, penorehan dan penjagaan kebun. Dengan prospek bagi jangkamasa sederhana dan panjang yang baik, minat menanam getah dewasa ini telah meningkat dan didapati kurang kawasan getah yang diubah kepada tanaman lain. Dengan ini, adalah dianggarkan bahawa pengeluaran getah Malaysia akan mencapai paras 1.8 juta tan menjelang tahun 2000.

ANGKATAN TENTERA— MAKANAN YANG DIBEKALKAN

32. Tuan Haji Mohd Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tindakan yang sudah diambil oleh Kementerian terhadap pembekal-pembekal yang tidak mengikut peraturan menyebabkan jenis-jenis makanan mengandungi bahan-bahan tiruan. Sila senaraikan jenis-jenis makanan tersebut.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Semua jenis makanan yang dibekalkan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia, sama ada mentah, basah atau kering dan makanan ransum mempunyai spesifikasi tertentu dan dibekalkan oleh kontraktor-kontraktor yang mengikat kontrak dengan Kerajaan. Dakwaan yang mengatakan bahawa anggota-anggota ATM telah dibekalkan dengan makanan yang berkulat, kurang bermutu dan mengandungi bahan tiruan adalah tidak benar.

Ini adalah kerana kesemua 14 jenis makanan dimaksudkan itu terlebih dahulu dihantar ke Jabatan Kimia untuk ujian mutu sebelum bahan-bahan tersebut digunakan oleh Angkatan Tentera. Hanya makanan yang lulus ujian tersebut sahaja akan dibekalkan kepada Angkatan Tentera. Kerajaan akan menolak perbekalan makanan yang rendah mutu atau tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, tidak timbul soal tindakan terhadap pemborong-pemborong, kerana makanan yang tidak lulus ujian kimia dengan sendirinya akan ditolak dan pihak Kerajaan berhak membeli daripada punca-punca lain.

PENDATANG HARAM DI SABAH

33. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam pengendalian pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram di Sabah memandangkan Kerajaan Negeri Sabah telah menolak Pasukan Petugas VII, maka nyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengendalikan soal pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram di Sabah dan sila nyatakan perbezaan yang wujud antara tindakan-tindakan yang

diambil oleh Pasukan Petugas VII dan Kerajaan Persekutuan dalam perkara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pendatang luar negeri adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, masalah sedemikian mesti dikendali dan dikelolakan sepenuhnya oleh jentera Kerajaan Persekutuan walaupun masalah itu wujud di negeri-negeri tertentu. Sehubungan dengan masalah pendatang luar negeri di Sabah, Kerajaan telah memutuskan sebuah Pasukan Petugas Khas Persekutuan Mengenai Pendatang-pendatang Luar Negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan ditubuhkan untuk mengendalikan sepenuhnya masalah yang dihadapi. Pasukan Petugas Khas ini adalah bertanggungjawab terus dan secara langsung kepada Majlis Keselamatan Negara dalam semua urusan dan gerak-tindak terhadap masalah pendatang luar negeri yang berada di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pasukan Petugas Khas ini akan memastikan pengurusan, pengendalian dan penyelesaian masalah ini dilaksana dan diselaraskan secara menyeluruh dan bersepadu, terancang dan berkesan bersesuaian dengan kepentingan nasional demi menjamin keselamatan negara dan mengekalkan keharmonian serta kesejahteraan masyarakat. Bagi memastikan kesempurnaannya melaksanakan tanggungjawab ini, Pasukan Petugas Khas ini akan mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada Kerajaan Negeri Sabah.

KENDERAAN KERAJAAN— PENGUNAAN KEMPEN PILIHANRAYA

34. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Penerangan menyatakan adakah kereta/van penerangan

Kerajaan boleh dipakai oleh parti-parti politik untuk menjalankan kempen memancing undi dalam masa pilihanraya.

Tuan Railey bin Jaffrey: Kenderaan-kenderaan Kerajaan tidak boleh dipakai oleh parti-parti politik untuk menjalankan kempen pilihanraya. Walau bagaimanapun, unit-unit bergerak Jabatan Penerangan bertanggungjawab menjalankan aktiviti-aktiviti publisiti pilihanraya di kawasan-kawasan yang menghadapi pilihanraya, menyeru seberapa ramai pengundi keluar mengundi dan menerangkan cara mengundi yang betul supaya peratus orang yang keluar mengundi tinggi dan peratus undi yang rosak rendah.

Di samping itu, unit-unit bergerak Jabatan Penerangan menjalankan aktiviti di kawasan-kawasan tersebut untuk menerangkan dasar-dasar Kerajaan yang sebenarnya kepada orang ramai. Demikian, ia tidaklah digunakan untuk tujuan berkempen oleh parti-parti politik tetapi menjalankan tugas-tugas rasmi yang terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Penerangan.

ANGKATAN TENTERA— PENGAMBILAN REKRUT

35. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Mohd Hassan minta Menteri Pertahanan menyatakan rancangan pengambilan rekrut-rekrut baru bagi semua Angkatan Tentera Malaysia kerana ramai anak-anak muda ingin berkhidmat dengan Angkatan Tentera.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Kementerian Pertahanan memang membuat pengambilan rekrut-rekrut baru dari masa ke semasa. Dasar pengambilan anggota-anggota baru untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera adalah dasar terbuka kepada semua rakyat negara

ini yang berminat serta yang memenuhi syarat-syarat yang diperlukan.

Pada tahun 1989 Kementerian Pertahanan sedang membuat pengambilan rekrut-rekrut baru untuk berkhidmat di dalam ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Tentera Darat, Laut dan Udara Angkatan Tentera Malaysia.

Tentera Darat akan membuat pengambilan seramai 3 ribu rekrut, TLDM seramai 200 orang rekrut manakala TUDM seramai 600 orang. Pengambilan ini dibuat secara berperingkat dan mengikut pembahagian zon-zon yang telah ditetapkan.

Kementerian sentiasa mengalukan kemasukan rekrut-rekrut baru ke dalam perkhidmatan Tentera. Maklumat mengenai pengambilan rekrut baru ini sentiasa dibuat oleh pihak Kementerian Pertahanan melalui akhbar-akhbar tempatan serta sebaran am yang lain seperti Radio dan Televisyen.

TORNADO—PEMBELIAN KAPALTERBANG

36. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sebab memilih untuk membeli kapal terbang pejuang Tornado dan tidak memilih kapal terbang F16 atau French Mirage, dan bilangan Tornado ditempah dan harga setiap buah.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Jawapan kepada soalan ini telah pun diberi ketika menjawab soalan yang lebih kurang sama dari Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 19-6-89. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

ROYALTI PETROLEUM

37. Tuan Gerard Math Lee Min bertanya kepada Perdana Menteri sama ada Kerajaan Negeri Sabah

telah memohon Kerajaan Persekutuan untuk penambahan royalti petroleum daripada royalti 5% yang sedang dinikmati pada masa ini.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Buat masa ini Kerajaan tidak ada menerima permohonan rasmi secara bertulis daripada Kerajaan Negeri Sabah untuk menambah royalti petroleum daripada 5% seperti yang dinikmati sekarang. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar royalti hasil minyak bagi semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Kerajaan berpendapat bahawa sistem perkongsian kos dan keuntungan di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran yang digunakan di negara ini dapat menarik pelabur-pelabur antarabangsa untuk menanam modal yang besar bagi kerja-kerja mencarigali dan mengeluarkan petroleum di negara ini. Sekiranya bayaran royalti, yang merupakan sebahagian daripada kos minyak di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran dinaikkan ini akan meningkatkan kos pengeluaran petroleum dan berkemungkinan akan memberi kesan negatif kepada pelaburan di dalam industri petroleum.

NAHAS UDARA—KEMALANGAN JIWA

38. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah nahas udara berlaku sepanjang tahun 1988 dan 1989;
- (b) sudahkah ada suatu kajian yang lengkap mengenai sebab-sebab kerapnya berlaku nahas udara khususnya di Lapangan Terbang Subang;
- (c) adakah Lapangan Terbang Antarabangsa Subang tidak lagi

sesuai disebabkan oleh kesibukan, pencemaran dan lain-lain; dan

- (d) adakah Kerajaan bercadang untuk mengenali lokasi Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru berdekatan dengan laut untuk kemudahan kapal terbang naik dan mendarat seperti di Daerah Sepang atau Kuala Langat.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:

- (a) Terdapat dua nahas udara berlaku di Malaysia yang melibatkan kemalangan jiwa sepanjang tahun 1988 dan 1989 seperti berikut:
 - (i) Boeing 747 (Flying Tiger) pada 19-3-89 di Kuala Lumpur; dan
 - (ii) Pilatus Poter (Polis) pada 17-5-89 juga di Kuala Lumpur.
- (b) Bagi setiap kemalangan udara yang berlaku, sebuah Lembaga Penyiasat adalah ditubuhkan. Bagi kedua-dua nahas tersebut, Lembaga-lembaga yang ditubuhkan masih menjalankan siasatannya. Laporan-laporan hanya akan diperolehi setelah Lembaga-lembaga Penyiasat berkenaan selesai menjalankan penyiasatan. Oleh yang demikian, sebab-sebab berlaku nahas-nahas tersebut hanya akan diketahui apabila laporan-laporan kemalangan itu diterima oleh Kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, laporan-laporan kemalangan yang akan disediakan kelak akan juga mengesyorkan langkah-langkah sesuai untuk mengelakkan nahas-nahas seperti yang berlaku. Kementerian Pengangkutan akan mengambil tindakan perlu

atas langkah-langkah itu se-baik sahaja laporan-laporan itu diterima.

- (c) Lapangan Terbang Antara-bangsa Subang-Kuala Lumpur masih sesuai dan dapat mengendalikannya keperluan trafik udara bagi beberapa tahun yang akan datang. Pada ketika ini, lapangan terbang ini mengendalikannya secara purata sebanyak 170-180 penerbangan turun-naik sehari. Seperti di lapangan-lapangan terbang antarabangsa lain, kebanyakan operasi penerbangan ini adalah pada waktu-waktu sibuk (peak hours) iaitu di antara 8.00-10.00 pagi dan 8.00-10.00 malam. Namun demikian, jumlah penerbangan ini boleh dikendalikan dari segi perkhidmatan kawalan trafik udara dan juga kapasiti fizikal Lapangan Terbang Antarabangsa Subang-Kuala Lumpur yang sedia ada.

Sebagai makluman, sistem landasan/"taxiway" yang pada masa ini dapat mengendalikannya sebanyak 23 pergerakan pesawat sejam akan dapat menampung 28-30 pergerakan sejam apabila ia siap dipertingkatkan pada bulan Julai 1989. Mengenai kesesakan yang berlaku semasa waktu-waktu sibuk di Bangunan Terminal I pula, Kementerian Pengangkutan adalah dalam proses membuat kajian atas beberapa langkah untuk dilaksanakan bagi tujuan menambahkan kapasiti bangunan terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Subang-Kuala Lumpur pada keseluruhannya.

Dari segi kawalan trafik udara pula, ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan adalah dalam proses melaksanakan Projek

Peningkatan Sistem Kawalan Trafik Udara bagi seluruh Malaysia. Projek ini yang bermula pada bulan Mac tahun ini adalah dijadualkan siap dalam tempoh 3 tahun. Projek ini termasuk peningkatan sistem kawalan trafik udara di Lapangan Terbang Antara-bangsa Subang-Kuala Lumpur dengannya dilengkapi dengan alat-alat radar seperti "Secondary Surveillance Radar—SSR". Dengan projek ini siap dilaksanakan kelak, mutu serta keupayaan perkhidmatan trafik udara dapat dipertingkatkan lagi.

Mengenai soal pencemaran, ingin saya memaklumkan bahawa perkara ini tidak menimbulkan masalah kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Subang-Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan sekelilingnya. Pencemaran bising pesawat mendarat dan berlepas akan berkurangan pada masa hadapan apabila pesawat-pesawat yang sedia ada digantikan dengan pesawat-pesawat baru yang dipasang dengan enjin-enjin berteknologi moden yang bisingnya jauh berkurangan daripada enjin pesawat sekarang.

- (c) Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membina satu lagi lapangan terbang untuk mengendalikannya trafik udara di kawasan Kuala Lumpur. Bagaimanapun, sebagai rancangan jangka masa panjang, Kerajaan adalah dalam proses mengkaji beberapa opsyen yang sesuai untuk mempertingkatkan lagi keupayaan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang-Kuala Lumpur pada keseluruhannya.

SEKOLAH ASRAMA DESA— PEMBINAAN

39. Tuan Haji Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latif minta Menteri Pendidikan menyatakan bahawa mengikut perancangan Kementerian Pendidikan Sekolah Menengah Sungai Dua di dalam kawasan Parlimen Tasek Gelugor akan dijadikan Sekolah Asrama Desa. Bilakah agaknya pelaksanaannya akan bermula.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan pada asalnya memang merancang untuk membina sebuah asrama desa di Sekolah Menengah Sg Dua. Walau bagaimanapun setelah lawatan ke tapak dan kajian terperinci dibuat, projek asrama desa ditangguhkan dahulu untuk melihat kemungkinan sebuah asrama pusat dibina di tapak tersebut dengan mencampurkan pelajar-pelajar daripada sekolah biasa dan pelajar Sekolah Menengah Teknik yang berhampiran.

BEKALAN LETRIK DI KAMPUNG TIDUNG

40. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah beliau sedar bahawa projek bekalan letrik luar bandar di Kampung Tidung dalam daerah Kuala Penyu Sabah telah tergendala buat sekian lama. Setakat ini berapa peratuskah kerja bagi projek ini telah disiapkan dan bilakah ia akan dapat disiapkan sepenuhnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamad bin Jamrah): Kementerian saya sedar bahawa projek bekalan letrik di Kampung Tidung dalam daerah Kuala Penyu Sabah telah mengalami masalah. Walau bagaimanapun perkara ini telah pun dapat diatasi oleh pihak kontraktor berkenaan. Untuk

makluman Yang Berhormat, peratus kemajuan projek pada masa ini ialah 80% siap. Projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada awal Ogos 1989 ini. Kelewatan menyiapkan projek ini adalah disebabkan oleh masalah tenaga kerja yang dihadapi oleh pihak kontraktor tersebut.

PELARIAN BANDUAN PENJARA

41. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang terbaru yang diambil oleh kerajaan untuk mencegah pelarian banduan-banduan dari penjara memandangkan peristiwa pelarian banduan-banduan dari penjara menjadi-jadi sejak kebelakangan ini; dan
- (b) kesan dasar penjara terbuka kepada kerajaan dan apakah rancangan-rancangan di masa depan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah dan sedang dijalankan bagi mencegah banduan-banduan melarikan diri daripada penjara-penjara adalah seperti berikut:

- (1) menggiatkan rondaan di sekeliling penjara-penjara bagi memastikan tiada cubaan banduan untuk melarikan diri.
- (2) menambahkan bilangan pegawai penjara bagi mengawal banduan-banduan yang perlu dibawa keluar daripada penjara untuk mendapatkan rawatan di hospital atau menghadiri perbicaraan di mahkamah.
- (3) membina lebih banyak menara-menara kawalan di penjara-penjara.

- (4) menambahkan pemasangan "spot light" (dengan izin) di sekeliling tembok penjara bagi kegunaan pengawasan keselamatan di waktu malam.
- (5) menambahkan pemasangan wayar kecemasan di sekeliling pagar di atas tembok penjara bagi menghalang banduan-banduan memanjat tembok penjara (Wayar ini apabila disentuh oleh sesuatu objek, loceng kecemasan akan berbunyi secara automatik).
- (6) mengenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja ke atas pegawai/kakitangan penjara yang didapati cuai sehingga menyebabkan banduan dapat melarikan diri.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, buat masa sekarang kita mempunyai 3 buah penjara terbuka iaitu:

- (i) Penjara Terbuka Pengkalan Chepa;
- (ii) Penjara Terbuka Marang; dan
- (iii) Penjara Terbuka Penor.

Ketiga-tiga buah penjara tersebut dipanggil penjara terbuka kerana ianya hanya berpagar sahaja dan tidak mempunyai tembok berkonkrit sebagaimana di penjara-penjara lain. Banduan-banduan yang ditahan di sini adalah menjalani hukuman penjara kurang daripada 3 (tiga) tahun.

Kesan daripada dasar penjara terbuka ini kepada Kerajaan ialah dapat menambahkan bilangan tenaga mahir di negara ini kerana banduan-banduan yang ditahan di penjara-penjara terbuka berpeluang mendapat pelajaran secara teori dan praktikal mengenai sesuatu bidang pekerjaan tertentu secara lebih meluas seperti membina bangunan-bangunan dan

membuat perabut. Dengan adanya kemahiran yang diperolehi oleh banduan di penjara-penjara, kemahiran ini dapat digunakan oleh banduan-banduan bagi memohon pekerjaan yang sesuai dengan kemahiran mereka ataupun mereka boleh menjalankan kegiatan secara persendirian apabila mereka keluar daripada penjara kelak. Penjara terbuka juga dapat mengurangkan kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi membina projek-projek pembangunan penjara memandangkan tenaga mereka digembelungkan untuk membina projek pembangunan penjara. Selain dari itu banduan-banduan di penjara terbuka diberi peluang untuk berhubung dengan masyarakat luar melalui program-program yang tertentu seperti melalui projek gotong-royong. Dengan adanya program yang sebegitu rupa menambahkan banduan membuat penyesuaian semula dengan masyarakat dan apabila mereka keluar kelak, diri mereka tidaklah terasing dengan masyarakat secara tidak langsung mereka kurang mempunyai keinginan untuk melakukan perkara-perkara yang berlawanan dengan undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan penjara terbuka di masa akan datang masih lagi dalam peringkat perancangan.

BAS EKSPRES—KEMALANGAN

42. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah bilangan kemalangan jalan raya yang melibatkan Bas-bas Ekspres dalam tahun 1988 dan 1989. Apakah langkah Kementerian bagi mengatasi masalah ini dan juga adakah pihak Kementerian sedar bahawa pemandu-pemandu Bas Ekspres memandu begitu laju di lebuh-lebuh raya.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Perangkaan yang dikumpulkan oleh pihak Polis tidak mengambilkira bilangan kemalangan yang melibatkan kenderaan bas Ekspres tetapi adalah diketahui bilangan bas yang terlibat dalam kemalangan jalan raya di seluruh Malaysia dalam tahun 1988 ialah 4,964 buah. Adalah diharap dengan perlaksanaan borang laporan kemalangan jalan raya yang baru mulai tahun ini, butir-butir perangkaan yang lebih tepat dapat diperolehi, iaitu butir-butir seperti bilangan kemalangan yang melibatkan bas Ekspres. Perangkaan untuk tahun 1989 tidak dapat diperolehi lagi kerana pihak Polis dalam proses mengumpul dan mengesahkan perangkaan untuk tahun ini. Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya, agensi Kerajaan dan pihak swasta telah mengambil beberapa langkah demi mengatasi masalah kemalangan jalan raya yang terjadi akibat dari pemandu bas memandu dengan laju.

- (i) Pihak Polis sentiasa menjalankan operasi lari deras. Di antara bulan Mac hingga September 1988 sahaja pihak Polis Bahagian Penguatkuasa Bukit Aman telah menyaman 45 pemandu bas Ekspres kerana memandu laju dan mengumpulkan denda sebanyak \$6,190.00 dan 2 waran tangkap dikeluarkan.
- (ii) Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan juga telah mengadakan pelbagai program latihan dan ceramah bagi "pemandu" kenderaan supaya mereka lebih cekap dan berdisiplin ketika di jalan raya. Pada sepanjang tahun 1988 pihak JPJ dan agensi swasta telah mengendalikan sebanyak 38 kali program ceramah untuk pemandu bas dan kenderaan berat.

- (iii) Pihak Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji pelaksanaan semula sistem alat amaran had laju bagi mengatasi masalah kelajuan kenderaan di lebuhraya.

SKIM PERKHIDMATAN GURU

43. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pendidikan menjelaskan tentang:

- (a) kenaikan gaji guru untuk dua Skim (Ijazah dan bukan Ijazah). Apakah Kementerian sedar bahawa ini akan merugikan sebilangan besar guru-guru yang mempunyai Diploma dan ianya tidak akan memberi peluang kepada mereka untuk meningkat ke Kumpulan D1 dan D2. Jika sedar, apakah tindakan sedang diambil;
- (b) kenapakah waktu bekerja untuk pegawai/kakitangan Universiti Malaya bermula dari 8.45 pagi-5.00 petang. Apakah ianya telah diselaraskan dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain dan apakah ianya tidak akan menjejaskan perkhidmatan; dan
- (c) apakah Kementerian bercadang untuk menaikkan taraf ITM kepada Universiti Khas untuk golongan bumiputera sahaja. Jika ya, bila.

Tuan Woon See Chin:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 2 skim perkhidmatan adalah bermatlamat untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan pendidikan di negara ini. Oleh itu cadangan ini tidak akan merugikan sesiapa walaupun ada sebilangan guru yang akan mendapat kenaikan gaji. Tetapi ini hanya merupakan perubahan yang berlaku

akibat daripada pemindahan gaji dalam skim perkhidmatan baru.

(b) Sebenarnya, Universiti Malaya mempunyai 2 waktu kerja iaitu:

- (i) 8.00 pagi hingga 4.15 petang bagi Bahagian Pentadbiran; dan
- (ii) 8.45 pagi hingga 5.00 petang bagi Fakulti/Akademik/Institut,

akan tetapi mulai daripada 1 Jun 1989 waktu kerja di Universiti Malaya akan diselaraskan iaitu dari 8.45 pagi hingga 5.00 petang dengan tujuan untuk memperkukuhkan mutu perkhidmatan. Sesebuah universiti tidak perlu menyelaraskan waktu kerja dengan universiti-universiti tempatan lain.

(c) Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menaikkan taraf ITM kepada universiti khas untuk golongan Bumi-putera sahaja.

JAMBATAN PULAU PINANG— PINJAMAN

44. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah yang masih dihutang kepada perbadanan-perbadanan kewangan berkaitan dengan jambatan Pulau Pinang. Bilakah jumlah ini akan dapat dijelaskan, berikan butir-butir anggaran jumlah jambatan ini akan berharga pada akhirnya.

Tuan Luhut Wan: Pembinaan jambatan Pulau Pinang telah dibiayai dari beberapa sumber kewangan iaitu pemberian cara langsung dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan serta Pinjaman daripada bank-bank komersial dengan dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

Jumlah pinjaman Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sehingga 20 Jun 1989 ialah sebanyak \$4,038.6 juta. Dari jumlah tersebut sebanyak \$1,891.7 juta adalah pinjaman dari bank-bank komersial. Menurut jadual bayaran balik Pinjaman LLM, semua pinjaman daripada bank-bank komersial akan habis dijelaskan dalam tahun 2010.

Jambatan Pulau Pinang ini telah dianggar melibatkan perbelanjaan sebanyak lebih kurang \$850 juta.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN— PEMBINAAN

45. Tuan Haji Mohamed Sam Sailan minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan di bawah Pekej UEM menjadi faktor penggerak juga faktor penghalang kepada beberapa kegiatan ekonomi negara. Apakah tindakan Kerajaan agar faktor penghalang dapat dikurangkan terutamanya dalam aspek perusahaan dan pemasaran kepada barang-barang binaan bagi perniagaan perumahan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tujuan utama rancangan pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan ialah untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan/perhubungan darat yang lebih cekap di negara ini.

Rancangan ini akan bertambah giat lagi dalam masa yang akan datang dan merupakan penggerak dan penggalak kepada berbagai kegiatan perniagaan (termasuk perniagaan perumahan). Di samping memberi pekerjaan kepada lebih kurang 15,000 orang, rancangan ini juga akan membantu kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Masalah rancangan Lebuhraya Utara-Selatan menjadi penghalang dalam aspek perusahaan dan

pemasaran kepada barang-barang pembinaan bagi perniagaan atau sebarang kegiatan perniagaan perumahan tidak timbul, oleh sebab pada ketika ini bahan-bahan utama untuk projek-projek pembinaan lebuh raya dan perumahan (iaitu simen dan besi) adalah mencukupi.

Juga dalam merancang projek-projek pembangunannya, Kerajaan sentiasa mengambil kira mengenai keperluan bahan-bahan binaan termasuk rancangan-rancangan bagi projek lebuh raya dan perumahan. Di samping itu bahan-bahan binaan utama ini adalah di bawah kawalan Kerajaan dari segi harga dan bekalan.

KERACUNAN MAKANAN

46. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan: bilangan kes peracunan makanan baru sejak kematian 13 orang kanak-kanak bulan Oktober lalu. Dalam kes-kes tersebut, apakah punca, sama ada yang bersifat organisma atau kimia, peracunan makanan?

Setakat ini, apakah status pembentukan sebuah pusat keracunan (poison centre) di Malaysia? Bilakah pusat ini beroperasi penuh dan berapa banyakkah pelaburan yang perlu dibuat untuk melengkapi pusat supaya berfungsi dengan berkesan dan cekap di segi keupayaan menjalankan ujian-ujian mengenalpasti agen keracunan, bilangan jenis ubat penawar dalam stok, simpanan maklumat atau pengetahuan mengenai bentuk, punca serta penawar keracunan yang tersedia ada di dunia?

Tuan Ng Chang Kiat: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sejak kematian 13 orang kanak-kanak kerana keracunan makanan di Perak pada bulan Oktober 1988, terdapat sejumlah 2,282 kes keracunan

makanan yang dilaporkan di negara kita sehingga Mei 1989 (iaitu dalam tempoh masa 7 bulan). Di kalangan keracunan makanan di mana punca dapat dikesan sebilangan besar (72.4%) disebabkan oleh bakteria dan sebilangan kecil disebabkan oleh kimia (10.3%). Kita tidak dapat meningesan punca keracunan, atau masih menunggu keputusan, mengenai 43 daripada 72 kejadian wabak keracunan.

Mengenai status pembentukan sebuah pusat keracunan di Malaysia, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Pusat Keracunan itu mempunyai 3 unit:

- (i) Unit Maklumat
- (ii) Unit Makmal Toksikologi.
- (iii) Unit Rawatan

Unit Maklumat yang terletak di Jabatan Farmakologi, Fakulti Perubatan, UMK sudah pun berfungsi secara terhad. Ia akan disyitiharkan di Persidangan Antarabangsa mengenai Pusat Keracunan yang akan diadakan pada hujung November 1989 di Kuala Lumpur.

Unit Makmal Toksikologi berjalan sekarang dengan menggunakan makmal-makmal tertentu dan proses penyelarasan sedang dibuat. Perkhidmatan Makmal Toksikologi pusat adalah sukar dan memakan masa untuk dibentuk kerana penglibatan belanja dan usaha yang besar.

Unit Rawatan Keracunan belum lagi diwujudkan—rawatan dijalankan di Hospital-hospital yang berkenaan.

Anggaran perbelanjaan yang diperlukan untuk membentuk Pusat ini adalah sebanyak \$2 juta dan \$1/2 juta setahun untuk kos penyelenggaraan.

ROMBONGAN MALAYSIA KE TAIWAN

47. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah hasil lawatan rombongan Malaysia ke Taiwan yang diketuainya baru-baru ini;
- (b) adakah wujudnya sesuatu perjanjian yang memberi faedah kepada rakyat dan negara Malaysia—Taiwan dari hasil lawatan tersebut.

Dato' Kok Wee Kiat:

- (a) Saya ingin menerangkan terlebih dahulu bahawa hasil sesuatu lawatan seperti rombongan saya ke Taiwan baru-baru ini tidak dapat dilihat secara serta merta. Hasil dari segi pelaburan hanya dapat dilihat di dalam jangka masa yang panjang selepas minat-minat awal untuk melabur yang di tunjuk itu dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan bahawa sambutan yang didapati dalam misi tersebut adalah sangat menggalakkan di mana lebih daripada 700 para pelabur menghadiri seminar yang diadakan itu. Di samping itu, indikasi awal hasil lawatan ini telah menunjukkan bahawa cadangan pelaburan dari syarikat-syarikat Taiwan untuk melabur di Malaysia adalah sebanyak 800 juta.

- (b) Kerajaan Malaysia tidak menandatangani sebarang perjanjian dengan pihak Kerajaan Taiwan semasa lawatan saya ke negara tersebut baru-baru ini. Walau bagaimanapun tanpa sebarang perjanjian pelaburan Taiwan di Malaysia telah meningkat dari tahun ke

setahun di mana bagi 4 bulan pertama tahun ini, jumlah nilai pelaburan Taiwan di Malaysia di dalam projek-projek yang diluluskan telah meningkat kepada \$549.3 juta daripada hanya \$33.7 juta di dalam tempoh yang sama dalam tahun 1988, iaitu kenaikan sebanyak 1530 peratus.

AKAUN MAMINCO

48. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan memberi satu laporan kemaskini mengenai Operasi Maminco.

Dato' Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah firma akauntan awam bertauliah telah dilantik untuk menyediakan akaun Maminco Sdn Bhd dan kerja-kerja tersebut adalah pada tahap terakhir. Sebaik sahaja akaun berkenaan siap disediakan dan diaudit, penyata kewangan akan dibentangkan di Mesyuarat Agong Tahunan dan sesalinan akan dihantar kepada Pendaftar Syarikat selepas diterima di mesyuarat tersebut.

Oleh yang demikian, buat masa ini laporan kewangan yang kemaskini tidak dapat dikemukakan. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat atau sesiapa sahaja yang berminat boleh mendapatkan sesalinan penyata kewangan dari Pejabat Pendaftar Syarikat sebaik sahaja Maminco mengemukakannya selepas Mesyuarat Agong Tahunan syarikat itu nanti.

GRADUAN MENGANGGUR

49. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang mengupah graduan-graduan yang menganggur untuk dilatih sebagai juruterbang-juruterbang untuk berkhidmat dalam Tentera Udara Diraja Malaysia dan

apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk memastikan juruterbang-juruterbang akan berada dan terus berkhidmat dalam Tentera Udara Diraja Malaysia.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Kementerian Pertahanan pada amnya dan TUDM khususnya, tidak ada rancangan yang khusus untuk mengupah graduan-graduan yang menganggur untuk dilatih sebagai juruterbang-juruterbang TUDM. Permohonan untuk memasuki TUDM dan untuk menjalani latihan juruterbang adalah terbuka kepada semua anak-anak muda yang berkeelayakan, termasuk graduan-graduan yang menganggur tersebut.

Anak-anak muda yang mempunyai kelulusan akademik yang baik di peringkat SPM dan apa juga kelulusan akademik yang lebih tinggi daripada SPM boleh memohon untuk memasuki TUDM. Pada pengalaman yang lepas, didapati ada permohonan diterima daripada graduan-graduan tersebut dan mereka yang layak telah diterima memasuki TUDM. Selain daripada kelulusan akademik, kita juga mahu pemohon-pemohon yang ada kualiti. Mereka hendaklah juga mempunyai sikap yang positif terhadap perkhidmatan, daya kepimpinan, kecergasan fizikal dan nilai-nilai murni yang lain yang harus dipunyai oleh seseorang juruterbang military.

Tidak ada langkah yang khusus untuk memastikan anggota tentera akan terus berkhidmat dalam TUDM, hanya kesedaran serta cintakan kepada kerjaya sahaja yang sentiasa diberi kepada mereka, ciri-ciri murni ini adalah sentiasa ditanam di setiap jiwa anggota semasa latihan di peringkat permulaan lagi.

RASUAH DALAM MILIK SAHAM

50. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan bahawa apakah keputusan penyiasatan yang diadakan

oleh Biro Pencegah Rasuah di bawah permohonan Menteri Pendidikan Encik Anuar Ibrahim atas tuduhan bahawa ayahnya telah menerima tawaran saham sebanyak \$400,000.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah ke atas berkenaan mendapati tidak ada bukti tentang perlakuan rasuah berlaku di dalam pemilikan saham yang dimaksudkan. Didapati segala urusan tersebut adalah mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

AKTA PILIHANRAYA— PINDAAN

51. Dr Abdul Hadi Derani minta Perdana Menteri menyatakan apakah risikonya apabila seseorang Wakil Rakyat meletak jawatan semata-mata untuk menguji kekuatan sendiri dengan niat untuk bertanding dalam pilihanraya kecil berikutan perletakan jawatannya dan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda undang-undang Akta Pilihanraya demi menghalang perkara-perkara serupa ini berterusan.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:

- (a) Risikonya ialah Wakil Rakyat yang berkenaan mungkin tidak dipilih lagi sebagai calon.
- (b) Kerajaan memang ada cadangan untuk meminda undang-undang berkaitan bagi menghalang berlakunya perkara seumpama ini dan pindaan ini masih dalam kajian.

SEKOLAH SRJK (C) DAN SRJK (T)—PEMBINAAN

52. Tuan Ong Tee Keat: minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) bilangan permohonan untuk membina SRJK (C) dan SRJK

(T) yang baru sejak tahun 1986; dan berapakah yang telah diluluskan;

- (ii) garis panduan untuk meluluskan permohonan tersebut; dan
- (iii) apakah strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah yang timbul akibat meningkatnya bilangan pelajar di SRJK (C) dari setahun ke setahun.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat—

- (i) Permohonan yang diterima untuk SRJK (C) dan SRJK (T) bagi dilaksanakan dalam RML (1986-1990) ialah sebanyak 153 projek sementara permohonan yang telah diluluskan adalah 76 projek.
- (ii) Kriteria untuk melaksanakan satu-satu projek sama ada projek baru, tambahan dan gantian adalah berdasarkan kepada keperluan sesuatu tempat. Sekolah-sekolah baru dibina di kawasan penempatan-penempatan baru seperti di kawasan-kawasan perumahan baru, penempatan Wilayah baru dan juga di kawasan di mana sekolah yang sedia ada tidak dapat menampung murid-murid yang sedia ada. Projek-projek tambahan dilaksanakan bagi sekolah-sekolah yang kekurangan bilik darjah dan projek gantian dilaksanakan bagi mengganti bangunan-bangunan sekolah yang telah lama dan uzur.
- (iii) Kementerian Pendidikan melaksanakan projek-projek segera melalui projek Gotong Royong dan Kerja Kecil bagi menyediakan kemudahan bilik-bilik darjah di sekolah-sekolah rendah. Program projek Gotong Royong dan kerja kecil

ini telah dapat membantu menyegerakan pembinaan bilik-bilik di seluruh negara untuk menampung pertambahan bilangan pelajar.

BUMIPUTERA DALAM DASAR EKONOMI BARU

53. Tuan Jawah anak Gerang minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah usaha Kerajaan membahagikan 30 peratus atau lebih kekayaan negara ini kepada semua golongan Bumiputera yang benar-benar mencapai kejayaan dan apakah kejayaan kaum-kaum Bumiputera dan bidang kejayaannya.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Usaha Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru untuk membahagikan kekayaan ekonomi negara pada tahap sekurang-kurangnya 30 peratus untuk Bumiputera masih belum memberi hasil yang sepenuhnya. Dalam sektor syarikat, masyarakat Bumiputera hanya mampu mencapai bahagian pemilikan sebanyak 19 peratus sedangkan dalam sektor bukan syarikat pencapaian mereka dari segi perolehan adalah kira-kira 10 peratus sahaja.

Bagaimanapun, jika dilihat dalam konteks masyarakat Bumiputera sendiri, kejayaan mereka dalam kedua-dua bidang korporat dan bukan korporat boleh dianggap menggalakkan berbanding dengan kedudukan mereka di awal-awal tahun DEB. Dari perangkaan dan maklumat yang telah dinyatakan dalam dokumen pembangunan Kerajaan dapat dilihat bahawa masyarakat Bumiputera telah dapat memiliki dan melibatkan diri dalam sektor-sektor seperti kewangan dan bank, peladangan, perlombongan dan beberapa sektor perkhidmatan tertentu. Di samping itu, menerusi Skim Amanah Saham Nasional, seramai 2.4 juta individu Bumiputera

telah dapat melabur sebanyak \$3 ribu juta sehingga akhir tahun 1988. Ahli Yang Berhormat boleh mengkaji sendiri butir-butir lanjut mengenai pencapaian ini dalam dokumen rancangan pembangunan khasnya dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang akan dibentangkan pada petang ini. Apa yang jelas dari maklumat-maklumat ini ialah di samping beberapa kejayaan yang dicapai oleh masyarakat Bumiputera, kedudukan mereka masih jauh berbanding dengan bukan Bumiputera.

MATAWANG DALAM EDARAN

54. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah matawang negara kita dalam pengedaran yang disokong oleh emas atau tukaran wang luar; dan sejauh manakah polisi sokongan luar ke atas matawang Malaysia itu sebagai satu cara yang berkesan bagi memastikan kestabilan ringgit Malaysia di arena antarabangsa.

Dato' Loke Yuen Yow: Mengikut Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, jumlah minimum matawang negara kita yang perlu disokong oleh emas atau tukaran wang luar adalah sebanyak 80.6 peratus terhadap jumlah matawang yang ada dalam edaran. Walaupun demikian pada kebiasaannya jumlah yang disokong itu adalah melebihi daripada had minimum yang ditentukan. Umpamanya, sehingga akhir bulan April 1989, jumlah matawang negara dalam edaran yang disokong oleh emas atau tukaran wang luar berjumlah \$17,287 juta atau 183 peratus daripada jumlah wang dalam edaran.

Bahagian kedua soalan ini kurang jelas maksudnya. Namun demikian, suka saya menjelaskan bahawa Kerajaan tidak campurtangan di dalam pasaran pertukaran wang antarabangsa. Nilai ringgit adalah diasaskan kepada nilai sekumpulan

matawang rasmi rakan dagangan utama Malaysia. Naik atau turunnya nilai ringgit berbanding dengan sesuatu matawang adalah ditetapkan oleh faktor pasaran, di pasaran pertukaran wang antarabangsa.

Oleh itu adalah menjadi kebiasaan bagi nilai-nilai matawang turun naik setiap masa mengikuti perkembangan-perkembangan di pasaran pertukaran matawang antarabangsa. Selaras dengan itu, bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk campurtangan di dalam pasaran matawang antarabangsa untuk mempertahankan nilai ringgit. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia hanya bertindak di pasaran wang antarabangsa untuk menentukan keadaan pasaran adalah teratur dan memastikan supaya tidak terdapat spekulasi yang berlebihan terhadap ringgit. Dengan ini, kedudukan ringgit akan terus kukuh dan dapat mencerminkan perkembangan ekonomi negara sebenar. Oleh itu polisi sokongan luar ke atas ringgit bukanlah satu cara yang berkesan untuk menstabilkan nilai ringgit.

ASEAN-JAPAN DEVELOPMENT FUND—PINJAMAN

55. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakbalas setakat ini kepada pekej (package) bantuan Jepun bernilai US\$2 billion untuk membangun sektor swasta ASEAN dengan memberi butir-butir bilangan projek sektor swasta yang dikenalpasti setakat ini untuk Malaysia, latarbelakang projek-projek ini dan perbelanjaan terlibat.

Dato' Loke Yuen Yow: Skim pinjaman di bawah AJDF (ASEAN-Japan Development Fund) telah dilancarkan dengan rasminya pada bulan Januari, 1989. Empat institusi kewangan telah dilantik bagi mengendalikan skim ini iaitu:

- (a) Bank Industri Malaysia Berhad (BIMB);

- (b) Malaysia Industrial Development Finance Berhad (MIDF);
- (c) Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB); dan
- (d) Bank Pertanian Malaysia (BPM).

Bantuan kewangan dari Kerajaan Jepun ini dibiayai oleh dua institusi kewangan Jepun, iaitu Overseas Economic Cooperation Fund (OECF) dan Export-Import Bank of Japan (EXIM Bank). Sejumlah \$685 juta diperolehi dari OECF manakala \$208 juta adalah dari EXIM Bank pada kadar tukaran semasa perjanjian pinjaman.

Perjanjian operasi untuk skim AJDF ini telah ditandatangani pada 19hb Disember, 1988 di antara pihak OECF dan keempat-empat institusi kewangan yang berkenaan dan perjanjian di antara pihak EXIM Bank dan BIMB/MIDF adalah pada 6hb Januari, 1989.

Untuk makluman Yang Berhormat, skim ini mengutamakan tiga sektor, iaitu pembuatan, pertanian dan pelancongan. Sehingga 30hb April, 1989, sebanyak 156 permohonan telah diterima oleh keempat-empat institusi kewangan yang melibatkan pinjaman berjumlah \$357 juta. Sebahagian besar dari permohonan ini adalah dari sektor pembuatan (88.1%), diikuti oleh sektor pertanian (10.3%) dan pelancongan (1.6%). Dari jumlah permohonan ini, pinjaman sebanyak \$183.8 juta telah diluluskan oleh institusi-institusi berkenaan di mana lebih dari \$108.3 juta adalah dari EXIM Bank dan \$75.3 juta adalah dari OECF.

AKTA PELAJARAN 1961—KAJIAN

56. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah isu-isu yang dicadangkan untuk pembetulan kepada Akta Pembelajaran 1961 dan bilakah pembetulan tersebut akan dikuat-

kuasakan sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Kerajaan.

Tuan Woon See Chin: Kajian Akta Pelajaran 1961 bertujuan untuk melengkap dan memperkukuhkan Akta itu bagi menampung keperluan pendidikan semasa dan akan datang. Antara isu-isu utama yang diberi perhatian ialah falsafah pendidikan, pendemokrasian pendidikan, mutu pendidikan, soal kecemerlangan dan pengawasan ke atas percambahan institusi-institusi pendidikan swasta.

Kajian Akta berkenaan masih dijalankan oleh Jawatankuasa yang berkenaan dan oleh itu belum dapat ditentukan dengan pasti tarikh pindaan tersebut boleh diselesaikan.

RAPAT UMUM PILIHANRAYA

57. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Perdana Menteri menyatakan pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah mengesyorkan bahawa Kerajaan patut membenarkan kempen pilihanraya diadakan secara terbuka memandangkan keadaan keselamatan sudah pulih dan terjamin:

- (a) adakah perkara ini dapat dilaksanakan memandangkan keadaan politik negara hari ini; dan
- (b) dapatkah pihak Suruhanjaya Pilihanraya mencapai matlamat 3 juta pemilih bagi pendaftaran kali ini memandangkan jumlah wang besar dibelanjakan.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Suruhanjaya Pilihanraya tidak pernah mengesyorkan kepada Kerajaan supaya rapat umum pilihanraya dibenarkan. Apa yang telah disarankan oleh Suruhanjaya ialah supaya soal mengadakan rapat umum ini dikaji dengan teliti dan

dibincangkan dari berbagai sudut termasuk sudut keselamatan untuk menentukan sama ada ia patut terus diharamkan atau sebaliknya. Saranan Suruhanjaya Pilihanraya itu telah salah ditafsirkan sebagai satu anjuran Suruhanjaya supaya rapat umum ini dibenarkan. Oleh kerana perkara ini telah disalahtafsirkan maka Suruhanjaya tidak bercadang untuk meneruskan cadangan asal iaitu mengadakan perbincangan.

- (b) Suruhanjaya Pilihanraya tidak pernah menetapkan matlamat untuk mendaftarkan seramai 3 juta orang pemilih dalam urusan pendaftaran tahun 1989. Mengikut anggaran Suruhanjaya Pilihanraya sehingga tahun 1989 terdapat seramai 900,000 yang masih belum mendaftar sebagai pemilih.

NAHAS JET PEJUANG

58. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pertahanan menyatakan nahas jet pejuang pada akhir-akhir ini kerap berlaku dan telah mengorbankan bukan sahaja wang ringgit bahkan nyawa juruterbang tanahair. Apakah sebab-sebab sebenar perkara berkenaan boleh berlaku dengan nyatakan dari sudut:

- (i) jentera-jentera yang dibeli;
- (ii) pengawasan jentera-jentera; dan
- (iii) mutu latihan kepada juruterbang kita.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Hasil dari Lembaga penyiasatan ke atas beberapa kemalangan pesawat-pesawat pejuang A-4 Skyhawk kepunyaan TUDM adalah

didapati kebanyakan kemalangan tersebut disyaki berpunca dari masalah-masalah teknikal.

Dilihat dari sudut mesin-mesin pesawat yang dibeli walaupun kesemua pesawat tersebut adalah yang sudah terpakai namun kebanyakannya telah dibaikpulih kepada "ZERO LIFE" dan juga telah menjalani pemeriksaan "Inspection and Repair As Necessary" mengikut jumlah jam penerbangan yang telah dilakukan oleh pesawat-pesawat tersebut.

Mengenai pengawasan jentera pula, program Senggaraan Pesawat A-4 Skyhawk yang dilaksanakan oleh TUDM adalah sama dengan yang dilaksanakan oleh pengguna asalnya iaitu Tentera Laut Amerika Syarikat (US Navy). Kebanyakan bahan rujukan adalah diperolehi dari USN. Program ini telah dilaksanakan dengan sempurnanya.

Dari segi Mutu Latihan Juruterbang, TUDM melatih juruterbangnya sendiri. Sebelum memandu pesawat pejuang, mereka menjalani latihan asas dengan Pilatus turboprop PC7 selama setahun, selepas itu dengan pesawat jet Aermacchi MB339 selama 9 bulan lagi. Apabila masuk ke Skuadran, mereka menjalani latihan peralihan OCU (Operational Conversion Unit) bagi pesawat berkenaan, sehingga mencapai taraf kecekapan yang memuaskan Ketua Skuadran. Pihak TUDM juga semenjak awal tahun 80-an ini telah mengatur program penilaian mutu juruterbangnya melalui kerjasama antarabangsa, iaitu dengan pihak British dan Amerika. Tiap-tiap tahun berselang seli rombongan Pemeriksa/ Penilai RAF dan USAF akan terbang dengan juruterbang TUDM dari semua skuadran dan pusat-pusat latihan terbang. Dari segi laporan-laporan mereka sehingga kini, kami telah difahamkan bahawa mutu juruterbang kami adalah tinggi dan memuaskan.

LAGU-LAGU YANG DICIPTA

59. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah Kementerian beliau berpuashati dengan pencapaiannya setakat ini sebagai agen pembangunan mental rakyat Malaysia; kalau puashati, apakah pencapaian-pencapaian itu;
- (b) sejauhmanakah lagu-lagu yang dicipta dan dinyanyikan oleh Koir RTM benar-benar menguntungkan negara;
- (c) sejauhmanakah program Semarak, bendera besar, ketupat besar dan lain-lain mendapat sambutan rakyat kita; dan
- (d) berapakah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan setakat ini untuk melaksanakan program-program tersebut di atas keseluruhannya.

Tuan Railey bin Jaffrey:

- (a) Setakat ini Kementerian Penerangan adalah berpuashati dengan pencapaiannya sebagai agen pembangunan mental rakyat Malaysia setakat yang boleh diusahakan oleh Kementerian Penerangan sendiri. Tentunya tugas ini bukanlah tugas Kementerian Penerangan saja. Dengan usaha penerangan yang dibuat baik melalui Radio, TV atau secara bersemuka kebanyakan rakyat sudah lebih memahami akan segala dasar-dasar rancangan-rancangan dan tindakan-tindakan Kerajaan serta melibatkan diri dalam usaha-usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu. Walau bagaimanapun usaha-usaha akan terus dijalankan lagi

oleh Kementerian untuk mempertingkatkan pencapaiannya sesuai dengan keperluan dan harapan negara dan rakyat.

- (b) Lagu-lagu yang dinyanyikan oleh Koir RTM adalah yang berbentuk patriotik. Separuh dari lagu ini yang disiarkan melalui radio dan tv telah menjadi amat popular dan dinyanyikan di merata-rata tempat seperti di majlis-majlis umum di perhimpunan-perhimpunan pegawai kerajaan dan rakyat dan juga di sekolah-sekolah. Ia dapat menjalin rasa mesra dan muhibbah antara kaum, menanamkan semangat setia dan cinta negara dan berusaha ke arah kemajuan. Ini adalah dianggap sumbangan yang sangat penting kepada pembinaan negara dan bangsa.
- (c) Program Semarak, Bendera Besar, Ketupat Besar dan lain-lain yang dilancarkan oleh Kementerian Penerangan atau oleh Kerajaan sendiri adalah projek-projek yang bertujuan untuk menggalakkan pemikiran, cita-cita dan semangat yang baru dan besar di kalangan rakyat. Di samping itu, ianya juga bermaksud untuk memupuk kesedaran dan identiti budaya bangsa. Program Semarak pula telah dapat merapatkan hubungan rakyat dan pemimpin dan pemimpin dengan rakyat di seluruh negara. Semuanya telah mendapat sambutan yang amat baik dari Rakyat.
- (d) Belanja yang dikeluarkan untuk projek-projek itu bukanlah seluruhnya dari Kerajaan. Kecuali projek semarak yang dijalankan di peringkat negara dan memerlukan belanja tambahan dari Kerajaan di samping menggunakan peruntukan yang sedia ada untuk projek-projek

pembangunan tertentu di peringkat negeri-negeri, projek-projek lain banyak bergantung pada sumbangan masyarakat dan penaja-penaja untuk menyediakan bahan-bahan dan kemudahan-kemudahan. Semarak menggunakan tidak lebih dari \$255,040.48 sebagai belanja tambahan dan projek-projek lain itu menggunakan hanya dari wang Kerajaan untuk membeli alat-alat tambahan.

PENYEWA RUMAH— KUASA MENGHALAU

60. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada, sepertimana dijanjikan oleh Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 8-8-1987, Kementeriannya akan mengkaji cadangan untuk membuat pindaan-pindaan yang diperlukan kepada:

- (i) Specific Relief Act 1950 di mana tuan tanah dan/pemaju mesti mendapat perintah mahkamah sebelum penyewa rumah atau penyewa tanah boleh diusir dari rumah mereka;
- (ii) Kanun Keseksaan supaya mengkaji satu kesalahan jenayah bagi tuan tanah dan/atau pemaju yang menggunakan kuasa untuk menghalau penyewa rumah dan/atau penyewa tanah dari rumah mereka sebelum mendapat perintah mahkamah;

supaya dapat memulihkan keadaan yang ditetapkan oleh Mahkamah Agung dalam keputusan dalam satu kes.

Antara

- (1) Pemegang Harta Leong San Thong Khoo Kongsu (Penang)
- (2) Perumahan Farlim (Penang)

(3) Sirwata Sdn Bhd — Appellants
Dan

Foh Swee Siang — Respondent

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah berjanji di Dewan Rakyat pada 8-8-1987 berkaitan dengan pindaan kepada "Specific Relief Act 1950" dan Kanun Keseksaan seperti dinyatakan dalam soalan kerana Dewan Rakyat tidak pernah bersidang pada tarikh tersebut.

Walau bagaimanapun sebagai pembetulan, perkara ini pernah dibangkitkan di Dewan Rakyat pada 6-7-1987. Perkara ini masih lagi dalam kajian dan Kerajaan belum lagi bercadang untuk meminda Akta dan Kanun tersebut.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

61. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah permohonan kerakyatan yang masih belum diluluskan setelah tempoh masa:

- (a) tiga tahun;
- (b) lima tahun;
- (c) sepuluh tahun; dan
- (d) limabelas tahun.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sedang memproseskan:

- (a) 1,678 permohonan kewarganegaraan yang diterima dalam jangka 3 tahun yang lalu;
- (b) 187 permohonan yang diterima dalam tempoh 5 tahun yang lalu.

Semua permohonan yang diterima dalam tempoh 10 tahun atau lebih telah diselesaikan.

KOPERASI MENGHADAPI KERUGIAN

62. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyenaraikan Koperasi-koperasi yang menghadapi masalah dan kerugian. Apakah Kerajaan bercadang membantu Koperasi-koperasi; yang menghadapi masalah seperti mana Kerajaan membantu Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) tajaan MCA.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Pada masa ini terdapat sejumlah 2,088 Koperasi berdaftar di negara ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak 315 atau 15% mengalami kerugian. Di antara yang mengalami kerugian itu pula terdapat 101 atau 5% yang kerugian masing-masing adalah melebihi modal caruman ahli-ahli. Hanya Koperasi ini sahaja yang mengalami masalah. Sebab-sebab Koperasi ini mengalami kerugian dan masalah antaranya ialah berlakunya penyelewengan, pengurusan yang tidak cekap dan perbelanjaan tidak terkawal.

Oleh kerana bilangan Koperasi-koperasi yang menghadapi masalah dan kerugian adalah banyak, saya tidak dapat menyenaraikannya dalam Dewan ini satu persatu. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat masih memerlukan senarai lengkap mengenai Koperasi-koperasi ini, bolehlah saya sampaikan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Kerajaan mempunyai tanggungjawab bagi melindungi pendeposit wang sama ada dari Koperasi ataupun Syarikat Kewangan. Koperasi-koperasi yang mengambil deposit yang mengalami kerugian akan dibantu oleh Kerajaan setakat melindungi pendepositnya sahaja tanpa mengira sama ada mereka Koperasi parti tertentu ataupun tidak.

Kerajaan memang memberi bantuan kepada Koperasi-koperasi bermasalah melalui nasihat-nasihat dan tunjuk ajar supaya ahli-ahli Koperasi dapat mentadbir Koperasi masing-masing dengan baik. Kerajaan juga ada menyediakan program-program untuk menyedarkan ahli-ahli mengenai tanggungjawab mereka terhadap Koperasi masing-masing. Di samping itu skim pelajaran Koperasi juga telah dijalankan untuk ahli-ahli Koperasi.

PILIHANRAYA KECIL PERBELANJAAN

63. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh setiap Jabatan-jabatan Kerajaan di Pilihanraya-pilihanraya Kecil Johor Bahru, Parit Raja, Ampang Jaya dan Bentong, dengan memberi butir-butir maklumat ke atas perbelanjaan, dan apakah janji-janji yang telah dibuat kepada pengundi-pengundi di kawasan keempat pilihanraya kecil tersebut dan sama ada janji-janji tersebut telah dipenuhi. Jika ia, beri butir-butir.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat dalam pilihanraya-pilihanraya kecil adalah seperti berikut:

Bagi Suruhanjaya Pilihanraya

Pilihanraya Kecil Johor— Bahru	\$45,360.00
Pilihanraya Kecil Parit— Raja	\$39,855.00
Pilihanraya Kecil Ampang— Jaya	\$53,610.00
Pilihanraya Kecil Bentong—	\$59,420.00

Bagi Kementerian Penerangan

Pilihanraya Kecil Johor— Bahru	\$67,026.56
Pilihanraya Kecil Parit— Raja	\$70,091.92
Pilihanraya Kecil Ampang— Jaya	\$61,814.00
Pilihanraya Kecil Bentong—	\$34,010.00

Bagi Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (khusus untuk projek-projek kecil)

Pilihanraya Kecil Johor— Bahru	\$375,000.00
Pilihanraya Kecil Parit— Raja	\$4.7 juta
Pilihanraya Kecil Ampang— Jaya	\$3.4 juta
Pilihanraya Kecil Bentong—	Tiada

Bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar

Peruntukan yang diluluskan untuk membina/menyelenggara jalan-jalan di bawah Program Menaikkan Taraf Jalan-jalan Kampung ialah sebanyak \$640,000.00 bagi Pilihanraya Kecil Ampang Jaya sahaja.

KIRIMAN WANG DI PEJABAT POS

64. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada pejabat pos tidak menerima tandatangan Cina untuk menunaikan kiriman wang. Jika tidak, kenapa Ketua Pejabat Pos Bukit Mertajam enggan menerima tandatangan Cina yang dibuat oleh Encik Tan Gao Min pada 15-5-1989 semasa beliau mahu menunaikan kiriman wang beliau.

Tuan Ong Tin Kim: Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat peraturan di dalam Buku Peraturan Jabatan, Jabatan Perkhidmatan Pos, yang menyatakan:

- (i) kiriman wang itu boleh dibayar jika ianya ditandatangani dengan tulisan Rumi. Jika ianya ditandatangani bukan dengan tulisan Rumi, maka ianya haruslah boleh dibaca dan disahkan oleh pegawai yang membayar atau kakitangan lain di Pejabat Pos.

- (ii) Jika tiada seorang kakitangan pun yang boleh membaca tandatangan itu, maka seorang saksi yang bertanggungjawab adalah diperlukan untuk mengesahkannya. Jika tiada diperolehi saksi yang sedemikian, maka cap ibu jari adalah diperlukan.

Di dalam kes yang berlaku di Pejabat Pos Bukit Mertajam pada 15-5-1989 Encik Tan Gao Min menandatangani kiriman wang yang hendak ditunainya dalam tulisan Cina. Oleh kerana tiada pegawai yang dapat membaca tandatangan beliau maka Kerani Kaunter menjelaskan kepada Encik Tan mengenai Peraturan Jabatan seperti yang telah disebutkan tadi dan meminta kerjasama beliau untuk mendapatkan cap jari kiri di atas kiriman wang berkenaan. Perkara ini juga dirujuk kepada Ketua Pos. Ketua Pos berjaya menyakinkan Encik Tan mengenai peraturan Jabatan tersebut. Akhirnya Encik Tan menandatangani sekali lagi dalam tulisan Rumi serta dapat menunaikan kiriman wang.

GURU DI SEKOLAH-SEKOLAH SABAH/SARAWAK— KEKURANGAN

65. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk melatih lebih banyak guru tempatan untuk Sabah dan Sarawak dan menyatakan sama ada syarat had umur yang dikenakan bagi penyertaan kursus latihan guru boleh dimansuhkan bagi kedua-dua negeri ini memandangkan terdapat kekurangan guru-guru tempatan dalam kedua-dua negeri ini, jika tidak, mengapa.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang peka dengan masalah kekurangan guru

di sekolah-sekolah termasuk di negeri Sabah dan Sarawak. Di antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah ini adalah:

- (a) 95% daripada calon-calon yang diambil memasuki maktab-maktab perguruan di Sabah adalah terdiri dari calon tempatan. Manakala di Sarawak pula 96% daripada calon-calon memasuki maktab-maktab perguruan di Sarawak adalah terdiri dari calon tempatan.
- (b) Jumlah calon dari Sabah dan Sarawak yang mengikuti kursus perguruan di Semenanjung telah ditambah.
- (c) Kesemua calon untuk memasuki kursus perguruan asas dalam cuti bagi guru-guru sandaran tidak terlatih (KDC) di Sabah dan Sarawak adalah terdiri daripada calon-calon tempatan.
- (d) Bagi calon-calon guru terlatih dari Sabah dan Sarawak kelonggaran syarat kelayakan asas akademik telah dan masih lagi diberikan.
- (e) Kursus Perguruan Asas Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran tidak terlatih masih dikekalkan bagi negeri Sabah dan Sarawak walaupun kursus ini telah dimansuhkan di Semenanjung.

KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

66. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kewangan menyatakan dengan jelas serta terperinci mengenai kedudukan kewangan negara di mana beban perbelanjaan M\$4,500 juta untuk membeli senjata dan alat-alat pertahanan daripada United Kingdom sanggup dipikul oleh negara kita.

Dato' Loke Yuen Yow: Data terakhir menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 1989

adalah lebih menggalakkan jika dibandingkan dengan anggaran yang dibuat semasa pembentangan Belanjawan 1989. Kedudukan yang lebih baik ini adalah berikutan daripada pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dari dijangka, iaitu 7.3 peratus berbanding dengan 6.5 peratus semasa Belanjawan 1989. Kedudukan harga Petroleum juga telah bertambah baik meningkat kepada AS\$16.00 setong berbanding dengan AS\$14.00 setong semasa Belanjawan. Di samping itu langkah jimat cermat Kerajaan juga telah membawa kepada kedudukan kewangan yang lebih baik ini.

Seperti yang telah saya terangkan dalam Ucapan Belanjawan saya, kita perlu meningkatkan keupayaan angkatan tentera kita supaya dapat mempertahankan negara ini. Angkatan tentera yang moden dan terlatih juga dapat memberikan keyakinan kepada para pelabur tempatan dan luar negeri untuk melabur dalam negara ini. Dan seperti juga yang telah saya terangkan, pembayaran alat-alat senjata yang dibeli di bawah Memorandum Persefahaman akan dibuat dalam tempoh sepuluh tahun. Oleh itu ia tidak akan membebankan negara.

ANGKATAN TENTERA— KURSUS PEGAWAI

67. Tuan Haji Mohd Zihin bin Haji Hassan minta Menteri Pertahanan menyatakan seperti berikut:

- (a) berapa pegawai Angkatan Tentera kita yang masih menjalani kursus di luar negeri dan di mana;
- (b) setakat manakah dayausaha diambil oleh Kementerian supaya kursus-kursus itu dilaksanakan dalam negeri;
- (c) apakah kursus penting yang Kementerian terpaksa menghantar mereka ke luar negeri;

- (d) berapakah perbelanjaan untuk maksud yang sama bagi tahun-tahun 1986, 1987 dan 1988;
- (e) setakat manakah Kementerian pula mempunyai kebolehan melatih pegawai tentera dan di mana selain daripada rekrut-rekrut.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:

- (a) Buat masa ini seramai 189 anggota Angkatan Tentera masih mengikuti berbagai bidang kursus di Institusi-institusi Latihan Angkatan Tentera dan Awam di luar negeri. Mereka adalah terdiri dari 121 anggota tentera Darat, 38 anggota TLDM dan 30 anggota TUDM. Bilangan mereka yang mengikut kursus tersebut mengikut negara adalah seperti berikut:

Bil.	Negara	TD	TLDM	TUDM	Jumlah
1.	Amerika Syarikat ..	35	13	12	60
2.	United Kingdom ..	12	5	3	20
3.	Australia ..	43	9	8	60
4.	New Zealand ..	15	—	1	16
5.	Kanada ..	1	1	—	2
6.	Sweden ..	—	—	2	2
7.	Perancis ..	—	2	—	2
8.	Fed. Republic of Germany	1	—	—	1
9.	Pakistan ..	4	1	—	5
10.	Arab Saudi ..	1	—	—	1
11.	Indonesia ..	1	3	2	6
12.	India ..	2	2	—	4
13.	Jepun ..	—	2	—	2
14.	Thailand ..	3	—	2	5
15.	Filipina ..	2	—	—	2
16.	Singapura ..	1	—	—	1
JUMLAH ..		121	38	30	180

- (b) Kementerian Pertahanan memang telah berusaha untuk mengadakan/menjalankan semua kursus kerjaya dan lanjutan sama ada berupa staf, penguasaan dan teknikal di Institusi Latihan di dalam negeri.

Walau bagaimanapun, memandang bahawa terdapat beberapa jenis kursus yang tidak boleh diadakan di dalam negeri kerana ketiadaan tenaga pengajar/peralatan yang sopistikated dan juga memerlukan kos yang besar di mana ianya tidak ekonomi untuk dilaksanakan dalam negeri maka keperluan kepada kursus tersebut terpaksa dihantar ke luar negeri.

Di samping itu dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan pendedahan kepada anggota Angkatan Tentera dalam bidang ketenteraan yang kemaskini sejajar dengan perkembangan teknik, teknik dan teknologi peperangan dan persenjataan moden, maka Kementerian ini perlu menghantar anggota Angkatan Tentera untuk berkursus di luar negeri dari masa ke semasa.

- (c) Kursus-kursus penting yang perlu diadakan di luar negeri ialah kursus-kursus untuk Pegawai-pegawai Kanan (Turus) seperti kursus Royal College of Defence Studies (RCDS) di United Kingdom, National Defence College (NDC) di India dan Pakistan, Army War College di Amerika Syarikat, Kursus-kursus Maktab Turus untuk pegawai-pegawai Kadet. Di samping itu anggota-anggota juga dihantar menghadiri kursus teknikal dan lanjutan (advanced courses) dalam semua bidang kepakaran misalnya Armament Repair Technician, Nuclear Biological Chemical Defence (NVCD), Radar Technician, Gunnery Staff Officer, Operational Research, SAS Special Operational, Electronic Warfare Operations Staff Officer, Senior International Defence Management, Aviation

Medicine, Aircraft Accident Prevention dan lain-lain kursus yang tidak dapat diadakan di dalam negeri.

- (d) Jumlah perbelanjaan untuk maksud menghantar anggota-anggota Angkatan Tentera berkursus di luar negeri sama ada di Institusi Latihan Angkatan Tentera atau Awam ialah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1986 ..	\$4,370,462.53
1987 ..	\$2,431,450.26
1988 ..	\$2,610,364.52

Untuk makluman, jumlah perbelanjaan tersebut adalah tidak termasuk kursus yang ditaja/dianjurkan oleh Badan-badan penganjur negara asing.

- (e) Dewasa ini Kementerian Petahanan telah berupaya menubuhkan beberapa pusat latihan dalam negeri kepada pegawai Angkatan Tentera. Latihan yang diikuti adalah meliputi kursus kerjaya dan kursus-kursus pengkhususan mengikut Departmen masing-masing. Antara pusat latihan ialah seperti berikut:

1. *Tentera Darat*

(i) *Maktab Angkatan Tentera*

- (1) Maktab Pertahanan Angkatan Tentera.
- (2) Maktab Turus Angkatan Tentera.

(ii) *Sekolah Panglima Tentera Darat*

- (1) Pusat Latihan Darat (PULADA)
- (2) Sekolah Latihan Tentera Darat (LATEDA)

- (3) Pusat Latihan Peperangan Khas (PLPK)

- (4) Maktab Tentera DiRaja (MTD)

- (5) Pusat Latihan Rekrut (PLR)

(iii) *Sekolah-Sekolah Kor*

- (1) Sekolah Armor.

- (2) Sekolah Semboyan.

- (3) Sekolah Jurutera Tentera Darat.

- (4) Sekolah Artileri.

- (5) Sekolah Kesihatan.

- (6) Sekolah Perisikan Angkatan Tentera.

- (7) Sekolah Kor Polis Tentera.

- (8) Sekolah Kor Perkhidmatan.

- (9) Sekolah Ordnans.

- (10) Sekolah Jurutera Letrik dan Tentera.

- (11) Pusat Latihan Askar Wataniah.

2. *TLDM*

TLDM boleh melatih pegawai-pegawai untuk kursus-kursus asas seperti kursus Pegawai Kadet di Pangkalan TLDM.

3. *TUDM*

- (i) Sekolah Pegawai Kadet TUDM, Kinrara.

- (ii) Latihan Ikhtiar Hidup Pegawai di TUDM, Ipoh.

- (iii) Latihan Asas Payung Terjun di Pangkalan-Pangkalan TUDM.

- (iv) Latihan Penerbangan Asas di TUDM Alor Setar, Kedah.
- (v) Latihan Penerbangan Lanjutan:
- (1) Latihan Peralihan Pejuang di TUDM Kuantan, Pahang.
 - (2) Latihan Peralihan Multi, Engine (Transport) di Stesen TUDM, Kuala Lumpur.
 - (3) Latihan Peralihan Helikopter di TUDM Kluang, Johor.
- (vi) *Kursus Kawalan dan Pertahanan Udara*
- (1) Asas fighter Controller di TUDM, Butterworth.
 - (2) Asas Kawalan Trafik Udara di Sekolah Trafik Udara dan Bomba (SEKTUB) TUDM, Kuantan.
 - (3) Kursus Pegawai Api Pasukan di SEKTUB TUDM, Kuantan.
- (vii) Kursus Kejuruteraan Gunaan di Institut Teknologi Udara (ITU) Kinrara.
- (viii) Kursus Asas Pegawai Logistik di Institut Teknologi Udara (ITU) Kinrara.
- (ix) Kursus Asas Pegawai Urusetia di Institut Teknologi Udara (ITU) Kinrara.
- (x) Kursus Pengkayaan di Institut TUDM iaitu:
- (1) Kursus Jurulatih Terbang di TUDM Alor Setar.
 - (2) Kursus Kaedah Mengajar di ITU Kinrara.
 - (3) Kursus Keselamatan Penerbangan di ITU Kinrara.
 - (4) Fun Rejimen di ITU Kinrara.
 - (5) Penyelamat Udara di Markas Rejimen Stesen TUDM, Kuala Lumpur.
 - (6) Advance Night Fighter di TUDM Kluang, Johor.
 - (7) Lanjutan Payung Terjun di Markas Rejimen Stesen TUDM Kuala Lumpur.
- (xi) Kursus professional Militeri iaitu Kursus Pegawai Skwadran di ITU, Kinrara.

PERTUMBUHAN EKONOMI

68. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) impak suasana ekonomi antara-bangsa masakini ke atas ekonomi negara;
- (b) ramalan tentang masa depan dari segi:
 - (i) pertumbuhan ekonomi;
 - (ii) ancaman dasar perlindungan (protectionism);
 - (iii) harga komoditi;
 - (iv) kadar faedah;

- (v) pelaburan asing dan tempatan mengikut sektor dan jenis pelaburan.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka yang mana eksport menyumbangkan lebih 60 peratus dari Keluaran Negara Kasar, suasana ekonomi antarabangsa memang mempunyai kesan ke atas ekonomi negara.

Bagi tahun 1989, pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian dijangka merosot sedikit kepada 3.3 peratus berbanding dengan 4.0 peratus dalam tahun 1988. Keadaan perdagangan dunia dalam tahun 1989 dijangka tidak berkembang sepesat tahun 1988. Keadaan ini dijangka memberi kesan ke atas ekonomi Malaysia, di mana kadar pertumbuhan bagi tahun 1989 diramalkan menjadi lebih perlahan berbanding dengan kadar yang dicatatkan pada tahun 1988.

Kerajaan sentiasa berusaha mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta mengurangkan pengaruh luar dengan mempelbagaikan dasar ekonomi serta menggalakkan punca-punca pertumbuhan dalam negeri seperti pelaburan dan penggunaan.

- (b) (i) Untuk tahun 1989, pertumbuhan ekonomi Malaysia dianggarkan pada kadar 7.3 peratus berbanding dengan 8.7 peratus pada tahun 1988.
- (ii) Tekanan perlindungan perdagangan yang meningkat dalam tahun-tahun 1980an telah mengancam sistem perdagangan bebas. Pelbagai bentuk halangan seperti duti anti lambakan

(anti dumping), duti timbalbalas (countervailing duty) serta kempen anti minyak tropika di Amerika Syarikat, cadangan mengenakan cukai ke atas import minyak sayur-sayuran ke EEC dan kempen anti kayu tropika telah dikenakan ke atas kita. Semua ini sedikit sebanyak menjejaskan keadaan ekonomi kita. Dari segi masa depan, GATT (General Agreement on Tariffs and Trade) melalui Perundingan Perdagangan Pelbagai-bahagian Pusingan Uruguay, yang mana Malaysia ialah salah sebuah dari 96 negara yang mengambil bahagian, sedang berusaha untuk mewujudkan sistem perdagangan yang lebih bebas. Jadi kejayaan rundingan ini akan mengurangkan ancaman dasar perlindungan manakala keagalannya pula akan meningkatkan ancaman dasar tersebut.

- (iii) Harga komoditi-komoditi utama pada keseluruhannya dijangka akan lemah sedikit ekoran pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan dalam jangka sederhana. Harga getah, kayu balak, kayu digergaji dan minyak kelapa sawit dijangka merosot berbanding dengan harga pada tahun 1988. Namun begitu, harga minyak mentah dan timah dijangka terus meningkat ekoran keputusan OPEC menghadkan kuota pengeluaran serta penguurangan lebihan stok timah

- (untuk harga-harga sila lihat Lampiran).
- (iv) Permintaan kumpulan wang dijangka terus meningkat dalam tahun 1989 memandangkan jangkauan pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh. Ini adalah selaras dengan perkembangan kadar faedah di negara-negara lain dan disebabkan oleh lebih akaun semasa imbalan pembayaran negara yang dijangka berkurang dalam tahun 1989. Oleh itu, tekanan atas mudahtunai dijangka meningkat dan dengan itu kadar faedah dijangka meningkat juga. Umpamanya bagi bulan Mei 1989, kadar faedah antara bank bagi simpanan 3 bulan telah meningkat kepada 5.7 peratus berbanding dengan 4.4 peratus pada akhir tahun 1988. Walau bagaimanapun, peningkatan kadar faedah ini dijangka sederhana sahaja dan tidak menjejaskan pemulihan ekonomi kita.
- (v) Adalah diramalkan, di tahun-tahun yang akan datang, pelaburan asing dan tempatan akan terus meningkat, ekoran dari dasar-dasar Kerajaan yang bertujuan menggalakkan pelaburan swasta. Jangkaan peningkatan pelaburan ini adalah berdasarkan kepada projek-projek yang telah diluluskan oleh MIDA pada tahun 1988 dan sehingga bulan Mac 1989.

Pada tahun 1988, pelaburan asing yang diluluskan oleh MIDA

telah meningkat sebanyak 137 peratus kepada \$4.9 ribu juta, manakala pelaburan tempatan meningkat sebanyak 125 peratus kepada \$4.2 ribu juta. Sebahagian besar pelaburan ini adalah di dalam industri elektrik dan elektronik, barang-barang getah dan industri logam asas.

Untuk tempoh tiga bulan pertama tahun 1989 ini pula, jumlah pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak \$3.2 ribu juta iaitu hampir 187 peratus lebih tinggi dari jumlah yang diluluskan dalam tempoh yang sama tahun 1988. Dari jumlah ini pelaburan asing meningkat kepada \$2.8 ribu juta kira-kira 438 peratus manakala cadangan pelaburan tempatan pula ialah sebanyak \$0.4 ribu juta. Pemulihan sektor pembinaan juga dijangka akan menghasilkan peningkatan dalam pelaburan asing dan tempatan.

RAPAT UMUM—LARANGAN

69. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bersedia membatalkan larangan atas ralli-ralli awam yang telah dilarang semenjak Mei, 1969.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan setakat ini masih belum lagi bercadang untuk membatalkan perintah larangan ke atas rapat-rapat umum. Hal ini adalah kerana Kerajaan masih lagi berpendapat bahawa perintah larangan ke atas rapat-rapat umum itu masih diperlukan dengan bertujuan untuk membendung atau menyekat pihak-pihak tertentu

daripada menggunakan rapat-rapat umum itu dengan tujuan untuk kepentingan politik secara mengeksploitasikan isu-isu sensitif masyarakat berbagai kaum di negara ini.

SAYUR-SAYURAN KE SINGAPURA—KAJIAN

70. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertanian menyatakan: apakah kesimpulan atau syor-syor yang dikemukakan dalam laporan ke atas kajian cadangan memproses, membungkus dan mengangkut sayur-sayuran ke Singapura? Jika masih belum siap, apakah sebab-sebab bagi perlengahan mengemukakan laporan tersebut? Apakah pula tindakan susulan yang akan diambil oleh Kerajaan ke arah ini? Seterusnya, apakah peranan yang akan dimainkan oleh pihak Sweden dalam rancangan Kementerian.

Dato' S. Subramaniam: Sebuah syarikat swasta dari Republik Singapura telah menjalankan kajian mengenai pemerosesan, pembungkusan dan pengangkutan sayur-sayuran dari Cameron Highlands ke Republik Singapura pada awal bulan April tahun ini. Kajian ini telah dilaksanakan dan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat tersebut dan bertujuan membantu syarikat itu untuk menentukan kemungkinan membina sebuah pusat pengumpulan dan pembungkusan (packing house) bagi sayur-sayuran di kawasan Cameron Highlands. Oleh yang demikian, adalah tidak sesuai bagi Kerajaan mengumumkan laporan kajian ini. Walau bagaimanapun, satu penemuan positif hasil daripada kajian ini ialah paras sisa baki racun kulat berjenis "dithiocarbamate" pada sayur-sayuran yang telah diproses itu adalah di bawah paras maksima yang dibenarkan oleh pihak berkuasa Republik Singapura iaitu 3 ppm (parts per million).

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian berpendapat

adalah lebih sesuai bagi pihak swasta menyusul perkara ini. Sehingga kini, terdapat beberapa syarikat swasta yang telah menunjukkan minat untuk menubuhkan pusat pemerosesan dan pembungkusan sayur-sayuran di Cameron Highlands.

Kerajaan Sweden melalui agensi bantuan tekniknya memang pernah menunjukkan minatnya untuk menjalankan kajian berhubung dengan perkara ini. Walau bagaimanapun, tawaran tersebut sedang dikaji oleh Kementerian ini untuk menentukan sama ada bantuan teknik dari negara asing adalah perlu dalam bidang kajian ini.

SYARIKAT PELANCONGAN

71. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa syarikat-syarikat pelancongan perlu mendaftar diri dengan Kementeriannya sebelum ini boleh mengemukakan permohonan daripada warganegara Malaysia yang ingin melawat Republik Rakyat China dan sama ada syarat seumpama ini dikenakan juga apabila warganegara Malaysia ingin melawat negara-negara lain yang mempunyai kerajaan beridologi komunis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Republik Rakyat China adalah dibawah kategori negara terlarang. Oleh itu, urusan pemergian warganegara Malaysia sebagai pelancong mestilah dibuat dengan teratur dan kemas. Syarikat-syarikat Pelancongan diperlukan mendaftar dengan Kementerian Dalam Negeri untuk membolehkan Kementerian Dalam Negeri menentukan pemergian warganegara Malaysia itu dibuat dengan teratur sesuai dengan peraturan-peraturan keselamatan yang sedang berkuatkuasa. Peraturan-peraturan keselamatan ini dikenakan juga kepada warganegara Malaysai yang melawat negara-negara terlarang seperti Vietnam dan Korea Utara.

RANCANGAN KEMAJUAN PER-INDUSTRIAN PERKAMPUNGAN

72. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sejauh manakah kejayaannya Rancangan Kemajuan Perindustrian Perkampungan yang diatitkan oleh Kementeriannya, dan

- (a) jumlah peminjaman dan bayar balik setakat ini;
- (b) adakah rancangan baru akan diatitkan untuk menggantikan rancangan yang asal.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak melaksanakan Rancangan Kemajuan Perindustrian Perkampungan.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini ada menggalakan pelaksanaan beberapa projek industri kampung untuk kumpulan-kumpulan sasar di kawasan Agensi-agensi. Ini adalah sekadar membantu melalui penyediaan infrastruktur, khidmat nasihat, latihan dan lain-lain kemudahan. Sehingga kini, projek-projek tersebut telah berjaya menghasilkan keluaran-keluaran meliputi barangan kraftangan mengkuang, bertam, tanah liat dan lain-lain lagi, yang mana telah berjaya menambahkan sumber pendapatan sampingan kepada kumpulan-kumpulan sasar tersebut.

Kementerian tidak ada rancangan untuk memberi sebarang pinjaman

kepada mereka yang melaksanakan projek tersebut. Kementerian juga tidak bercadang untuk mengadakan projek-projek baru.

PEMBELIAN SENJATA—TUJUAN

73. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pertahanan menyatakan apa tujuan membeli senjata \$4.5 billion untuk membeli senjata dari Britain. Adakah negara diancam bahaya dari dalam dan luar negeri.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Jawapan kepada soalan ini telah pun diberi ketika menjawab soalan yang lebih kurang sama dari Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 19-6-89. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

KADAR TOL

74. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan terma-terma bagi kadar tol peningkatan kadar tol dan jaminan volum lalulintas yang dipersetujui oleh Kerajaan dengan United Engineers Malaysia (UEM) dalam kontrak Lebuhraya Utara-Selatan.

Tuan Luhah Wan: Dalam perjanjian yang telah ditandatangani, kadar peningkatan tol sehingga tahun 1996 adalah seperti yang dijadualkan di bawah. Kadar-kadar ini tidak termasuk kadar tol di bahagian Bukit Kayu Hitam-Jitra dan Sekudai-Johor Bahru.

DALAM SEN/KM

Kenderaan	1988	1989	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996
2 gandar dan tiga roda atau empat roda.	5	5	5	5	5	7.5	7.5	7.5	10
2 gandar dan 6 roda tidak termasuk bas	7.5	7.5	10	10	10	12.5	12.5	12.5	15
Lebih daripada 2 gandar ..	10	10	12.5	12.5	15	15	17.5	17.5	20
Teksi	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	3.75	3.75	3.75	5
Bas	5	5	5	5	5	6.25	6.25	6.25	7.5

Selepas tahun 1996, kadar kenaikan tol adalah berdasarkan kepada "Consumer Price Index" (CPI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara, atau 6%, yang mana lebih tinggi.

HUKUMAN PENJARA KEPADA PENDATANG TANPA IZIN

75. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negara menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang mencontohi langkah-langkah termasuk merotan dan hukuman penjara yang diambil oleh Kerajaan Singapura dalam menghadapi pekerja-pekerja asing haram yang terdapat di Malaysia. Jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak bercadang untuk mencontohi langkah-langkah membenteras masalah pekerja atau pendatang tanpa izin, yang telah diambil oleh Kerajaan Singapura baru-baru ini. Kerajaan merasakan undang-undang Imigresen yang ada (Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 1988) di negara ini telah pun berpadanan untuk menghukum pekerja atau pendatang tanpa izin. Sekiranya mereka disabit kesalahan, mereka boleh dihukum denda tidak melebihi \$10,000/- atau penjara tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-kedua sekali.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN INSTITUSI- INSTITUSI KEWANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyampung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (27hb Jun, 1989)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat dari Pagoh untuk menyambung ucapan dan selepas itu Menteri berkenaan akan menjawab.

Dr Goh Cheng Teik: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Pagoh, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Pagoh, sila sambung.

3.35 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Menyambung semula perbahasan semalan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa sudah sampai masanya diadakan satu Akta bagi mengadakan Rang Undang-undang baru mengenai pelesenan dan pengawal-seliaan institusi yang menjalankan perniagaan bank, syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan pembrokeran wang, mengenai institusi-institusi yang menjalankan perniagaan kewangan lain yang tertentu dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau yang berkaitan dengannya. Berdasarkan kepada Fasal-fasal 4 dan 6, kita harap perjalanan institusi kewangan dan bank-bank ini akan lebih terkawal dan terjamin dalam operasi pengendalian perniagaannya.

Dengan peruntukan Fasal 5 dan 6, segala butir-butir perlu mengenai permohonan iaitu pemohon-pemohon lesen mengenai mana-mana perniagaan yang disebutkan dalam Seksyen 4 dapat diteliti dengan sebaik-baiknya dan ditentukan kesahihannya. Saya harap di dalam hal ini biarlah kajian, pertimbangan dan kelulusan dibuat, tidak dengan menggunakan semata-mata budi bicara sahaja, tetapi berdasarkan kepada keseluruhan aspek yang menentukan, dengan izin, credibility dan accountability permohonan.

Jika benar-benar kita mahukan keteguhan institusi-institusi kewangan dan bank-bank di negara ini, sifat pilih kasih, rasuah dan apa juga penyelewengan mesti dielakkan dalam proses membuat pertimbangan.

Kita bimbang jika lesen perniagaan itu tersalah beri kepada pemohon yang kurang keupayaan, sama ada dari segi kelayakan, modal, pengalaman dan juga kurang dari segi keamanan, maka akan wujudlah sistem kewangan yang kucar-kacir dan selalunya pihak yang menerima faedah yang lebih ialah pihak pengendali bank bukannya pelanggan bank. Walau apapun risikonya pihak yang mengendalikannya bank dan institusi kewangan yang terlibat biasanya mengambil sikap yang negatif dan akhirnya menyerahkan kepada tanggungan dan Mahkamah. Yang rugi besar dan menjadi mangsa ialah pelanggan dan yang terpaksa meneruskan tanggungan beban dan pengendalian bank iaitu Bank Negara sendiri iaitu Kerajaan. Oleh sebab itu, perlu diperiksa sehabis teliti setiap nama dan alamat pengarah-pengarah pemohon dan perbadanan berkaitan disiasat tentang biodatanya, sejarah hidupnya yang lepas dan masa kini bagi mengenalpasti keupayaan, kewibawaan dan keamanannya.

Fasal 6 (3) menyebutkan satu syor untuk memberi lesen tidak boleh dibuat jika Bank berpuas hati bahawa ia akan berlawanan dengan mana-mana peruntukan lain Akta ini untuk memberi lesen atau bahawa ia akan memudaratkan kedudukan struktur kewangan Malaysia untuk berbuat demikian. Fasal ini saya anggap amat penting kerana di sinilah peringkat penentuan yang mana cadangan disokong atau tidak disokong dibuat untuk pihak Menteri membuat keputusan. Di sinilah letaknya tanggungjawab moral yang harus disempurnakan. Untuk memenuhi tanggungjawab moral ini, syor mestilah disediakan dengan penuh kejujuran,

keikhlasan, keamanan dan tidak langsung dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kepastian-kepastian ini kita harap lesen-lesen yang diluluskan ini akan dapat ditentukan pengendaliannya secara lebih sempurna.

Fasal 7 (1) mengandungi langkah-langkah yang diharap dapat menyekat dan mengawal lesen-lesen bank dan institusi kewangan yang diluluskan daripada dijual, dimanipulasikan syernya dan juga lesen yang terus tidak beroperasi atau yang dapat beroperasi tetapi bermasalah.

Bahagian IX Fasal 58 dan 59 adalah langkah-langkah wajar yang perlu diambil berat dan dipatuhi bagi menentukan sekatan mengenai perniagaan institusi berlesen itu berkesan. Langkah ini dapat menjamin kedudukan kestabilan institusi kewangan tersebut.

Fasal 59 memperkuatkan lagi keteguhan institusi kewangan, iaitu dengan mengelakkan risiko dan penyelewengan yang lebih tinggi, iaitu dengan menggunakan kepentingan untuk diri sendiri khasnya bagi pemegang-pemegang syernya sendiri.

Pengawasan dan pemeriksaan rapi seberapa kerap yang boleh mengikut keadaan yang difikirkan perlu akan memberikan amaran awal dan mewujudkan sikap berjaga-jaga dan waspada serta sentiasa kemas-kini di bank-bank atau institusi kewangan.

Fasal 69 dan 70 adalah menepati kehendak-kehendak ini.

Saya percaya penyalahgunaan kuasa tidak akan berlaku dalam tindakan ini kerana pemeriksa ini adalah tertakluk kepada arahan Menteri, bukan tertakluk kepada kehendak pegawai berkenaan sewenang-wenang.

Tindakan yang cepat dan dengan menggunakan Fasal 71 (1) dan (2), pemeriksaan ke atas apa-apa buku atau dokumen lain, akaun, hakmilik, cagaran atau wang tunai sudah tentu akan mengelakkan beberapa tindakan seperti pemalsuan dokumen, pemusnahan maklumat, penipuan dan pengeliruan butir-butir serta penggelapan wang. Saya harap tindakan ini dapat menyelamatkan bank-bank dan institusi kewangan daripada mengalami kes jenayah perdagangan yang kian meningkat.

Jika kita perhatikan hari ini kita sendiri hairan bagaimana penggunaan alat-alat yang lebih sophisticated dan advanced, dengan izin, yang semakin banyak melengkapi bank-bank dan institusi kewangan boleh menyebabkan bertambahnya kes-kes jenayah di bank-bank dan institusi kewangan. Oleh itu, pada pandangan saya faktor kemanusiaan adalah menjadi salah satu faktor yang patut diambil kira dan diberi perhatian serius. Kalau ia melibatkan kemanusiaan, maka terpaksa digunakan operasi oleh manusia untuk mengatasi masalah ini.

Saya harap dengan pengawalseliaan seperti ini banyak perlakuan curang akan dapat dielakkan di bank-bank dan institusi kewangan, terutamanya penyelewengan seperti rasuah, pilih kasih, penindasan, pemalsuan, penipuan ketidak amanahan dan juga ketidak jujurannya oleh pengarah-pengarah dan juga kakitangan bank serta institusi kewangan.

Saya berpendapat laporan bertulis oleh bank-bank dan institusi kewangan kalau tidak didahulukan atau disusuli dengan tindakan pemeriksaan oleh arahan Menteri, unsur-unsur seperti di atas akan mudah dipergunakan dan boleh mengelirukan. Peranan bank-bank luar negeri yang beroperasi di negara ini juga perlu diikuti perkembangannya, iaitu disemak dari segi peranannya sejauh mana ia telah

mengikuti peraturan dan memenuhi aspirasi Kerajaan setelah ia mendapat segala kemudahan seperlunya daripada Kerajaan, termasuk pemberian lesen.

Saya dapati hari ini sudah terlampau banyak bank-bank dan institusi kewangan yang semakin lemah kedudukannya yang diambilalih dan dikawalselia oleh Bank Negara. Saya bimbang dengan wabak ini. Saya ragu di atas kemampuan Bank Negara sendiri dipandang dari segi tanggungan yang semakin berat. Saya bimbang di atas keupayaan Bank Negara berdasarkan keperluan kepegawaian untuk mengawalselia secara cekap dan berkesan untuk menjalankan pemulihan bank-bank dan institusi kewangan yang bermasalah.

Wajarlah peraturan bank yang lebih kemaskini diimplementasikan sama ada dari segi perlesenan dan pengawalseliaan supaya beban dan tanggungjawab Bank Negara itu akan mudah dilaksanakan. Saya juga berharap sistem yang paling selamat dan berkesan di Bank Negara sendiri akan dikemaskinikan supaya ia akan menjadi contoh kepada bank-bank dan institusi kewangan yang lain.

Mengenai Rang Undang-undang ini yang membolehkan hukuman denda maksima \$10 juta dan 10 tahun penjara terhadap kesalahan jenayah kolar putih, seperti yang terkandung dalam Jadual 4, seksyen 103 adalah langkah yang diharapkan dapat membanteras jenayah di bank-bank dan institusi kewangan bagi melindungi pelanggan-pelanggan dan menyelamatkan institusi kewangan negara menjadi kucar-kacir dan tidak mantap. Masanya adalah kena bagi langkah ini diambil.

Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana pembentangan Rang Undang-undang ini. Langkah ini saya yakin akan

membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi negara melalui pengukuhan sistem kewangan negara yang seterusnya mewujudkan keyakinan pelanggan yang lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya sentuh mengenai beberapa Fasal yang saya anggap penting dalam Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Timbalan Menteri untuk menjawab.

3.48 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Kewangan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Tampin, Pasir Mas, Seremban, Tanjong, Keluang dan Pagoh kerana telah mengambil bahagian dan menyokong Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Rang Undang-undang ini. Beliau menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini mengandungi banyak peruntukan yang bersifat mudarat dan dengan izin, "Draconian". Mengenai isu ini, saya ingin menjelaskan bahawa kuasa-kuasa yang diberi di bawah Rang Undang-undang ini tidak banyak berbeza dari segi pengawalan daripada kuasa-kuasa yang sedia ada di bawah Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat Kewangan 1989. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan Rang Undang-undang ini memberi keutamaan kepada kuasa-kuasa penyiasatan serupa dengan kuasa-kuasa yang terdapat di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Kastam 1967. Ini adalah mustahak untuk menjaga kepentingan para pendeposit

dan orang awam. Jika tindakan sertamerta tidak diambil, seperti yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini, penjenayah-penjenayah mungkin melepaskan diri seperti kes CCB.

Mengenai soal prinsip keadilan semula jadi, saya ingin menegaskan bahawa Rang Undang-undang ini adalah bersifat adil. Ada termaktub di dalamnya prinsip-prinsip keadilan semula jadi. Sebagai contoh, Fasal 7 (3) memperuntukan bahawa mana-mana institusi yang tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan Menteri untuk membatalkan lesennya boleh membuat aduan di Mahkamah Tinggi.

Di samping itu Fasal 10 Rang Undang-undang ini memberi hak kepada mana-mana institusi-institusi bagi membuat representasi bagi pihaknya sebelum Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat baru ke atas sesuatu lesen yang telah diharamkan.

Pada keseluruhannya Rang Undang-undang ini memperuntukkan prosedur-prosedur, dengan izin, recourse atau redress supaya hak-hak seseorang tidak dicabul dengan sewenang-wenangnya.

Menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Tanjong dan Kluang mengenai keperluan bank untuk memohon lesen baru di bawah Rang Undang-undang ini, saya ingin menegaskan bahawa keperluan ini adalah untuk formaliti undang-undang sahaja. Peruntukan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa lesen-lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Bank 1973 diteruskan di bawah Rang Undang-undang ini hanya terpakai jika Rang Undang-undang ini merupakan suatu dengan izin, reenactment Akta Bank 1973. Di sebaliknya Rang Undang-undang ini adalah suatu undang-undang baru yang lebih luas dan yang merangkumi

bukan sahaja bank-bank tetapi institusi kewangan yang lain juga. Harus juga ditegaskan di sini di bawah Rang Undang-undang ini syarat-syarat baru tidak boleh dikenakan pada masa lesen-lesen baru dikeluarkan kepada bank-bank dan syarikat kewangan yang berkenaan.

Fasal 9 memperuntukkan kuasa Menteri Kewangan untuk mengenakan syarat-syarat baru.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap ya.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Saya tidak ada masa Tuan Yang di-Pertua kerana selepas ini pembentangan Kajian Separuh Penggal oleh Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak ada masa Yang Berhormat.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Fasal 9 memperuntukkan kuasa Menteri Kewangan untuk mengenakan syarat-syarat baru kepada mana-mana lesen. Peruntukan ini adalah tidak berbeza daripada Seksyen 4 Akta Bank 1973. Tambahan pula bila syarat-syarat baru dikenakan di bawah Fasal 9 Rang Undang-undang ini memerlukan Menteri Kewangan memberi peluang yang munasabah kepada institusi-institusi yang terlibat untuk membuat representasi-representasinya. Ahli Yang Berhormat juga telah mempersoalkan peruntukan Rang Undang-undang ini mengenai keperluan meminta kebenaran Bank Negara untuk melantik pengarah-pengarah dan ketua eksekutif. Dalam pengawalan institusi-institusi kewangan terdapat masalah-masalah

atau kesulitan kewangan institusi tersebut disebabkan oleh pengurusan yang tidak professional. Tambahan pula pengurusan yang tidak professional dan tidak menepati telah menghasilkan keadaan percanggahan kepentingan serta salah guna akibat daripada pinjaman-pinjaman kepada perniagaan-perniagaan lain yang berkaitan dengan pengarah-pengarahnya. Kuasa untuk meluluskan perlantikan pengurusan di institusi-institusi kewangan berlesen boleh didapati dalam perundangan bank di United Kingdom dan Hong Kong.

Berhubung dengan isu campur tangan politik dalam pengurusan institusi-institusi kewangan, Bank Negara telah membuat garis panduan yang tidak membenarkan ahli-ahli politik daripada memegang jawatan di dalam Lembaga Pengarah institusi kewangan. Garis panduan ini akan diteruskan dan adalah didapati tidak perlu membuat peruntukan khas baginya di bawah Rang Undang-undang ini.

Mengenai persoalan Ahli Yang Berhormat di Bukit Bintang, Kluang dan Tanjong bahawa Fasal 118 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi pengecualian adalah, dengan izin, overriding. Saya ingin menegaskan bahawa kuasa pengecualian ini tidaklah sesuatu yang luar biasa. Kuasa yang diberi kepada Menteri untuk memberi pengecualian bukanlah kuasa yang baru, kuasa pengecualian didapati di bawah Seksyen 59 Akta Bank 1973 dan Seksyen 7 Akta Syarikat-syarikat Kewangan 1969. Tambahannya kuasa pengecualian tidak akan memudaratkan pembangunan struktur kewangan yang kukuh di Malaysia dan penggunaan kuasa pengecualian tidak akan dibuat berlawanan dengan kepentingan awam. Jelasnya kuasa pengecualian Menteri hanya boleh digunakan dengan munasabah.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan isu kebebasan akhbar-akhbar di bawah Fasal 99 (2) dan 99 (3). Kerahsiaan bank adalah dengan izin, a fundamental cannon in banking and in Common Law untuk memupuk keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan. Peruntukan kerahsiaan bank terdapat dalam perundangan bank di merata dunia. Walau bagaimanapun Kerajaan menyedari bahawa maklumat-maklumat berkenaan dengan akaun pelanggan bank perlu didedahkan untuk sebab-sebab tertentu. Oleh itu Rang Undang-undang ini memperuntukkan beberapa keadaan pengecualian kepada kerahsiaan bank.

Berhubung dengan Fasal 99 (2) dan 99 (3) saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa perintah mahkamah untuk mengadakan prosiding secara tertutup atau dengan izin, in camera adalah terhad kepada dua situasi sahaja iaitu seperti yang terdapat dalam Fasal 99 (1) (b) dan 99 (1) (d). Peruntukan ini adalah selaras dengan prinsip kerahsiaan bank. Walau bagaimanapun, di bawah Fasal ini mahkamah diberi kuasa budi bicara untuk memutuskan sama ada sesuatu prosiding harus diadakan secara tertutup atau tidak. Dan memandangkan kepada kepentingan awam dan juga prinsip kerahsiaan bank jelaslah hak untuk mendapatkan maklumat oleh pihak akhbar atau sesiapa pun tidak dihapuskan sama sekali tetapi terpulanglah kepada budi bicara mahkamah.

Mengenai isu kelambatan memproses pinjaman dan lain-lain masalah berkaitan dengan pelanggan-pelanggan bank, Kementerian Kewangan akan meminta Bank Negara meneliti perkara ini. Sukacita saya menyatakan bahawa mana-mana pelanggan yang tidak berpuas hati dengan perkhidmatan bank, bolehlah membuat aduan kepada Bank Negara.

Berhubung dengan penyelewengan dan hukuman yang setimpal ke atas penyelewengan, saya ingin menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini memang memberi perhatian ke atas masalah penyelewengan. Dengan itu sebagai satu langkah untuk mengurangkannya denda ke atas mereka yang bersalah telah dinaikkan seperti yang diperuntukkan di Jadual Keempat Rang Undang-undang ini. Bagaimanapun apa yang kita rancangkan yang penting ialah kejujuran dan amanah. Kehilangan wang dalam institusi-institusi kewangan seperti yang telah berlaku di Bank Negara adalah berupa suatu penipuan. Penipuan berupa suatu gejala yang sukar dicegah sama sekali oleh apa juga cara pun. Walau bagaimanapun, beberapa tindakan telah diambil untuk memperketatkan pengawalan secara keseluruhan ke atas institusi-institusi kewangan termasuk Bank Negara sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa sifat tidak kejujuran dan tidak amanah sukar dikesan dan dibanteras sepenuhnya. Isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban adalah bahawa Koperasi Pengambilan Deposit sepatutnya tertakluk kepada Rang Undang-undang ini dan tukang-tukang emas yang mengambil deposit perlu juga dilesen. Saya ingin menjelaskan bahawa Rang Undang-undang yang dicadangkan Menteri Kewangan di atas permintaan Menteri yang bertanggungjawab ke atas koperasi-koperasi boleh menguatkuasakan peruntukan tertentu Rang Undang-undang ini ke atas koperasi-koperasi tersebut.

Berhubung dengan pengawalan tukang-tukang emas yang mengambil deposit, hendaklah saya menekankan bahawa hanya institusi berlesen sahaja akan dibenarkan mengambil deposit. Oleh yang demikian, perkara yang dibangkitkan tidak timbul.

Akhirnya, mengenai masalah pekerja-pekerja Bank Pusat Kerjasama ataupun CCB dan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kerajaan. Saya ingin menyatakan bahawa kewajipan Kerajaan tertakluk kepada peruntukan undang-undang. Pembayaran kepada pekerja-pekerja kerana pekerjaan ditamatkan mestilah diputuskan oleh Mahkamah. Pihak penerima CCB sedang dalam proses memohon di Mahkamah untuk mendapat arahan-arahan supaya membayar kepada semua creditors dari segi pampasan kepada pekerja CCB.

Bagi Ahli Yang Berhormat dari Pagoh juga telah membangkitkan perkara-perkara yang hampir sama seperti yang telah dijawab tadi. Manamana perkara yang tidak dapat saya jelaskan dalam ucapan saya ini akan diambil perhatian oleh Kementerian dan juga pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 95 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 96 hingga 131—

4.01 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Fasal 99 subseksyen (2) dan (3). Sungguhpun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi sedikit penjelasan kepada teguran saya semalam, bahawa peruntukan Fasal 99 (2) dan (3) satu ancaman kepada kebebasan akhbar oleh kerana mereka yang dalam keadaan di fasal kecil (2) dan (3) di mana ada civil proceedings terhadap mereka tidak boleh dilaporkan dalam suratkhbar tanpa kebenaran daripada mahkamah. Sesiapa pemberita atau juru gambar yang melapor nama, alamat atau gambar dalam kes civil proceedings itu adalah satu kesalahan yang boleh dihadapi ke mahkamah satu jawapan yang tidak memuaskan oleh kerana jawapannya ialah bahawa di manamana dunia, rahsia bank adalah perlu dapat perlindungan.

Tetapi masalah di sini bukan rahsia bank, masalah di sini ialah apa yang sudah datang ke mahkamah menjadi satu civil proceedings baik pun oleh kerana tipu ataupun apa-apa hal dan tentu apabila perkara ini sampai ke mahkamah sudah menjadi satu perkara hal-ehwal kepentingan orang ramai dan tidak lagi menjadi satu hal yang bersangkutan paut dua orang atau dua parti kepada civil proceedings itu sahaja. Dan kalau begitu adalah satu tuntutan kepentingan orang ramai apa yang berlaku di dalam mahkamah patutlah diketahui oleh orang ramai supaya apa yang berlaku boleh menjadi satu pengajaran kepada sesiapa yang buat kesilapan atau kesalahan. Dan saya harap bahawa dalam perkara ini janganlah kita terlalu ketat supaya apa yang berlaku dalam mahkamah boleh menjadi benda untuk dilaporkan dalam suratkhbar dan yang lebih mustahaknya ini boleh menjadi satu helah untuk memberi perlindungan kepada orang-orang atasan ataupun orang-orang berpengaruh, baik pun

daripada segi politik ataupun kewangan supaya apa yang mereka bersabit dalam kes itu mereka tidak dibongkar dalam mahkamah. Dan ini tentulah tidak adil, orang-orang yang tidak ada pengaruh dan tidak ada penglibatan itu, mereka akan dapat dilaporkan dalam suratkhobar.

4.04 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, saya cuma merujuk kepada Fasal 129 (2). Dan di sini saya membaca bahawa sesuatu "lesen seperti yang disebutkan dalam subseksyen (1) (a) (i) atau (b) hendaklah diserahkan balik oleh pemegang lesen sebelum habisnya tempoh 6 bulan yang disebut dalamnya itu, dan berikutan dengan itu hendaklah memberi kepada pemegang itu suatu lesen di bawah seksyen 6 (4), dengan atau tanpa syarat." Di sini suka saya menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada sekiranya sesuatu bank tempatan ataupun bank saudagar tempatan ataupun sesuatu syarikat kewangan, selepas berkuatkuasa Akta ini dalam tempoh 6 bulan dan dikehendaki untuk menyerahkan lesen kepada Bank Negara dan diikuti dengan satu permohonan yang baru, saya ingin mendapat tahu sama ada lesen akan diberi secara otomatis, Dan yang kedua ialah saya ingin bertanya apakah rasional bahawa sesuatu lesen akan dikeluarkan dengan atau tanpa syarat. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Fasal 129 (2), seperti yang saya sebut, ini adalah satu Akta yang baru. Oleh sebab itu semua bank terpaksa mendapatkan lesennya

semula walaupun sekarang mereka ada lesen kerana di bawah Akta yang lain. Jadi ini adalah secara formaliti sahaja untuk mendapatkan lesen yang tersebut. Dan kita jangkakan semua bank yang sekarang ini mendapat lesen akan diberikan lesen mereka semula.

Berkenaan dengan yang kedua, rasionalnya mengapa syarat-syarat dikenakan, syarat baru tidak akan dikenakan kepada bank-bank yang telah mempunyai lesen sekarang.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya telah jelaskan perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan Fasal 99 (2) ini dan juga 99 (3). Perbicaraan yang seperti itu hanya akan diadakan terhad kepada dua situasi sahaja iaitu seperti yang terdapat dalam Fasal 99 (1) (b), 99 (i) (d). Janganlah Yang Berhormat itu menuduh kita ingin melindungi orang-orang yang berpengaruh dan sebagainya. Peruntukan ini dibuat adalah kerana untuk melindungi kerahsiaan bank dan tidak ada lain daripada itu. Sebaliknya, keputusan daripada perbicaraan tentunya akan dapat diketahui oleh umum setelah mahkamah mengumumkan keputusannya. Terima kasih.

Fasal 96 hingga 131 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Keempat—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.11 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Jadual Kedua, Bahagian VI. Tadi saya mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa pembaharuan lesen oleh bank-bank atau institusi-institusi

kewangan yang berada dan yang sudah dilesenkan akan dijalankan sebagai satu formaliti. Jadi saya mengemukakan kenyataan dan keterangan beliau. Ingin saya bertanya sekali lagi untuk penjelasan sama ada kriteria-kriteria yang minima yang disebutkan dalam Jadual Kedua ini terutamanya tentang ekuiti, sama ada ia tidak akan dikenakan ke atas bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang sudah pun dilesenkan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, seperti yang saya telah jelaskan tadi, bagi permohonan dari bank-bank yang telah mempunyai lesen, syarat-syarat seperti yang ada sekarang ini akan dikekalkan.

Jadual Pertama hingga Keempat diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

4.15 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan Usul yang berikut:

Bahawa Dewan ini—

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk

mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan, dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang stabil;

meluluskan dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggikan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 23 Tahun 1989. Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira tiga tahun yang lalu saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk membentangkan agenda pembangunan bagi tempoh masa 1986 sehingga 1990. Matlamat agenda pembangunan tersebut ialah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang stabil dalam jangka panjang. Bagi mencapai matlamat ini, saya telah menekankan betapa perlunya setiap daripada kita mengubah sikap dan berusaha ke arah membentuk satu masyarakat yang progresif, berpandangan positif serta mempunyai keyakinan diri untuk maju. Kerajaan sendiri telah memberikan segala bentuk dorongan ke arah perubahan-perubahan tersebut dan bersikap positif dalam usaha melaksanakannya.

Sekarang dengan sukacitanya ingin saya membentangkan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima bagi tempoh masa 1986 hingga 1988 untuk kita meninjau sejauh mana

pencapaian kita, sejauh mana kita berjaya mengatasi masalah dan rintangan dan sejauh mana pula kita telah dapat membina kekuatan ekonomi kita bagi menghadapi cabaran masa depan. Kajian seperti ini bukanlah sesuatu yang baru. Ianya telah menjadi tradisi di pertengahan pelaksanaan setiap rancangan pembangunan lima tahun. Walau bagaimanapun, Kajian Separuh Penggal ini besar ertinya kerana ianya memberi kita peluang bukan sahaja untuk menilai pencapaian matlamat yang telah kita tetapkan bagi Rancangan Malaysia Kelima, tetapi juga untuk Rangka Rancangan Jangka Panjang, 1971-1990 dan Dasar Ekonomi Baru.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian perlu memberi perhatian kepada Kajian ini supaya dapat sama-sama kita menyumbang fikiran yang positif bagi meningkatkan pencapaian matlamat perancangan kita dan program-program di bawah Dasar Ekonomi Baru yang hanya tinggal lapangbelas bulan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Rancangan Malaysia Kelima dilancarkan dahulu, negara telah dilanda kemelesetan ekonomi yang teruk. Jumlah pendapatan negara, umpamanya, telah merosot sebanyak 7.9 peratus sementara Kerajaan pula menghadapi masalah kewangan. Di samping itu, kemelesetan ekonomi juga telah menjejaskan pengwujudan peluang-peluang pekerjaan hingga menyebabkan pengangguran terus meningkat. Dalam keadaan yang begitu terdesak, terdapat pula kesangsian di kalangan berbagai pihak tentang keupayaan kita untuk bangun kembali daripada kemelesetan tersebut. Ada juga pihak-pihak yang mendakwa bahawa kesemuanya ini berpunca dari pengurusan ekonomi yang tidak cekap. Mereka ini sengaja lupa bahawa disebabkan oleh struktur ekonomi kita yang terbuka di mana

lebih separuh daripada pendapatan negara diperolehi daripada eksport, kemelesetan ekonomi dunia cepat merebak ke negara kita dan membawa kesan yang tidak diingini.

Perkembangan ekonomi beberapa tahun yang lalu membuktikan bahawa tuduhan-tuduhan tersebut adalah tidak berasas. Sebenarnya dengan pengurusan ekonomi kita yang teratur, pertumbuhan keluaran negara telah meningkat pada kadar yang lebih pesat dan dalam tempoh yang lebih singkat daripada yang dijangkakan. Pertumbuhan ekonomi pada tahun lalu umpamanya telah mencapai kadar 8.7% iaitu satu pertumbuhan yang paling tinggi dalam tahun 1980an setelah mencapai pertumbuhan pada kadar 5.2% dalam tahun 1987 dan 1.2% dalam tahun 1986. Di samping itu, kedudukan kewangan Kerajaan yang pada satu ketika membebankan sumber kewangan negara telah pulih lebih awal daripada yang dijangkakan, sementara jurang sumber yang menjadi masalah utama sebelum pelancaran Rancangan Malaysia Kelima juga telah dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, punca utama pemulihan ekonomi kita adalah datangnya daripada perkembangan yang pesat dalam sektor eksport. Nilai eksport negara pada tahun 1988 telah meningkat kepada \$55.3 ribu juta iaitu 55% lebih tinggi dari tahun 1986. Ini bukan sahaja disebabkan oleh kenaikan harga barang utama eksport seperti getah, minyak kelapa sawit, bijih timah dan petroleum tetapi juga oleh jumlah pengeluaran yang lebih tinggi khususnya dalam sektor pertanian moden dan pembuatan. Pengeluaran sektor pembuatan meningkat pada kadar 12.8% dalam tahun 1987 dan 18% dalam tahun 1988 setelah didorong oleh permintaan luar dan dalam negeri. Nilai Eksport barang pembuatan dalam tahun 1988 adalah 75% lebih tinggi daripada nilai

tahun 1986. Ini merupakan satu perkembangan penting dalam usaha Kerajaan untuk memperkukuhkan proses industri negara supaya ekonomi kita tidak terlalu bergantung kepada eksport barang-barang mentah.

Pemulihan yang pesat daripada sektor eksport memberi kesan yang besar kepada ekonomi negara. Imbangan pembayaran di antara eksport dan import telah menunjukkan lebihan mulai tahun 1986 setelah mengalami defisit yang berterusan semenjak tahun 1980. Sistem kewangan negara menjadi lebih kukuh berbanding dengan kesesakan sumber kewangan yang dialami dalam tahun-tahun 1985 dan 1986. Kadar faedah bank menurun ke paras yang terendah semenjak tahun 1974. Pendapatan per kapita pula telah meningkat daripada \$4,073 pada tahun 1986 kepada \$5,070 pada tahun 1988. Perbelanjaan pengguna mencatatkan pertumbuhan yang besar seperti ternyata daripada angka-angka penjualan barang-barang pengguna seperti peti sejuk, televisyen, motosikal dan kereta. Pendek kata, keseluruhan ekonomi kita sedang menikmati pertumbuhan yang menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor swasta juga memainkan peranan yang besar dalam pertumbuhan ekonomi semenjak tahun 1987. Beberapa angka petunjuk membuktikan perkembangan pesat dalam sektor swasta. Jumlah modal bagi projek-projek yang diluluskan oleh MIDA dalam tahun 1988 sebanyak \$9,094 juta ialah 131% lebih tinggi berbanding dengan jumlah yang diluluskan bagi tahun 1987. Jumlah import barang-barang yang digunakan untuk pelaburan (capital goods) meningkat sebanyak 13.5% dalam tahun 1987 dan 38.9% dalam tahun 1988. Pinjaman yang dikeluarkan oleh bank kepada sektor swasta juga telah meningkat

dengan banyaknya. Permohonan yang diterima oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing untuk membeli harta saham dan hartanah dalam tahun 1988 adalah lebih tinggi dari tahun 1986.

Pelaburan swasta mencatatkan pertumbuhan sebanyak 23.5% dalam tahun 1988 berbanding dengan 6.5% dalam tahun 1987 dan kemerosotan sebanyak 16.3% dalam tahun 1986. Sesungguhnya pertumbuhan sektor swasta ini bukan sahaja dipengaruhi oleh pemulihan sektor eksport tetapi juga beberapa langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan suasana yang lebih menarik bagi pelabur asing dan tempatan.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melonggarkan kawalannya terhadap pembangunan sektor swasta. Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 telah dipinda dengan meningkatkan paras pengecualian mendapatkan lesen dan melonggarkan syarat hakmilik ke atas pelabur asing. Bagi perolehan harta pula, paras pengecualian kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing telah dinaikkan kepada \$5 juta demi untuk memudah dan mempercepat pembelian dan pengambilan alih. Di samping itu beberapa dasar kewangan juga diperkenalkan untuk menyediakan sumber pembiayaan yang cukup dan pada kadar yang munasabah kepada sektor swasta. Selain daripada langkah-langkah di atas Akta Penggalakan Pelaburan 1986 telah diperluas bagi menyediakan galakan fiskal kepada sektor pembuatan, pertanian dan pelancongan. Kerajaan juga telah mengurangkan kadar cukai koporat dengan tujuan supaya sektor swasta dapat meningkatkan lagi pelaburan mereka.

Minat pelabur-pelabur asing dan tempatan telah bertambah dan ini memberi petanda baik kepada kestabilan pertumbuhan ekonomi. Akhirnya ini sektor swasta telah

menunjukkan kejayaan dalam meneroka pasaran antarabangsa bagi barang-barang yang selama ini hanya dijual dalam negeri. Kejayaan yang sama juga dapat dilihat di dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan di mana kereta nasional umpamanya telah menembusi pasaran antarabangsa. Kerajaan percaya bahawa jika dorongan dan galakan yang disediakan oleh Kerajaan digunakan dengan baik, sektor swasta akan dapat menempa kejayaan yang lebih besar. Segala-galanya adalah bergantung kepada sikap sektor swasta sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, semasa negara menghadapi kemelesetan, Kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan perbelanjaan pengurusan dan pembangunan. Pengurangan ini dibuat untuk menjaga kedudukan kewangan negara. Sebelum daripada itu Kerajaan telah meminjam dengan banyaknya untuk meneruskan pembangunan dan pelaburan supaya pertumbuhan ekonomi diteruskan di tahap yang tinggi. Jika amalan ini diteruskan semasa ekonomi negara meleset, kita mungkin menanggung beban hutang yang terlalu banyak seperti yang berlaku kepada beberapa buah negara membangun.

Pengurangan perbelanjaan pembangunan ini merupakan pilihan yang wajar memandangkan tahap kemelesetan yang dialami adalah berterusan dan di luar jangkaan dan ianya memberi kesan yang begitu berat terhadap kedudukan kewangan Kerajaan. Tambahan pula prospek pertumbuhan di masa itu adalah tidak pasti. Kerajaan berpendapat sekiranya perbelanjaan bagi Rancangan Malaysia Kelima dikekalkan pada paras yang asal iaitu \$74 ribu juta, negara bukan sahaja terpaksa meningkatkan hutang luarnya, malah akan menghadapi risiko pertumbuhan yang perlahan di masa hadapan. Dengan lain perkataan, adalah lebih

baik bagi kita berbelanja mengikut kemampuan kita. Berasaskan ini, perbelanjaan pembangunan sektor awam dikurangkan kepada \$47.7 ribu juta.

Bagaimanapun, dengan perkembangan ekonomi yang bertambah baik akhir-akhir ini, Kerajaan telah bersetuju meningkatkan perbelanjaan pembangunan ke paras \$57.5 ribu juta. Jumlah ini walaupun masih rendah berbanding dengan peruntukan asal Rancangan Malaysia Kelima, adalah cukup untuk melaksanakan projek-projek pembangunan sehingga akhir tahun 1990.

Daripada jumlah peruntukan yang disemak semula ini iaitu \$57.5 ribu juta sebanyak \$32.86 ribu juta adalah untuk perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan sebanyak \$16.4 ribu juta bagi Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Daripada keseluruhan peruntukan bagi Kerajaan Persekutuan dan PABK-PABK 76.17% adalah diuntukkan kepada sektor ekonomi, manakala 17.24% untuk sektor sosial. Bahagian sektor ekonomi telah dapat dikekalkan ke paras yang sama dengan paras asal semasa Rancangan Malaysia Kelima dilancarkan, manakala bahagian sektor sosial pula telah dipertingkatkan.

Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada projek-projek pembangunan luar bandar serta pembangunan infrastruktur fizikal dan sosial. Malaysia boleh dianggap sebagai satu-satunya negara yang terbaik di rantau ini daripada segi taburan kemudahan infrastruktur. Walau bagaimanapun, kita masih perlu meningkatkan lagi mutunya kerana sistem infrastruktur yang efisien adalah sangat penting pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, perbelanjaan bagi projek-projek infrastruktur seperti jalan, pelabuhan, keretapi, lapangan terbang, bekalan air dan elektrik perlu dipertingkatkan

lagi untuk memberi sokongan kepada perkembangan sektor-sektor penting khususnya pembuatan, pelancongan dan pertanian.

Perbelanjaan pembangunan bagi agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1986 hingga 1988 menunjukkan prestasi pelaksanaan yang kurang memuaskan. Oleh itu usaha-usaha akan diperlipatgandakan supaya prestasi pelaksanaan yang lebih tinggi dapat dicapai dalam tempoh lapan belas bulan akan datang ini.

Walaupun kedudukan kewangan sektor awam sekarang kini bertambah baik dibandingkan dengan kedudukan di dalam tahun-tahun 1986 dan 1987, Kerajaan akan terus mengawal perbelanjaan awam supaya kedudukannya kukuh. Bagi dua tahun akhir Rancangan Malaysia Kelima akaun semasa Kerajaan Persekutuan dijangka mendapat lebihan dan ini akan mengurangkan defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan. Defisit keseluruhan pada masa ini berada di paras yang munasabah dan lebih rendah daripada anggaran asal Rancangan Malaysia Kelima. Kerajaan akan cuba mengurangkan beban hutang luar negeri dan oleh itu perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan dibiayai terutamanya daripada punca-punca dalam negeri. Penswastan projek-projek tertentu akan dibuat untuk mengurangkan beban perbelanjaan Kerajaan tanpa menjejaskan keperluan pembangunan untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam usaha mengukuhkan kedudukan kewangan sektor awam, Kerajaan akan terus mengawal perbelanjaan PABK-PABK dan mengawasi prestasi agensi-agensi tersebut. Agensi-agensi ini tidak sepatutnya bergantung kepada bantuan Kerajaan Persekutuan tetapi hendaklah meningkatkan lagi punca-punca pendapatan sendiri. Kerajaan

juga telah memutuskan supaya tidak lagi menubuhkan PABK-PABK yang baru terutama yang memberi saingan kepada aktiviti sektor swasta. Seajar dengan matlamat mengurangkan beban belanjawan sektor awam, pelaksanaan program penswastan akan dipertimbangkan. Walaupun terdapat beberapa halangan di peringkat pelaksanaannya, kemajuan yang dicapai setakat ini adalah memuaskan.

Peranan sains dan teknologi sebagai satu alat untuk mencapai matlamat pembangunan negara dan satu sumber untuk mendorong pertumbuhan ekonomi telah dititikberatkan dalam Rancangan Malaysia Kelima terutama dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Dalam hal ini satu peruntukan penyelidikan yang berjumlah \$400 juta telah disediakan untuk aktiviti di sektor awam. Bagi tujuan mengurus aktiviti penyelidikan yang lebih terselaraskan mengikut keutamaan yang berasaskan matlamat pembangunan negara dan yang sentiasa dapat diawasi maka satu peraturan telah diwujudkan iaitu peningkatan penyelidikan di bidang keutamaan atau lebih dikenali sebagai, dengan izin, IRPA (Intensification of Research in Priority Areas). Peraturan ini telah memberi kesan yang baik daripada segi pengembelian tenaga penyelidikan ke arah matlamat yang dipastikan dan mendorong usaha penyelidikan secara kerjasama dalam institusi dan antara institusi dan dengan itu menghindar pembaziran sumber. Walau bagaimanapun, banyak lagi yang perlu diperbaiki untuk mengemaskan peraturan itu supaya lebih berkesan dan juga untuk menjalin usahasama yang lebih dengan swasta.

Usaha penyelidikan dan pembangunan di pihak swasta pula terutama sekali di sektor pembuatan masih lembab sungguhpun Kerajaan telah mengadakan skim-skim galakan

yang cukup. Demi perkembangan sektor perindustrian yang lebih mantap dan penghasilan barang-barang yang lebih berkualiti dan dengan itu boleh lebih bersaing di pasaran luar negeri, pihak swasta digesa mempertingkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan mereka sama ada secara "in-house" ataupun melalui usahasama dengan institusi-institusi penyelidikan Kerajaan dan universiti-universiti.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan mulai dari tahun 1971, banyak kemajuan telah dicapai terutama matlamat pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat dan mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum khususnya daripada segi pekerjaan dan hakmilik harta. Matlamat Dasar Ekonomi Baru ini telah dirumus di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang, 1971-1990 dalam konteks ekonomi yang berkembang pesat kerana ini adalah perlu bagi meluaskan peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan kepada golongan yang miskin dalam kawasan yang kurang maju.

Perkembangan ekonomi kita dalam tahun-tahun 70an mencatatkan pencapaian yang tinggi iaitu pada kadar purata 6.6% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975 dan 8.5% dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-1980 tetapi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985 pertumbuhan ekonomi telah merosot ke paras purata 5.1%. Kemelesetan ekonomi yang dialami dalam tahun 1985 di mana pertumbuhan ekonomi berada di paras negatif terus lembab sehinggalah pulih dalam tahun 1987.

Walaupun keadaan ekonomi kurang memuaskan di awal dekad lapan puluhan, kita masih boleh berbangga dengan kemajuan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah dapat dikurangkan daripada 49% dalam tahun 1970 kepada paras yang jauh lebih rendah iaitu kira-kira 17% dalam tahun 1987. Kemajuan yang telah dicapai ini menunjukkan bahawa program-program pembangunan Kerajaan terutama sekali di luar bandar telah dapat memberi kesannya ke atas pengeluaran dan pendapatan di kalangan golongan miskin seperti pekebun-pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan dan pekerja-pekerja estet. Di samping itu bilangan kumpulan ini akan menurun kerana anak-anak mereka setelah mendapat pelajaran akan bekerja di bidang-bidang lain yang memberi pendapatan yang lebih tinggi, termasuk jawatan-jawatan profesional. Beberapa petunjuk sosial juga menunjukkan bahawa lebih ramai penduduk luar bandar dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik serta jalan-jalan.

Semasa saya membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat dahulu, saya telah menerangkan tentang konsep kemiskinan di negara ini. Apabila kita menyebut golongan miskin di negara kita, keadaannya tidaklah seburuk seperti terdapat di beberapa buah negara membangun yang lain. Oleh itu, apabila golongan miskin di negara ini menghadapi kesan kemelesetan, keadaan mereka tidaklah terlalu tertekan. Tambahan pula, keadaan tersebut adalah bersifat sementara. Apabila ekonomi negara mula pulih dan harga-harga komoditi meningkat, kehidupan mereka akan menjadi selesa dan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan akan dapat dicapai, insya Allah.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bolehlah meneliti angka-angka terperinci mengenai kemiskinan dan pengagihan pendapatan di kalangan kaum-kaum dan negeri-negeri dalam

laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima ini. Dalam laporan ini juga, Kerajaan memberi maklum tentang pendapatan keluarga yang digunakan sebagai garis kemiskinan bagi tahun 1987 iaitu \$350 untuk Semenanjung Malaysia, \$533 untuk Sabah dan \$429 untuk Sarawak. Garis kemiskinan ini serta juga metodologinya telah diterangkan kepada ahli-ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara. Maklumat-maklumat lain yang diperlukan untuk perbincangan Majlis tersebut telah juga disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada matlamat kedua Dasar Ekonomi Baru iaitu penyusunan semula masyarakat, pencapaiannya juga boleh dibanggakan apabila dibandingkan dengan keadaan dalam tahun 1970 dahulu. Penyertaan Bumiputera dalam sektor-sektor industri dan perniagaan menunjukkan bahawa penyertaan mereka dalam pekerjaan di sektor tersebut telah bertambah daripada segi peratusan dan juga daripada segi angka mutlak. Begitu juga daripada segi pemilikan harga saham dalam sektor korporat di mana milik Bumiputera telah meningkat daripada 2% dalam tahun 1970 kepada kira-kira 19% dalam tahun 1988.

Namun demikian, kita patutlah sedar bahawa kemajuan penyertaan Bumiputera dalam tahun-tahun lapan puluhan ini tidak sebegitu lancar jika dibandingkan dengan tahun-tahun tujuh puluhan. Ini adalah disebabkan oleh kemerosotan ekonomi terutama sekali dalam tahun 1985 dan 1986 yang telah membangkitkan beberapa masalah seperti pengangguran dan kekurangan perbelanjaan pelaburan di dalam sektor swasta dan awam. Dengan keadaan yang demikian, tidak banyak peluang-peluang dapat diwujudkan dalam ekonomi bagi meluaskan penyertaan Bumiputera sama ada dalam pekerjaan ataupun dalam pemilikan harta korporat.

Daripada tambahan modal berbayar yang baharu sebanyak \$20 ribu juta bagi tahun 1986 sehingga 1988, 21% daripadanya adalah dimiliki oleh individu Bumiputera dan syarikat-syarikat amanah, sementara 60% oleh rakyat Malaysia yang lain dan 19% oleh orang-orang asing. Ini menjadikan peratus hakmilik Bumiputera di sektor korporat dalam tempoh tersebut tidak berubah iaitu kira-kira 19% pada penghujung tahun 1988. Sementara itu, penyusunan semula gunatenaga juga tidak menunjukkan banyak perubahan di mana penyertaan Bumiputera lebih tertumpu di sektor pertanian tradisional, sedangkan bukan Bumiputera tertumpu di sektor kedua seperti pembuatan dan pembinaan.

Apabila negara dilanda kemelesetan, ada pihak yang ragu-ragu dengan kedudukan Dasar Ekonomi Baru di dalam agenda pembangunan negara, terutamanya yang berkaitan dengan penyusunan semula hakmilik. Perlu disedari bahawa Dasar Ekonomi Baru bukan semata-mata terhad kepada Bumiputera sahaja dan aspek-aspek ekuiti. Pengwujudan peluang-peluang pekerjaan, pendidikan dan bantuan kepada mereka yang berpendapatan rendah adalah juga sebahagian daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dan ini dapat diteruskan walaupun pemilikan aset oleh Bumiputera tergendala disebabkan kemelesetan.

Ada pula pihak-pihak yang berpendapat bahawa mekanisme penyusunan semula telah menjejaskan prestasi ekonomi dengan mengurangkan pelaburan swasta. Sebenarnya tidak terdapat bukti yang dapat menyokong dakwaan ini. Kemerosotan pelaburan swasta di awal tempoh Rancangan Malaysia Kelima lebih merupakan reaksi jangka pendek tentang prospek ekonomi yang tidak pasti dan penyesuaian

yang terpaksa dibuat akibat berterusannya permintaan yang rendah di seluruh dunia. Dalam hubungan ini, usaha-usaha telah ditumpukan ke arah memulihkan pertumbuhan dan meningkatkan daya saing di pasaran antarabangsa. Kerajaan umpamanya telah berusaha mengurangkan halangan-halangan pentadbiran, memperbaiki skim galakan pelaburan serta lain-lain dasar fizikal yang dapat membentuk suasana pelaburan yang lebih baik.

Ada pihak yang menganggap kelonggaran yang diberi kepada pelabur-pelabur asing bermakna Dasar Ekonomi Baru dibelakangkan. Di sini ingin saya menjelaskan mengenai pilihan yang harus kita hadapi. Pertama kita boleh menunggu sehingga kita mempunyai modal yang cukup untuk membiayai ekuiti yang telah kita tentukan sebelum kita meminta pelabur asing datang dan dengan itu ramai rakyat akan menganggur, atau keduanya, kita mengurangkan tekanan terhadap penyertaan kita dalam ekuiti untuk menarik pelaburan asing dalam industri-industri yang boleh memberi peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. Yang pertama mengutamakan pelabur dan pemodal tempatan yang jumlahnya sedikit. Yang kedua, mengutamakan peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak. Kerajaan memilih yang kedua kerana kita menganggap kepentingan para penganggur lebih utama daripada kepentingan para pemodal. Di samping itu pengwujudan peluang-peluang pekerjaan juga memenuhi matlamat DEB, iaitu membasmi kemiskinan.

Pendekatan ini telah mempercepatkan pembangunan industri pembuatan dan kemudahan pelancongan yang membantu pertumbuhan ekonomi negara supaya tidak tertinggal jauh di belakang negara-negara jiran dalam usaha-usaha untuk meningkatkan taraf hidup

rakyat masing-masing. Jika kita mengutamakan pertumbuhan ekonomi, sebabnya ialah kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan kebahagiaan hidup rakyat. Sudah tentu kemajuan ekonomi mempunyai kaitan secara langsung dengan pengangguran. Semasa kemelesetan, peratusan penganggur meningkat kepada 8.3% daripada jumlah semua jenis tenaga pekerja termasuk lepasan universiti.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan menekankan akan betapa pentingnya negara kita memperlihatkan ketenteraman dalam hubungan pekerja dengan majikan atau, dengan izin, "industrial peace", sebabnya ialah kerana kita berasa bertanggungjawab terhadap mereka yang menganggur dan juga mereka yang sedang bekerja. Jika iklim pelaburan diburukkan kerana tidak wujud "industrial peace", maka peluang-peluang pekerjaan baru tidak dapat diadakan bagi yang menganggur.

Mereka yang sudah mempunyai kerja harus bertanggungjawab juga, kerana kemelesetan bukan sahaja mengurangkan peluang-peluang pekerjaan tetapi kadangkala mereka yang sudah bekerja pun boleh digugurkan. Ini terjadi kepada ramai pekerja di masa kemelesetan baru-baru ini.

Jika kita perhatikan beberapa negara yang sekarang menjadi negara-negara perindustrian baru ataupun NICs, kemajuan mereka adalah disebabkan "industrial peace" yang terdapat di negara-negara mereka. Hasilnya ialah di negara-negara ini upah pekerja meningkat begitu tinggi sehingga para pengusaha mereka sekarang terpaksa melabur di luar negeri untuk menikmati kos upahan yang rendah. Insya Allah, jika negara kita maju kerana ada "industrial peace", semua pekerja akan mendapat upahan yang lebih seperti para pekerja di negara-negara perindustrian baru.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada pencapaian serta beberapa perkembangan terakhir, saya percaya ekonomi negara sudah pulih sepenuhnya daripada bencana kemelesetan. Walaupun terdapat halangan-halangan di dalam perkembangan ekonomi antarabangsa, saya yakin bahawa kita akan dapat mengatasinya. Atas keyakinan ini, pertumbuhan ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar 7.3% bagi tahun 1989. Saya percaya pendapatan yang kita perolehi daripada eksport di tahun-tahun yang lalu akan berupaya menggerakkan kegiatan ekonomi dalam negeri. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 1990 dijangka menurun sedikit iaitu di paras 6.7%, kesan daripada pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia yang dijangka merosot sedikit dalam tahun tersebut. Oleh yang demikian, adalah penting bagi kita memastikan pendapatan daripada eksport kita digunakan untuk menambah keupayaan pengeluaran negara dan bukan disimpan di luar negeri bagi tujuan keuntungan jangka pendek dan untuk kepentingan persendirian.

Berdasarkan ramalan pertumbuhan ini, kita mungkin akan mencatatkan pertumbuhan ekonomi pada paras purata 5.8% bagi tempoh 1986 hingga 1990, lebih tinggi daripada matlamat asal Rancangan Malaysia Kelima iaitu 5%. Kita juga akan dapat melihat transformasi struktur ekonomi ke arah yang diharapkan terutama dalam konteks memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara. Ramalan-ramalan awal ini menunjukkan bahawa kita juga akan mencapai matlamat jangka panjang pembasmian kemiskinan mutlak bagi Semenanjung Malaysia. Apa yang membanggakan kita ialah pendapatan purata kesemua projek-projek pertanian tajaan Kerajaan berada pada paras yang lebih tinggi daripada garis kemiskinan. Di samping itu, penyesuaian yang dibuat dalam

beberapa tahun lalu, telah meningkatkan produktiviti terutama di sektor pembuatan yang dijangka meningkat sebanyak 5% setahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di sebalik kemajuan-kemajuan yang saya sebutkan tadi, kita mungkin tidak akan mencapai matlamat jangka panjang bagi penyusunan semula masyarakat. Peratusan milik bumiputera di sektor korporat dijangka hanya mencapai paras kira-kira 20% dalam tahun 1990. Sementara itu, bagi penyusunan semula gunatenaga pula, perbezaan di kalangan pelbagai kaum di dalam jenis-jenis pekerjaan akan berterusan.

Menyentuh tentang pengangguran pula, kadar pengangguran bagi tahun 1990 hanya dapat dikurangkan kepada 7.6% berbanding dengan 8.1% dalam tahun 1988. Kita perlu mengambil perhatian bahawa jumlah yang menganggur sekarang ialah 534,700 orang. Di samping itu tenaga buruh pula bertambah tahun demi tahun. Untuk memberi pekerjaan kepada mereka, ekonomi kita perlulah berkembang pada paras yang lebih pesat, sekurang-kurangnya 7% setahun. Dengan itu adalah penting bagi kita mengamalkan dasar-dasar pembangunan yang akan memberi pertumbuhan ekonomi yang pesat supaya dapat kita mengatasi masalah pengangguran ini.

Namun demikian, peratusan pengangguran tidak akan menurun selagi rakyat Malaysia terlalu memilih kerja. Semasa beribu-ribu peluang pekerjaan kosong, beribu-ribu pekerja menganggur. Di masa yang sama pendatang asing berebut-rebut ke Malaysia untuk mendapat kerja. Kerana terlalu memilih, kita seperti "Ayam dikepek mati kelaparan, itek di air mati kehausan".

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi yang berterusan adalah prasyarat kepada pencapaian matlamat

perubahan struktur dan pembangunan sosial. Oleh itu adalah perlu segala keistimewaan yang terdapat di dalam ekonomi kita digunakan bagi mendapat manfaat sepenuhnya. Sementara itu, langkah-langkah bagi mengatasi sebarang halangan yang boleh menjejaskan pertumbuhan akan diteruskan.

Pengagihan sumber merupakan aspek terpenting di dalam pertumbuhan ekonomi. Adalah perlu pengagihan tersebut dibuat atas kriteria-kriteria yang menekankan kecekapan dan menghalang pembaziran. Kerajaan akan memastikan bahawa punca-punca pembiayaan dan sumber kewangan bagi sektor swasta adalah mencukupi dan di sediakan pada kos yang munasabah.

Peranan dan fungsi sektor awam juga akan terus diteliti dengan tujuan mengurangkan beban kewangan Kerajaan, menghapuskan pembaziran dan meningkatkan kecekapan. Pengurusan syarikat-syarikat milik Kerajaan hendaklah mengutamakan pulangan kepada pelaburan atau, dengan izin, "returns on investment". Amatlah aneh jika syarikat Kerajaan berharap kepada pelaburan modal tiap-tiap tahun, satu perkara yang tidak berlaku dalam sektor swasta. Walau bagaimanapun, program-program pembangunan infrastruktur yang boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan perkembangan sektor swasta akan diteruskan.

Perbelanjaan pembangunan bagi agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan bahagian-bahagian yang telah dan akan diswastakan dalam tahun 1989 dan 1990 dijangka memberi kesan kepada perkembangan sektor swasta dalam aktiviti pembinaan dan juga pengeluaran. Selain daripada projek pembinaan saluran paip gas dan Lebuhraya Utara-Selatan, perancangan sedang dibuat untuk mempercepatkan pelaksanaan beberapa

projek infrastruktur di Lembah Kelang termasuk lebuhraya dan keretapi bagi mengatasi kesesakan laluan trafik di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Kelang. Di kawasan utara pula, lebuhraya baru akan dibina di antara Kulim dan Prai bagi menyenangkan perhubungan kawasan perindustrian itu dengan Pelabuhan Pulau Pinang. Begitu juga dengan kawasan timur, di mana jalan-jalan baru akan dibina bagi menghubungkan kawasan-kawasan pendalaman di Terengganu, Kelantan, Perak dan Pahang. Demikian juga di Sabah dan Sarawak, jalan-jalan persekutuan akan dibaiki supaya setaraf dengan jalan di Semenanjung.

Malaysia adalah sebuah negara yang kecil dan mudah dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi antarabangsa. Walaupun kita tidak berupaya melindungi diri kita sepenuhnya daripada pengaruh-pengaruh luar, kita sebenarnya mempunyai ruang untuk mengurangkan tekanan daripada pengaruh tersebut. Dalam hubungan ini langkah-langkah akan terus diambil bagi mempelbagaikan eksport negara dan memperkukuhkan lagi pasaran tempatan. Pertumbuhan ekonomi yang pesat dapat dicapai dengan sumbangan yang lebih besar oleh sektor pembuatan. Bagi tujuan ini, galakan perlu diberikan kepada industri yang boleh berkembang pesat, berdaya maju dan mempunyai keupayaan bersaing. Usaha-usaha perlu dibuat untuk mempelbagaikan keluaran, reka bentuk serta kegunaan barang-barang yang dihasilkan. Di samping itu penerokaan pasaran baru perlu dipergiatkan. Secara keseluruhan, pembangunan di sektor pembuatan akan terus menekankan aspek-aspek kecekapan dan keupayaan bersaing.

Kesemuanya ini bergantung terus kepada kebolehan menguasai teknologi. Pemindahan teknologi bukan sahaja bergantung kepada kesanggupan pihak yang mempunyai

teknologi memindahkannya tetapi juga kesediaan kita berusaha menerima teknologi dan menggunakannya. Teknologi tidak akan datang bergolek. Ia perlu dikejar, dipelajari dan diamankan. Dalam hal ini pihak bank di Malaysia hendaklah cekap dan sanggup membantu perusahaan-perusahaan yang menggunakan teknologi dan tidak memberi hutang hanya mengikut nilai cagaran. Bank-bank harus mempunyai pegawai-pegawai teknikal yang boleh membuat penilaian terhadap projek yang diasaskan kepada teknologi terbaru dan moden.

Memang benar risiko akan bertambah tetapi tanpa kesanggupan mengambil risiko yang munasabah, Malaysia tidak mungkin mengadakan perusahaan teknologi moden sendiri. Peruntukan penyelidikan yang munasabah akan terus disediakan dan pihak swasta diharap akan menambah kegiatan penyelidikan mereka supaya mereka mencapai 25% daripada usaha penyelidikan negara keseluruhannya seperti yang dimatlamatkan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Sementara itu tindakan akan diambil untuk menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat saintis dan teknologis sektor awam tentang hubungan sains dan teknologi dengan ekonomi negara, tentang perlunya sebahagian besar usaha penyelidikan dikaitkan dengan kehendak-kehendak perindustrian dan tentang peri mustahaknya interaksi yang lebih antara sektor akademi dengan sektor swasta. Pembangunan sektor pertanian pula harus dipandang dari sudut jangka panjang terutama apabila halangan-halangan di sektor ini lebih merupakan kelemahan struktur.

Dalam usaha menghidupkan kembali peranan sektor ini, perhatian akan ditumpukan kepada pemulihan dan penyusunan semula tanah-tanah pertanian dan kegiatan yang lebih daripada segi penyelidikan penghasilan

dan penyelidikan hiliran, atau dengan izin, production and downstream research. Program-program pembangunan juga akan menekankan aspek-aspek komersial dan sikap berdikari serta penyertaan petani yang lebih aktif. Demikian juga dengan aktiviti-aktiviti perikanan. Cara-cara tradisional sudah tidak sesuai lagi. Kerajaan dan swasta harus berganding bahu untuk menghadapi cabaran zaman "mass consumption".

Di sini ingin saya mengambil kesempatan menyeru kepada sektor swasta supaya dapat memainkan peranan yang lebih besar dan berkesan dalam mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Bagi pihak Kerajaan, langkah-langkah yang perlu akan diteruskan bagi mengurangkan amalan-amalan pentadbiran dan struktur institusi yang menghalang pertumbuhan sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru akan terus mendapat tempat utama di dalam agenda pembangunan negara. Sementara kita menunggu konsensus dicapai di dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara, Kerajaan akan memastikan pelaksanaan program pembangunannya dibuat secara yang boleh memberi keuntungan jangka panjang kepada semua kaum di negara ini. Dalam usaha membasmi kemiskinan, perhatian akan ditumpukan kepada aspek-aspek kemiskinan relatif antara kaum dan kawasan. Sungguhpun kadar kemiskinan telah berkurangan, usaha-usaha perlu di ambil bagi memperbaiki taraf hidup golongan termiskin. Sebenarnya cara yang berkesan sekali ialah mereka yang miskin tidak digalakkan menjadi penerima yang pasif sahaja. Mengenai pembangunan tenaga manusia pula, tekanan lebih akan diberikan kepada pengetahuan dalam bidang pengurusan dan teknikal yang ada kaitan dengan pembangunan

ekonomi negara. Nilai-nilai positif akan terus dipupuk di sekolah-sekolah dan lain-lain institusi pelajaran dan juga di kalangan golongan dewasa. Etika kerja yang baik perlu disemai bukan sahaja dikalangan pekerja biasa tetapi juga di kalangan eksekutif-eksekuti yang muncul dengan ramainya kerana perkembangan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah berjaya melalui tempoh kemelesetan dengan jayanya. Kedudukan ekonomi kita kini semakin kukuh. Ini adalah hasil daripada dasar-dasar penyesuaian ekonomi yang baik dan teratur. Sungguhpun begitu, ianya tidak bermakna bahawa kita boleh berdiam diri. Pencapaian dalam aspek-aspek penyusunan semula masyarakat, usaha-usaha pembasmian kemiskinan dan pembangunan tenaga manusia perlu dipertingkatkan lagi. Di samping itu, banyak lagi cabaran-cabaran yang perlu kita hadapi dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Menyedari keperluan ini, saya menyeru segenap lapisan masyarakat untuk mengembeling tenaga dan melupakan kepentingan persendirian serta berusaha memastikan kemajuan yang lebih besar kepada masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat dari Tanjong.

5.08 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam usul yang

dikemukakan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada awal bulan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa Malaysia berada di tempat yang kedua maju di Asia selepas negara Jepun dalam erikata kemakmuran dan pendapatan apabila kita mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957, sungguhpun pendapatan perkapita adalah US\$200 setahun ketika itu. Namun demikian Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, Singapura malah Thailand telah menyaingi kita dan telah mara ke hadapan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia harus bertanya diri sendiri bagaimanakah ini berlaku.

Saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa apabila negara sedang sibuk mengkaji Rancangan Malaysia Kelima serta operasi dua dekad Dasar Ekonomi Baru dan menimbang apakah harusnya menjadi dasar-dasar ekonomi negara selepas tahun 1990, maka adalah penting rakyat Malaysia harus mendapati suatu jawapan kepada persoalan yang ditanyakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, atau secara terus terang mengapa Malaysia gagal menggunakan dengan sepenuhnya kelebihan-kelebihan ekonominya yang begitu baik serta sumber-sumbernya yang begitu kaya yang sedia wujud ketika merdeka untuk terus mendahului lain-lain negara Asia selain daripada Jepun dalam pembangunan ekonomi.

Kerajaan Malaysia telah mengumumkan bahawa adalah menjadi cita-citanya untuk menjadikan Malaysia "naga kecil yang kelima" menjelang akhir tahun-tahun 1990an. Kita harus bertanya mengapa Malaysia tidak menjadi "naga kecil yang pertama" yang mendahului keempat-empat "naga kecil" yang lain dan bukan seperti sekarang di mana kita

sedang mencuba untuk menyaingi dengan Thailand untuk menjadi "naga kecil yang kelima".

Sebenarnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab persoalannya sendiri dua minggu kemudiannya apabila beliau berucap di Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik Ke 3 yang dianjurkan oleh Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa mengenai "Confidence Building and Conflict Reduction in the Pacific". Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa dunia telah menuju ke satu era di mana "asas-asas kekuasaan negara terletak kepada akal fikiran bukannya tenaga, kepada kreativiti, dan bakat rakyatnya, bukannya kerana saiz penduduk dan besarnya negara".

Adalah menjadi satu irony bagi Malaysia apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merumuskan formula bagi kegemilangan negara kepada seluruh dunia tetapi tidak boleh memakainya di negaranya sendiri.

Sungguhpun Malaysia mendahului lain-lain negara Asia selain daripada Jepun dalam ertikata per kapita Keluaran Negara Kasar (KNK), ia bermula mengekori Hong Kong dan Singapura dalam dekad pertama selepas Merdeka, dan pengekoran ini bertambah berkali-kali ganda selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1970.

Umpamanya, dalam dekad pertama selepas Merdeka, KNK per kapita Malaysia telah mula mengekori Hong Kong dan Singapura tetapi masih mendahului Korea Selatan dan Taiwan. KNK per kapita Malaysia dalam tahun 1967 adalah sebanyak US\$290 berbanding dengan Taiwan US\$250 dan Korea Selatan US\$160. Akan tetapi pada hari ini, iaitu 22 tahun kemudian, KNK per kapita Taiwan telah mara ke hadapan untuk

mencatatkan KNK per kapita sebanyak US\$6,053 (atau tambahan sebanyak 24 kali ganda). KNK per kapita Korea Selatan pula telah meningkat kepada US\$3,910 (juga tambahan sebanyak 24 kali ganda). KNK per kapita Malaysia hari ini adalah sebanyak US\$1,820 atau ia bertambah sebanyak 6 kali ganda sahaja. Dalam tempoh yang sama, KNK per kapita Singapura telah meningkat dari US\$600 kepada US\$9,455 dan KNK per kapita Hong Kong pula telah bertambah dari US\$620 kepada US\$9,605 dalam tempoh yang sama, iaitu peningkatan sebanyak 16 kali ganda oleh kedua-dua negara ini.

Apa yang menarik perhatian ialah dalam ertikata jumlah kali KNK per kapita telah menambah untuk tempoh 1967-1989, Malaysia telah kalah kepada Thailand di mana Thailand telah meningkatkan KNK per kapitanya sebanyak 8 kali ganda, dari US\$130 kepada US\$995. Mujurnya Malaysia mempunyai petroleum dan gas asli yang mendatangkan pendapatan tambahan dari pengeksportan, bermula pertengahan 1970an dan lebih satu perlima jumlah pendapatan yang diperolehi dari pengeksportan datangnya dari petroleum dan gas asli semenjak tahun 1980. Kalau bukan kerana sumber-sumber ini, Malaysia akan membelakangi Indonesia dan Filipina dalam hal ini di rantau ASEAN.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dengan sumber-sumbernya yang kaya dan kemahiran manusianya yang besar sepatutnya dapat menyaingi pertumbuhan ekonomi Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura sekiranya sumber-sumber manusia serta semulajadi dan kapitalnya digerak serta digunakan dengan penuh dan cekap. Sekiranya dalam tempoh 22

tahun yang lalu, KNK per kapita Korea Selatan dan Taiwan boleh bertambah sebanyak 24 kali ganda dan Singapura dan Hong Kong pula sebanyak 16 kali ganda, maka Malaysia seharusnya menambahkan KNK per kapitanya sebanyak 16-20 kali ganda dan bukan setakat 6 kali ganda seperti tercatat dalam tempoh tersebut.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertanya rakyat Malaysia mengapa Malaysia membelakangi keempat-empat negara berkenaan yang telah kini menjadi empat "naga kecil", beliau sebenarnya bertanya mengapa rakyat Malaysia tidak menikmati pendapatan per kapita dan taraf hidup yang dua atau tiga kali ganda daripada apa yang ada sekarang.

Sekiranya terdapat satu jawapan yang mudah kepada persoalan ini, maka saya berkata bahawa Dasar Ekonomi Barulah yang menjadi sebab terbesar mengapa rakyat Malaysia telah membelakangi keempat-empat negara berkenaan dan inilah juga sebab mengapa rakyat Malaysia tidak mempunyai KNK per kapita atau taraf hidup yang dua atau tiga kali ganda daripada apa yang ada sekarang.

Saya tidak bersetuju dengan hujah atau "doctrine" bahawa harus diadakan pertumbuhan walau apapun harganya disebabkan KNK bukanlah kayu ukuran yang tunggal untuk mengukur kemajuan sesebuah negara. KNK menghadapi kuantiti dan bukan kualiti hidup dan matlamat perpaduan negara dan keadilan sosial harus diberi keutamaan yang lebih tinggi daripada matlamat pertumbuhan maksima ekonomi yang boleh.

Namun demikian, kita harus bertanya sama ada pertumbuhan dan kemajuan ekonomi Malaysia telah dikorbankan tanpa mencapai matlamat perpaduan negara dan keadilan sosial.

Kita juga harus bertanya diri kita sama ada apakah pertumbuhan ekonomi Malaysia tidak boleh digandakan di samping menghadapi matlamat perpaduan negara dan keadilan sosial dengan lebih cekap.

Kita harus berani bertanya apakah kos ekonomi dari segi jangka panjang kepada negara akibat Dasar Ekonomi Baru jika kita ingin mengkaji dengan penuh makna pelaksanaan DEB dalam masa 19 tahun yang lalu. Umpamanya, bolehkah Unit Perancangan Ekonomi menganggarkan apakah jurang KNK atau GNP gap yang diakibatkan oleh DEB, iaitu perbezaan antara pengeluaran potensi akibat penggunaan penuh sumber-sumber manusia serta semulajadi dan modal negara tanpa DEB dan pengeluaran sebenar di bawah DEB.

Akanlah menjadi hujah saya bahawa DEB telah mengorbankan pertumbuhan dan kemajuan ekonomi tanpa mencapai matlamat perpaduan negara dan keadilan sosial. Ini bermakna Malaysia di bawah DEB selama 19 tahun itu telah menempa kegagalan sebanyak dua kali — untuk mengekalkan kedudukan ekonominya di Asia selepas Jepun seperti ketika Merdeka dan seterusnya menjadi "naga kecil" yang pertama, dan untuk mencapai perpaduan negara yang lebih erat untuk membina sebuah negara yang tahan lasak, bersatu-padu dan berharmoni.

Selepas pelaksanaan 19 tahun DEB, ramai yang terlupa bahawa matlamat menyeluruh atau overriding objective DEB ialah untuk mencapai perpaduan negara dan matlamat serampang dua-mata untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat adalah bertujuan membantu mencapai matlamat yang teragung ini. Apa-apa pengkajian mengenai prestasi dan hasil DEB hendaklah berpusat kepada penilaian tentang sama ada DEB telah membantu menjayakan akan

pencapaian perpaduan negara atau berbuat sebaliknya. DEB harus lulus atau gagal dalam penilaian sedemikian kerana DEB adalah rendah dan kedua penting kepada matlamat menyeluruh untuk mencapai perpaduan negara.

Adalah dipersetujui umum bahawa DEB telah gagal mencapai matlamat menyeluruhnya untuk mencapai perpaduan negara selepas pelaksanaannya selama sembilan belas tahun. Dasar-dasar DEB mengenai kuota dan peratusan yang menonjolkan perpecahan rakyat Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera dan bukan pertalian bersama mereka sebagai warganegara Malaysia, merupakan sebab terpenting mengapa polarisasi kaum telah sampai ke tahap yang paling serius sejak merdeka. Bahawa polarisasi kaum telah sampai ke tahap yang paling buruk pada hari ini bukan sahaja menjadi pandangan DAP, tetapi ini juga adalah pandangan semua rakyat Malaysia yang berfikiran waras, patriotik dan berprihatin. Ia juga adalah pandangan pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional seperti MCA, Gerakan, MIC, SUPP, PBS, PPP dan lain-lain sungguhpun pemimpin-pemimpin ini tidak berani mengakui perkara ini di dalam Parlimen ataupun di khalayak ramai tetapi cuma mengakuinya semasa perbincangan-perbincangan peribadi. Ini juga adalah pandangan Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO sungguhpun mereka tidak akan mengakuinya di khalayak ramai.

Disebabkan DEB telah gagal mencapai matlamat keseluruhannya untuk mencapai perpaduan negara, maka DEB telah gagal untuk menggunakan dengan maksimum sumber-sumber manusia serta semula jadi dan modal negara dalam pembangunan ekonomi, dan mengapa, dengan memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang saya ada sebut tadi, kita tidak

membentuk asas-asas ke arah kegemilangan negara Malaysia dengan meletakkan kepada akal fikiran, kreativiti, tenaga dan bakat rakyat Malaysia.

Apa yang berlaku adalah sebaliknya. DEB sedang memusnahkan atau menghalaukan ke lain-lain negara akal fikiran, kreativiti, tenaga dan bakat rakyat Malaysia yang merupakan asas-asas sebenar terhadap kegemilangan negara Malaysia. Ini baik terbukti dengan pengaliran modal tempatan dan cerdik pandai semasa tempoh DEB. Dalam satu pengkajian yang dilakukan oleh Morgan Guaranty Trust Company ke atas 18 buah negara yang sedang maju, pengkajian tersebut mendapati modal yang mengalir keluar dari Malaysia berjumlah US\$12 bilion (kira-kira M\$30 bilion) dalam tempoh 1976-85 atau purata sebanyak US\$1.2-\$1.3 bilion setahun iaitu M\$3 hingga M\$3.3 bilion setahun. Syarikat Morgan Guaranty menanggarkan bahawa tanpa pengaliran keluar wang modal ini, hutang asing negara sebanyak US\$20 billion pada penghujung tahun 1985 boleh sepatutnya dikurangkan kepada US\$4 bilion.

Apa yang lebih membimbangkan ialah pengaliran cerdik pandai dari Malaysia. Adalah dilaporkan lebih 50,000 rakyat Malaysia telah berhijrah ke Australia. Ini adalah angka-angka rasmi dengan tidak mengambil kira angka-angka tidak rasmi. Apabila kita mengambil kira rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke negara-negara lain seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, New Zealand, maka jumlah itu dengan mudahnya adalah beratus-ratus ribu orang. Tragedi bagi Malaysia ialah sikap rasmi Kerajaan terhadap pengaliran keluar cerdik pandai ini iaitu, dengan izin, "good riddance to bad rubbish."

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta rakyat Malaysia pandang ke timur.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun, hendak beri jalan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, Yang Berhormat daripada Tanjong mengatakan bahawa lebih kurang 50,000 rakyat Malaysia telah berhijrah ke Australia. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat boleh memberitahu Dewan ini berapakah jumlahnya daripada 50,000 yang berhijrah ke Australia ini mengikut kaum dan berapa pula cerdik pandai yang benar-benar telah berhijrah ke Australia itu dan negara-negara yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Saya percaya terbanyak daripada rakyat Malaysia yang ada keluar ke lain-lain negara sebagai emigrant adalah daripada kalangan cerdik pandai. Mengenai lain-lain data-data, saya bukan Kerajaan Australia, saya bukan Kerajaan United States, saya tidak ada maklumat, saya percaya kalau Yang Berhormat ada maklumat, bolehlah bentang dalam Dewan ini.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya tidak ada maklumat, itu sebabnya saya bertanya kepada Yang Berhormat dari Tanjong, kerana beliau yang memberi angka itu tadi. Jadi, kalau diberi angka itu, saya hendak tahu daripada mana dia dapat angka itu, kerana beliau bukan seorang pegawai Imigresen Australia seperti mana yang dinyatakan tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, angka ini adalah terbuka dalam suratkhbar dan tentulah Yang Berhormat dari Batu Berendam pun tahu mengenai angka ini. Mungkin dia pura-pura tidak tahu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta rakyat Malaysia pandang ke timur untuk mencontohi orang-orang Korea Selatan dan Jepun. Beliau harus tahu bahawa Korea Selatan mempunyai satu kempen untuk menarik balik ahli-ahli sains dan jurutera-jurutera Korea Selatan yang telah menjadi warga-negara Amerika Syarikat supaya pulang ke Korea Selatan untuk menyumbang ke arah pembangunan semula negara tersebut.

Orang-orang Korea yang berada di Amerika Syarikat yang telah menyerahkan nationaliti Korea Selatan untuk menjadi warganegara Amerika Syarikat telah menjadi sumber yang bernilai bagi Korea Selatan. Dan menurut satu anggaran, orang-orang Korea sedemikian yang pulang ke Korea Selatan telah bantu menjimatkan ketinggalan kebela-kangan sebanyak lima tahun yang dialami oleh Korea dalam bidang teknologi semikonduktor berbanding dengan Amerika Syarikat.

Dalam satu perbahasan di Amerika Syarikat baru-baru ini tentang masa depan Amerika Syarikat dalam Abad ke 21, imigrasi telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada tiga jentera pembaharuan atau, dengan izin, engines of renewal untuk memastikan Amerika Syarikat mengekalkan tempatnya di dalam dunia.

Pendatang-pendatang generasi pertama dan kedua diiktirafkan oleh sejarah sebagai satu tenaga dinamik dalam masyarakat Amerika dengan membaharui bekalan buruh yang murah, bakat enterpreneur, kemahiran keintelektualan dan cita-cita kuat mereka untuk berjaya. Umpamanya, di dalam 114 warganegara Amerika yang memenangi hadiah Nobel dalam bidang sains dan perubatan antara tahun 1945 hingga tahun 1984, 36 daripada mereka ini dilahir di lain-lain negara.

Tetapi di Malaysia, kita mempunyai satu pendekatan yang sebaliknya di mana kerugian sumber-sumber yang bernilai yang begitu berkurangan seperti bakat entrepreneur, kemahiran keintelektualan dan cita-cita yang kuat untuk berjaya dianggap sebagai, dengan izin, good riddance to bad rubbish.

Sekiranya sikap Kerajaan ini terus kekal, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak serius apabila beliau menyatakan bahawa dunia telah manuju ke satu era di mana asas-asas kekuasaan negara adalah akal fikiran, kreativiti, keupayaan dan bakat rakyatnya, kerana kalau itu serius beliau harus bertindak sebaliknya iaitu memberi keutamaan kepada kempen serampang dua-mata untuk pertama, mencegah pengaliran cerdikpandai ke luar negeri dan kedua, menarik balik rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke lain negara agar mereka dapat menyumbang ke arah pembangunan negara Malaysia dalam tahun-tahun 1990an dan Abad ke 21 dengan akal fikiran, kreativiti, keupayaan dan bakat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru dan rasa kehilangan sesuatu serta rasa dinafikan sesuatu atau dengan izin sense of lost and sense deprivation yang dicipta oleh dasar tersebut yang dirasai oleh kalangan besar rakyat Malaysia merupakan satu sebab penting mengapa terdapat pengaliran keluar modal dan cerdikpandai ke lain-lain negara. Ia menggambarkan kegagalan Kerajaan dalam matlamat keseluruhan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai perpaduan negara dalam kedua dekad yang lepas ini.

Perpaduan negara mempunyai pelbagai segi-politik dan ekonomi, sosial dan kebudayaan, awam dan peribadi, emosi dan psikologi. Semua ini Dasar Ekonomi Baru memainkan peranan yang besar di dalam kesemua segi perpaduan negara ini.

Ketegangan kaum yang wujud dalam bulan Oktober 1987 dan penahanan besar-besaran yang dilakukan secara wenang-wenangnyanya dan sekehendak hati di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di mana orang-orang yang tidak berdosa yang menyemarak dan menghasut ketegangan kaum seperti Ketua Pemuda UMNO, bekas Setiausaha Agung UMNO dan Menteri Besar Selangor masa itu dilepaskan telah memberi tamparan hebat terhadap usaha-usaha membina negara.

Logik karut yang digunakan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa perbahasan ke atas Rang Undang-undang ISA (Pindaan) dua hari dahulu untuk memutarbelitkan sejarah dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam bulan Oktober 1987 di mana Parti DAP dan mangsa-mangsa Operasi Lalang dipersalahkan sedangkan seluruh negara dan dunia tahu bahawa ketegangan kaum yang wujud dalam bulan Oktober 1987 adalah disebabkan oleh perebutan kuasa yang berlaku dalam Parti UMNO ketika itu yang tumpah menjadi satu perebutan awam di antara Pemuda UMNO dan masa sekarang Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak membuat apa-apa untuk mengembalikan keyakinan rakyat dalam sense of fair play and justice Kerajaan dalam pembinaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan negara di Malaysia tidak boleh dicapai sekiranya pembinaan negara berlandaskan konsep dominan kaum, baikpun dominan orang-orang Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban atau lain-lain kaum, sama ada dari segi ekonomi atau politik. Mana-mana konsep dominan kaum hendaklah secara perlahan tetapi pasti beralah kepada asas dan pendekatan yang bukan perkauman sekiranya kita ingin mencapai kejayaan dalam mewujudkan perpaduan negara.

Ini sebabnya mengapa sejak beberapa bulan dan tahun kebelakangan ini, kita terdengar suara-suara lantang yang memajukan konsep kedominan kaum seperti diperlihatkan dalam tuntutan bahawa pembahagian ekonomi selepas tahun 1990 hendaklah mencerminkan komposisi kaum negara ini dan ini adalah amat membimbangkan.

Akibat ini, rationale di sebalik hak-hak istimewa orang-orang Melayu sebagai satu program tindakan yang afirmatif untuk membaiki kedudukan sosial-ekonomi orang-orang Melayu dan penduduk-penduduk asal Sabah dan Sarawak yang tidak berpeluang sedang diubah untuk menjadi hak-hak semulajadi etnik kaum berkenaan. Dengan kata-kata lain, hak-hak istimewa orang-orang Melayu kini diketengah dan dipertahankan bukan sebagai satu program afirmatif peralihan yang perlu untuk membantu atau memberi handicap kepada orang-orang Melayu yang mundur dari segi sosial dan ekonomi tetapi sebagai hak-hak kekal etnik kaum Melayu.

Apabila hak-hak istimewa orang-orang Melayu diubah daripada satu program tindakan afirmatif untuk membetulkan ketidaksaksamaan sosial-ekonomi kepada hak etnik orang-orang Melayu, maka tidak seorang pun boleh menyoalkannya sekiranya hak-hak tersebut dikhianati apabila ianya dimonopolikan oleh orang-orang yang kaya dan berkuasa sedangkan orang-orang Melayu, Iban dan Kadazan yang miskin dan mundur dinafikan hak-hak tersebut.

Ini adalah satu teori yang amat merbahaya kerana ianya mensubvertkan asas Perlembagaan yang wujud ketika Merdeka, khususnya premis atas mana Perkara 153 mengenai hak-hak istimewa orang-orang Melayu dirumus dan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia.

Kita harus kembali ke Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Reid untuk memastikan asas dan rationale di sebalik Perkara 153. Inilah apa yang diperkatakan oleh Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Reid dalam seksyen mengenai kedudukan istimewa orang-orang Melayu. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya baca perenggan itu.

“The Special Position of the Malays—163. Our terms of reference require that provision should be made in the Constitution for the safeguarding of the special position of the Malays and the legitimate interests of the other communities. In addition, we are asked to provide for a nationality for the whole of the Federation and to ensure that the Constitution shall guarantee a democratic form of Government. In considering these requirements it seemed to us that a common nationality was the basis upon which a unified Malaysian nation was to be created and that under a democratic form of Government it was inherent that all the citizens of Malaya, irrespective of race, creed or culture, should enjoy certain fundamental right including equality before the law. We found it difficult, therefore, to reconcile the terms of reference if the protection of the special position of the Malays signified the granting of special privileges, permanently, to one community only and not to the others. The difficulty of giving one community a permanent advantage over the others was realised by the Alliance Party, representatives of which led by the Chief Minister, submitted that—“in an independent Malaya all nationals should be accorded equal rights, privileges and opportunities and there must not be discrimination on grounds of race and creed. . . .” The same view was expressed by Their Highnesses in their memorandum in which they said that they “look forward to a time not too remote when it will become possible to eliminate Communalism as a force in

the political and economic life of the country.”

“165. We found little opposition in any quarter to the continuance of the present system for a time, but there was great opposition in some quarters to any increase of the present preferences and to their being continued for any prolonged period. We are of the opinion that in present circumstance it is necessary to continue these preferences. The Malays would be at a serious and unfair disadvantage compared with other communities if they were suddenly withdrawn. But, with the integration of the various communities into a common nationality which we trust will gradually come about, the need for these preferences will gradually disappear. Our recommendation are made on the footing that the Malays should be assured that the present position will continue for a substantial period, but that in due course the present preferences should be reduced and should ultimately cease so that there should then be no discrimination between races or communities.”

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Reid telah memperakukan bahawa seluruh perkara ini harus dikaji semula selepas 15 tahun dan Perlimen hendaklah memutuskan untuk sama ada mengekalkan atau menghentikannya sama sekali.

Dalam bulan Ogos 1986, Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas yang menganggap dirinya sebagai ideologist UMNO telah memberi ucapannya yang infamous di mana beliau memberi amaran bahawa orang-orang Cina di Malaysia akan bermain dengan api sekiranya mereka tidak menerima sistem politik yang sedia wujud di Malaysia apabila mereka menuntut persamaan politik dan demokrasi yang lebih dan beliau juga berkata bahawa Dasar Ekonomi Baru bertujuan

memelihara, melindungi dan mengembangkan dominan politik Melayu di Malaysia.

Biarlah saya menyatakan di sini tempoh hari ini bahawa sekiranya matlamat utama itu tetap tersirat Dasar Ekonomi Baru adalah untuk memelihara, melindungi dan mengembangkan dominan politik Melayu, maka tidak hairanlah DEB telah menjadi alat terbesar untuk menyebabkan perpecahan di Malaysia dalam dua dekad yang lalu ini.

Di bawah teori mengembang dominan politik Melayu ini, rakyat Malaysia tentulah akan dibahagikan kepada dua kategori warganegara iaitu kaum-kaum yang secara tak henti-henti mengembangkan dominan, kuasa dan hak politik mereka dan kaum-kaum yang lain yang secara berterusan tertakluk kepada penghakisan dan subordination hak-hak politik dan taraf warganegara yang sama.

Ini adalah jalan ke arah bencana dan permusnahan negara. Formula tunggal yang waras bagi pembinaan negara Malaysia ialah satu formula yang memajukan identiti dan kesedaran kebangsaan yang over arching yang mengatasi perpecahan kaum dan perpecahan-perpecahan lain supaya menegaskan persamaan mereka sebagai rakyat Malaysia dan bukan perbezaan mereka.

Dalam ucapannya ketika melancarkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara pada 19hb Januari 1989 yang beliau tidak dapat menyampaikan sendiri disebabkan beliau diserang penyakit lemah jantung, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata:

“Di negara Malaysia yang merdeka, orang-orang Melayu tidak mahu didominasi oleh kaum lain, demikian juga orang Cina, India, Kadazan, Iban, Murut, Bajau, Kenyah dan suku kaum lain. Mereka

mahu kebebasan, baik dalam bidang politik atau ekonomi atau sosial. Dengan perkataan lain, setiap kaum mesti mempunyai peluang dan kemungkinan untuk memperolehi kejayaan yang sama dalam semua bidang dan lapangan”.

Sekali pandang, apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bermakna beliau menolak doktrin Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas mengenai dominan politik Melayu serta teori matlamat yang tersirat DEB untuk memelihara, melindungi dan mengembang dominan politik Melayu. Apakah ini benar? Apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersedia untuk membuat satu pendirian yang terusterang atas perkara ini?

Memang dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas bahawa matlamat tersirat DEB ialah untuk memelihara, melindungi dan mengembang dominan politik Melayu boleh menjelaskan mengapa dalam dua dekad kebelakangan ini, DEB telah menyebabkan perpecahan yang begitu besar di kalangan rakyat Malaysia khususnya dalam pembahagian rakyat Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera.

Rakyat Malaysia sudah pun mempunyai perpecahan yang cukup disebabkan perbezaan etnik, agama, bahasa, budaya dan kelas dan tidak perlulah kita mencipta perbezaan-perbezaan baru. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mencari cara-cara untuk memecah perbezaan-perbezaan ini yang menghalang rakyat Malaysia daripada menganggap diri mereka sebagai warganegara Malaysia dan bukan sebaliknya mencipta kategori-kategori baru untuk memecah dan mengasingkan mereka.

Atas sebab inilah saya menyeru Kerajaan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri mengambil langkah berani untuk menghentikan perpecahan rakyat Malaysia kepada bumiputera kerana semua rakyat Malaysia yang dilahir dan dibesarkan di negara ini adalah anak tulen bumi ini iaitu bumiputera Malaysia (*Tepuk*).

Satu bidang sensitif yang boleh menjejaskan dengan seriusnya usaha-usaha pembinaan negara di Malaysia ialah asas sekular Perlembagaan dan Kerajaan Malaysia. Pentadbiran Kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ditandakan oleh proses Islamisasi yang lebih serta penyelewengan ciri sekular Perlembagaan dan Kerajaan Malaysia.

Baru-baru ini selepas saya dibebaskan daripada penahanan di Pusat Tahanan Kamunting, saya telah menerima sepucuk surat dari Majlis perundangan Malaysia Ugama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (MCCBCHS) yang ditandatangani bersama oleh Presidennya, Encik Joginder Singh dan Rev. E.B. Muthusami, Rev. Dr Kim Beng, Yang Berhormat Dato' Govinda Raj serta Rev. Dr Paul Tan Chee Ing yang mewakili semua golongan agama yang diwakili dalam majlis tersebut, dan surat tersebut melahirkan rasa kebimbangan mereka bahawa Negeri-negeri sedang mencuba mengenakan hukuman mengikut undang-undang jenayah ke atas pihak bukan Islam yang terlibat dalam kes khalwat.

Pihak MCCBCHS menyesal bahawa tiada perundangan terlebih awal apapun diadakan dengan pertubuhan-pertubuhan yang mewakili agama-agama bukan Islam di Malaysia disebabkan undang-undang seumpama itu akan mempunyai kesan dan implikasi secara langsung ke atas orang-orang bukan Islam yang sehingga kini tidak tertakluk kepada undang-undang Islam yang berasaskan kepada kepercayaan yang khusus kepada Islam.

MCCBCHS menyatakan dengan terus-terang bahawa ia tidak memaafkan ketidakmoralan tetapi menyoal kesahan dari segi undang-undang dan perlembagaan undang-undang sedemikian dan badan ini menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing bertindak dengan lebih berhati-hati akan sensitiviti penganut-penganut lain-lain ugama terutama sekali memandangkan ciri Malaysia yang mempunyai pelbagai agama dan kaum dan majlis tersebut menegaskan adalah perlu untuk menghilangkan semua ketakutan dan syak-wasangka bahawa undang-undang yang dicadangkan itu merupakan permulaan proses secara sistematik untuk melaksanakan undang-undang Islam kepada semua orang dan bukan hanya tertumpu kepada penganut-penganut agama Islam sahaja.

Saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di sini, demi kepentingan menggalakkan perpaduan negara, untuk menegaskan semula melalui kata-kata, tindakan dan komitmennya terhadap ciri-ciri dan asas-asas sekular Perlembagaan dan Kerajaan Malaysia. Penubuhan sebuah negara Islam atau permulaan ke arah itu dengan menggunakan Islam sebagai samaran adalah asing atau alien dan bermusuhan dengan ciri-ciri dan asas-asas Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar ekonomi Baru telah mencipta pelbagai perpecahan dalam masyarakat Malaysia. Ia telah mencipta perpecahan di kalangan orang-orang Melayu sendiri disebabkan pengagihan kekayaan dan pendapatan yang tidak sama. Dasar Ekonomi Baru telah mencipta segelintir kecil orang-orang Melayu yang mempunyai kekayaan, kuasa dan status di satu pihak dan majoriti orang-orang Melayu yang dinafikan dan mundur baik dalam bandar atau luar bandar di pihak yang lain.

Ahli ekonomi Ozay Mehmet dalam pengkajiannya bertajuk "Development in Malaysia—Poverty, Wealth and Trusteeship", mengutarakan hujah-hujah bahawa apabila golongan elit yang memerintah mengambil alih peranan sebagai pemegang amanah, mereka menjadi "cartel" dan dengan demikian secara berkesan mengawal perancangan ekonomi dan pembuatan keputusan untuk mengayakan diri mereka sendiri, sementara memberi "lip-service" terhadap pembasmian kemiskinan. Disebabkan ini, ketidaksamaan pendapatan antara kaum yang mengikut sejarah menjadi punca utama konflik kini sedang digantikan dengan ketidaksaksamaan pendapatan sesama kaum sendiri, khususnya di kalangan orang-orang Melayu.

DEB telah memecahkan orang-orang Melayu daripada bumiputera-bumiputera lain di Sabah dan Sarawak seperti kaum Kadazan, Murut, Iban dan Bidayuh yang merasa bahawa DEB tidak menghiraukan kepentingan mereka. Dan akhirnya, DEB juga telah mengasingkan orang-orang bukan Melayu daripada orang-orang Melayu, kerana DEB dianggap sebagai suatu Dasar Bumiputera dan bukannya suatu Dasar Malaysia untuk memalaysiakan institusi-institusi, struktur-struktur dan proses-proses di negara ini secara adil dan saksama.

Semasa perbahasan Parlimen yang lepas ke atas Rancangan Lima Tahun dan Kajian Separuh Penggal di bawah DEB, saya telah menyeru pihak Kerajaan menunjukkan keikhlasan penuhnya ke atas objektif serampang dua mata DEB dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Umpamanya, semasa perbahasan ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua, pada bulan November 1973, saya telah mencadangkan bahawa satu daripada

matlamat Rancangan Perspektif 20 tahun 1971-1990 haruslah bertujuan untuk mencapai satu pembahagian pendapatan di mana 40% dari isirumah rakyat Malaysia yang paling terendah akan menikmati sekurang-kurangnya 30% dari pendapatan menyeluruh. Ini adalah kerana data-data pada masa itu telah mendedahkan bahawa di dalam tahun 1970 di Semenanjung Malaysia, satu persepuluh teratas semua isirumah telah membolot hampir 40% pendapatan penuh yang diperolehi di dalam ekonomi, sementara pembahagian 40% isi-isi rumah berjumlah hanya lebih kurang 12%.

Dalam masa perbahasan yang sama saya pun ada menegaskan betapa pentingnya bahawa matlamat penyusunan semula diterima oleh semua rakyat Malaysia dengan memastikan bahawa ia tidak dilihat sebagai satu program yang pertama yang memunafatkan suatu kaum sahaja atau dua memunafatkan segelintir orang yang berpengaruh sahaja. Kedua-dua teguran ini malangnya tidak diendahkan langsung. Inilah sebab mengapa matlamat serampang penyusunan semula DEB umpamanya telah menghasilkan terlalu banyak penentangan dan rasa pengasingan di kalangan masyarakat Malaysia yang akan memburukkan polarisasi kaum.

Umpamanya, bilangan pekerjaan di sektor awam telah berganda dari 403,900 ke 844,300 dalam tahun 1989 daripada tahun 1970. Sejauh manakah kejayaan pihak Kerajaan dalam penyusunan semula bilangan pekerjaan sektor awam yang mana ianya merupakan lebih kurang 13.9% jumlah pekerjaan pada keseluruhannya supaya pengenalan kaum dengan sesuatu fungsi di dalam sektor awam akan dikurangkan dengan lebih progresif: Adakah pihak kerajaan sedar akan aduan-aduan pihak awam bahawa selepas pelaksanaan DEB, jabatan-jabatan Kerajaan nampaknya

mempunyai berkurangan ciri-ciri dan identiti-identiti berbilang kaum berbanding dengan sebelum DEB? Apakah usaha-usaha yang dibuat dan dengan kejayaan sejauh mana untuk meningkatkan ciri-ciri berbilang bangsa dan perkhidmatan-perkhidmatan dan sektor-sektor tradisi yang telah dikenalpasti dengan sesuatu kaum seperti angkatan tentera dan polis di bahagian perkhidmatan awam dan skim-skim FELDA sebagai contoh dan sektor-sektor pertanian?

Apakah kedudukan berhubungan dengan penganugerahan biasiswa-biasiswa dan dermasiswa-dermasiswa bagi universiti-universiti dan pengajian tinggi? Adalah menjadi satu tuduhan yang tidak benar atau "fallacy" untuk mengatakan bahawa kaum bukan Melayu adalah lebih berada dan mampu membiayai pengajian tinggi anak-anak mereka. Ini pada hakikatnya satu kebimbangan yang terbesar yang menjadikan ibu-bapa ibu-bapa kaum bukan Melayu tidak dapat tidur nyenyak, dan inilah antara sebab mereka ada yang berhijrah ke negara lain.

Tetapi hakikat yang sedih adalah bahawa penganugerahan biasiswa-biasiswa berasaskan kuota-kuota kaum tidak sama sekali menguntungkan penuntut-penuntut Melayu yang miskin. Menurut satu kajian yang dibuat pada tahun 1983, hanya 14.2% biasiswa-biasiswa universiti yang dianugerahkan kepada penuntut-penuntut Melayu benar-benar diberi kepada isi-isi rumah Melayu yang miskin.

Ozay Mehmet, yang menyifatkan DEB sebagai "making millionaires by patronage" menyifatkannya sebagai "a strategy of development by trusteeship" dan ianya adalah "Zero-Sum Game in the sense that mass poverty at the bottom is a necessary condition for income and wealth concentration at the top". Dan seperti

terdapat dalam tradisi kes klasik pengamanah Malaysia dalam skandal BMF mereka akan menjadi "pagar makan padi."

Dasar kuota dan peratusan kaum DEB hanya membawa faedah kepada golongan elit orang-orang Melayu yang memainkan peranan sebagai trustees yang akan menguasai kekayaan kaum itu. Misalnya adalah dianggarkan bahawa pada penghujung bulan Disember 1985, 40% saham dalam skim ASN dikuasai oleh 10% pelabur-pelabur teratas manakala 60% baki saham itu dikuasai oleh 90% pelabur-pelabur yang baki.

DEB telah membiak penyakit-penyakit nasional yang teruk seperti politik wang, rasuah dan agensi-agensi Kerajaan yang negatif dan tidak cekap, yang melumpuhkan pembangunan ekonomi. Pengwujudan kekayaan di bawah DEB tidaklah semata-mata melalui kemahiran entrepreneurial tetapi lebih menumpukan kepada naungan politik (political patronage).

Konsep "Persyarikatan Malaysia" telah menjadi pelindung bagi politik wang di mana peniaga-peniaga dan firma-firma yang berprivilej yang menikmati naungan politik mendapat kontrak-kontrak terpilih di bawah program penswastan, sepertimana dalam pemberian kontrak penswastan Lebuhraya Utara-Selatan kepada UEM yang dimiliki oleh UMNO.

Mungkin inilah sebabnya mengapa Yang Berhormat bekas Menteri Kerjaraya, mungkir janji beliau semasa beliau bertemu dengan satu rombongan Ahli-ahli Parlimen DAP yang membantah terma-terma asal kontrak penswastan Lebuhraya Utara-Selatan yang akan diberi kepada UEM.

Dalam pertemuan kami dengan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya masa itu pada 16-7-87 beliau telah menyatakan bahawa beberapa terma

kontrak bagi UEM untuk Lebuhraya Utara-Selatan sedang diubah, yang saya telah mengira masa itu yang akan mengurangkan beban sebanyak \$22 billion yang sekiranya ia dilaksanakan dan inilah satu penjimatan oleh rakyat Malaysia selama sepanjang 30 tahun yang akan datang.

Perubahan Yang Berhormat Menteri masa itu yang berkata yang beliau akan buat dalam kontrak penswastan UEM, termasuklah:

- (1) Tempoh konsesi: Pengutipan tol 25 tahun yang diberi kepada UEM tidak akan dilanjutkan kepada 30 tahun sepertimana dipinta oleh UEM. UEM telah membayangkan ia dapat mengutip tol sebanyak \$20 billion dalam 5 tahun lanjutan yang dipinta itu.
- (2) Pinjaman Kerajaan: Beliau telah menyatakan pinjaman Kerajaan akan dikurangkan kepada kadar maksima \$750 juta dari \$1.65 billion pinjaman asal. Terma-terma asal adalah bahawa Kerajaan memberi UEM satu pinjaman pra-penyiapan sebanyak \$750 juta dan satu pinjaman selepas penyiapan sebanyak \$900 juta yang akan diberi mengikut \$150 juta setiap tahun. Beliau juga berkata UEM akan diminta untuk menimbang mendapatkan pinjaman tahunan sebanyak \$100 hingga \$125 juta tetapi tidak melebihi \$150 juta untuk selama 5 tahun. Pinjaman ini akan dibuat mengikut kadar faedah pasaran dan bayaran balik pinjaman akan bermula selepas 7½ tahun. Ini bererti satu penjimatan sebanyak \$900 juta bagi pembayar-pembayar cukai.

Ketiga, tiada jaminan Kerajaan bagi risiko luaran. Yang Berhormat Menteri berkata Kerajaan tidak akan

memberi sebarang jaminan terhadap risiko-risiko luaran. UEM harus menanggung risiko-risiko luaran ini seperti pergerakan buruh dalam pertukaran matawang asing. Beliau berkata bahawa UEM telah diminta menghadkan pinjaman luaran supaya risiko naik-turun matawang tidak berbangkit untuk mengurangkan risiko-risiko luaran.

Beliau juga berkata bahawa UEM harus meminjam tidak lebih daripada \$1 billion bagi tempoh tersebut, iaitu pinjaman luaran tidak melebihi \$500 juta, sementara baki \$500 juta hendak diperolehi dari sumber-sumber tempatan. Saya telahpun menyatakan dalam Parlimen pada bulan Julai 1987 bahawa sekiranya Kerajaan harus memberi jaminan risiko luaran menerusi kemudahan pinjaman pusingan, ia akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak \$1.15 billion. Penjimatan daripada ketiga-ketiga item iaitu tempoh konsesi, pinjaman Kerajaan dan ketiadaan jaminan luaran Kerajaan akan berjumlah sebanyak \$22 billion bagi pembayar-pembayar cukai sekiranya ia dilaksanakan.

Keempat, kadar Tol: Yang Berhormat Menteri masa itu telah menyatakan bahawa UEM tidak akan dibenarkan mengenakan tol melebihi 5 sen pada setiap kilometer bagi kereta-kereta untuk 5 tahun pertama di mana ini bermakna dari tahun 1989-1995 dan bahawa kenaikan kadar tol akan tertakluk kepada kajian pihak Kerajaan dengan kenaikan ini dikaitkan kepada kadar inflasi.

Kelima, jaminan volume lalu-lintas. Beliau telah menyatakan bahawa pihak Kerajaan akan memberi satu jaminan volume lalu-lintas kepada UEM dan bahawa jika berlaku kekurangan dalam volume lalu-lintas, pihak Kerajaan akan memberi UEM satu pinjaman di mana pinjaman ini akan dibayar balik dengan faedah.

Beliau telah menyatakan bahawa pihak Kerajaan telah menganggarkan bahawa jika berlaku kekurangan trafik volume, kekurangan paling tinggi adalah hanya dari \$500 juta ke \$1.2 billion.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang saya dapati dan daripada apa yang Timbalan Menteri Kementerian berkenaan menjawab dalam masa soal jawab hari ini, janji-janji Menteri berkenaan untuk mengadakan perubahan-perubahan kepada kontrak penswastaan asal UEM tidak dikotakan.

Apabila saya ditahan di Kamunting di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di mana penahanan saya pasti mempunyai perhubungan dengan penentangan awam yang saya buat dengan pemberian kontrak UEM, Yang Berhormat Menteri berkenaan di mana itu telah terus memberi kontrak penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan kepada UEM dengan terma-terma yang melampaui jaminan-jaminan yang beliau beri kepada Ahli-ahli Parlimen DAP.

UEM memanglah satu syarikat "strategik" kepada UMNO walaupun pada ketika itu syarikat berkenaan adalah "insolvent" dan tidak pernah membina walau seinci batang jalan atau sekaki jambatan. Sehingga sekarang, Kerajaan belum lagi mengumumkan dengan penuh butir-butir terperinci akan terma-terma kontrak penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan kepada UEM. Apakah Kerajaan ingin menyembunyikan dan mengapakah rakyat Malaysia khususnya pengguna-pengguna jalanraya dinafikan hak mereka untuk mengetahui kos penuh dari segi jangka panjang akibat penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan. Kita tahu bahawa Kabinet ada menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelewangan dan Rasuah yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Dalam masa khasnya pilihanraya kecil Ampang Jaya beliau ada mengatakan beliau akan berani menyasat, akan siasat, akan bongkar semua penyelewengan, semua perkara-perkara yang ada berbau korupsi. Saya tidak tahulah sama ada Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada siasat kes UEM yang berkait dengan UMNO—parti beliau sendiri. Ini mustahak oleh kerana ini adalah satu penyakit akibat daripada pelaksanaan DEB dua puluh tahun ini di mana rasuah, salahguna kuasa bermaharajalela. Kita harap bahawa ada badan-badan, ada jentera-jentera untuk mengawal, untuk membanteras amalan-amalan ini. Tetapi nampaknya Jawatankuasa Kabinet Rasuah dan Penyelewengan baru boleh buat ucapan, kenyataan, tidak ada apa-apa kuasa boleh ugut-ugut pemimpin-pemimpin UMNO 46 bahawa mereka akan bongkar apa yang berlaku di masa lampau tetapi sebenarnya tidak ada kuasa.

Tuan Anwar bin Ibrahim:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pendidikan minta penjelasan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan penjelasan bahawa Jawatankuasa yang ditubuhkan itu untuk mengkaji pengurusan Kerajaan, akan meneliti apa sahaja bantahan atau aduan dan aduan-aduan ini pada prinsipnya diputuskan akan diserahkan mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Saya selama menjadi Pengerusi Jawatankuasa ini belum menerima apa-apa aduan mengenai UEM dan oleh yang demikian, perkara itu tidaklah berbangkit. Sekiranya ada bukti-bukti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, saya percaya saya akan pastikan

bahawa laporan, penyelidikan dan kajian akan dibuat oleh badan-badan yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah sangat anih di mana kalau ada kes UEM yang melibatkan Kabinet sendiri oleh kerana akhirnya Kabinet ialah jentera yang mahu bertanggungjawab kepada kontrak penswastaan, baikpun yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya ataupun Menteri Kewangan tetapi akhirnya Kabinet mahu bertanggungjawab di mana satu Cabinet Committee dibentuk untuk menyasat perkara-perkara di mana Menteri-menteri sebenarnya patut jadi subject penyasatan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Saya fikir tidak adil untuk membuat andaian bahawa Jawatankuasa ini tidak berani untuk membuat apa-apa kajian menyentuh kepentingan mana-mana satu Ahli-ahli Jemaah Menteri. Keputusan pengurniaan apa-apa tender adalah mengikut peraturan-peraturan tertentu dan Jemaah Menteri pada keseluruhannya tidaklah boleh dipertanggungjawabkan dalam tiap-tiap keputusan mengenai apa-apa tender. Memang benar ada prinsip collective responsibility, tetapi collective responsibility ini tidak boleh digunakan untuk mempertahankan apa-apa bentuk penyelewengan dan rasuah. Sebab itulah Kerajaan membentuk Jawatankuasa ini untuk memastikan bahawa tidak ada penyelewengan dan adalah tidak adil untuk membuat andaian bahawa integriti Jawatankuasa itu harus dipertikaikan sebelum diberikan kesempatan untuk Jawatankuasa ini meneruskan kerjanya dan menyerahkan perkara-perkara tersebut kepada badan-badan seperti Badan Pencegah Rasuah dan sebagainya untuk menjalankan kerja.

Saya tahu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kurang yakin dan dari masa ke semasa menyinggung tentang

kerja dan bidang tugas Jawatankuasa ini tetapi saya fikir biarlah kita agak adil dan memberi kesempatan supaya aduan yang dikemukakan itu diselidik oleh badan-badan yang berkenaan. Jawatankuasa ini bukan badan penyelidik. Jawatankuasa ini adalah Jawatankuasa untuk memastikan bahawa pengurusan Kerajaan itu cekap ataupun tidak didapati menyeleweng, tidak mempertahankan rasuah dan, dengan izin, memastikan adanya prudent financial management dan semua keputusan yang dibuat itu dapat dipertanggungjawabkan. Bukan tanggungjawab kita untuk membuat apa-apa penyelidikan atas nama Jawatankuasa, kerana ini bukan bidang tugas kita.

Tuan Lim Kit Siang: Saya berterima kasih atas penjelasan, oleh kerana ini penjelasan itu menunjukkan bahawa sebenarnya kenyataan-kenyataan atau propaganda-propaganda yang ada di utara dan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan di masa lampau bahawa beliau akan dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet itu akan membanteras korupsi, itu tidak benar.

Kedua, saya kurang keyakinan terhadap Jawatankuasa Kabinet ini oleh kerana tentulah sangat anih di mana-mana seseorang boleh jadi si tuduh dan si penyiasat dan si hakim. Itulah tiga peranan yang dimainkan oleh seorang, baikpun Pengerusi atau ahli-ahli dalam Jawatankuasa oleh kerana semua orang Menteri. Kalau sebenarnya Kabinet serius mahu membanteras masalah rasuah atau semua penyelewengan patutlah ada satu badan yang tersendiri, yang bebas, yang autonomous, kenapa Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak membuat cadangan seperti itu di Kabinet. Itu lebih munasabah, ini lebih tepat, lebih serius.

Itu lebih munasabah. Ini lebih tepat, lebih serius!

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong patut tanya dahulu apakah cadangan ini dikemukakan atau tidak? Di antara bidang tugas Jawatankuasa ini ialah untuk memastikan sama ada jentera yang ada ini berkesan atau tidak? Kedua, Jawatankuasa ini juga telah diminta untuk mengkaji kemungkinan menubuhkan sistem Ombudsman yang bebas kalau Jemaah Menteri dan Kerajaan yakin bahawa jentera yang ada ini belum berkesan. Jadi, soal mengaitkan kedudukan Jawatankuasa ini sebagai Jawatankuasa yang menyiasat, yang mudah, yang menghakim dan sebagainya, saya fikir timbul kerana Ahli Yang Berhormat tidak mengikut—boleh jadi masa itu masa “berehat”—atau belum mengikut sebenarnya apa yang berlaku.

Saya ingin jelaskan sekali lagi bahawa Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk meneliti seluruh perjalanan atau pengurusan Kerajaan dan jentera-jentera yang ada sama ada berkesan atau tidak dan balik mencadangkan kepada Jemaah Menteri sama ada yang dilakukan sekarang ini berkesan atau tidak. Apa yang saya sebutkan di Ampang Jaya semasa pilihanraya kecil dahulu ialah kerana beberapa tuduhan yang dibuat oleh bekas Menteri yang membangkitkan soal keberkesanan Jawatankuasa atau mempertikaikan dua, tiga tokoh dalam Kerajaan, pada hal mereka sendiri tidak pernah menyuarakan hal tersebut semasa mereka berkuasa dan mereka tidak berani mengajak BPR atau mana-mana badan bebas dan sebagainya menyiasat kedudukan mereka. Saya ada katakan kalau ada tuduhan yang dibangkitkan dan ada bukti, saya mahu menjamin bahawa kita tidak akan mendiamkan diri dan menutup kedudukan itu kerana bukan tugas Jawatankuasa ini untuk menutup atau membuka. Sebagaimana yang boleh Jawatankuasa memastikan bahawa kes-kes yang dilaporkan itu diteliti.

Saya harap dengan penjelasan ini, Yang Berhormat dari Tanjong faham, kalau pun tidak puas hati — itu bukan masalah saya.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Kalau saya "berehat" masa itu, saya terpaksa berehat semacam Yang Berhormat Menteri terpaksa berehat untuk dua tahun atau lebih daripada dua tahun juga di bawah Akta ISA pada tahun 1976. Tetapi dia sudah balik, dia sekarang ada dalam Kerajaan, menyokong ISA dan menyokong penahanan orang lain. Saya akan teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima menyatakan akibat program penswastaan, Kerajaan dapat menjimatkan \$4,930 juta dari segi perbelanjaan modal dan ia juga telah menerima \$704 juta sebagai hasil daripada penjualan. Program tersebut juga telah menyebabkan pengurangan kira-kira 30,900 orang kakitangan Kerajaan.

Saya menduga penjimatan perbelanjaan modal sebanyak \$4.9 billion kononnya oleh Kerajaan termasuk penjimatan sebanyak \$3.5 billion akibat penswastaan kontrak Lebuhraya Utara-Selatan kepada UEM. Tetapi ini hanyalah kos projek-projek dan bukan penjimatan kepada Kerajaan atau pembayar cukai. Dalam kes Lebuhraya Utara-Selatan, Kerajaan mungkin terpaksa memberi pinjaman-pinjaman atau jaminan-jaminan sebanyak \$4 billion kepada UEM tanpa mengambil kira bayaran tambahan tol sebanyak \$20 billion yang rakyat Malaysia harus membayar sekiranya tempoh konsesi itu dilanjutkan dari 25 hingga 30 tahun.

Penjimatan-penjimatan seumpama ini oleh Kerajaan dari segi perbelanjaan modal disebabkan penswastaan adalah penjimatan-penjimatan yang tidak benar atau palsu kerana Kerajaan masih

berkomited dari segi kewangan untuk memberi sokongan kewangan kepada penender-penender yang berjaya mendapat kontrak penswastaan tersebut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering mengecam mentaliti subsidi tetapi nampaknya subsidi kepada orang-orang kecil tidak ditegur tetapi sebaliknya subsidi besar-besaran ataupun, dengan izin, hand-outs boleh diberi kepada ahli-ahli perniagaan atau syarikat-syarikat yang berprivilej yang menikmati naungan politik.

Dasar Ekonomi Baru dengan penegasannya ke atas kuota-kuota dan peraturan-peraturan etnik telah memburukkan polarisasi kaum dan bukan sebaliknya menyumbang ke arah perpaduan negara. Ia juga membantut pertumbuhan ekonomi serta memburukkan ketidakadilan sosial dan ekonomi.

Satu pendekatan baru adalah diperlukan dalam tahun 90an yang memastikan Dasar Ekonomi Negara akan memajukan objektif yang paling penting iaitu perpaduan negara. Dasar seperti tersebut hendaklah mengandungi ramuan-ramuan yang berikut:

Pertama, mengiktirafkan bahawa majoriti orang-orang Melayu, Kadazan, Iban, Murut, Bidayuh dan lain-lain adalah miskin dan datang dari golongan-golongan berpendapatan rendah, dan mereka hendaklah dipastikan mendapat lebih banyak keadilan ekonomi berbanding dengan DEB dalam dua dekad yang lalu. Penegasan hendaklah diberi kepada sebab-sebab yang mengakibatkan kemiskinan, seperti pegangan-pegangan tanah yang tidak ekonomik, kekurangan kemudahan-kemudahan kredit, rangkaian pemasaran yang distorted, peluang pekerjaan yang tidak cukup bagi kaum miskin di luar bandar, dan pendapatan rendah dan rancangan

perumahan yang buruk bagi golongan miskin di bandar. Pada masa yang sama, golongan miskin bukan Melayu hendaklah diberi bantuan penuh dalam program membasmi kemiskinan, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan miskin.

Kedua, pengurangan jurang besar dalam pembahagian kekayaan dan pendapatan antara orang-orang kaya dan miskin di Malaysia.

Ketiga, mengurangkan perbezaan-perbezaan kaum di kalangan rakyat Malaysia dengan menegaskan dan menonjolkan kerakyatan Malaysia bersama dalam semua bidang keupayaan negara sama ada politik, ekonomi, pendidikan, sosial atau kebudayaan, supaya kekayaan dan kekuatan yang sepenuhnya dapat diperolehi dalam pelbagai unik kita.

Keempat, pengambilan ke kolej-kolej dan universiti-universiti berasaskan suatu pertimbangan bercampuran iaitu merit dan keadilan di mana faktor-faktor sosio-ekonomi diberi perhatian penting.

Kelima, kerahan dan penggunaan sepenuh-penuhnya sumber-sumber manusia dan semulajadi serta modal negara untuk pembangunan negara.

Keenam, penghapusan politik wang, rasuah parasitisme badan-badan negeri (state) dan segala amalan yang membantut kecekapan, pengeluaran dan pertumbuhan ekonomi.

Ketujuh, memupuk dan memelihara satu sistem politik yang demokratik dengan menghormati penuh hak-hak manusia terhadap nyawa, kebebasan dan kemuliaan.

Kelapan, satu visi bersama untuk semua rakyat Malaysia dalam tahun 2,000 serta abad ke-21 agar mereka dapat bekerja secara bersama ke

arah destinasi bersama ini sungguhpun mereka mungkin tidak mempunyai masa lampau atau satu pas yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperlukan oleh negara ialah untuk menggantikan Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1990 yang boleh dipanggil Dasar Pembangunan Negara yang menggalakkan perpaduan negara, pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial. Ia hendaklah menggantikan perspektif etnik dengan perspektif ala-Malaysia dengan menggunanya prinsip keadilan sosial dan meritocracy. Terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

6.20 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima yang meliputi pelaksanaan 3 tahun pertama Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar ucapan Yang Amat Berhormat tadi semasa membentangkan Kajian tersebut, memang Yang Amat Berhormat membangkitkan beberapa perkara yang dianggap positif bagi pihak Kerajaan kononnya kerana pengurusan ekonomi yang teratur dan sistem kewangan yang kukuh yang dapat mengatasi ekonomi meleset dan yang dapat menghapuskan segala kesangsian ekonomi, pendapat yang diperolehi oleh setengah-setengah orang.

Tuan Yang di-Pertua, memang semasa 2-3 tahun yang lepas negara kita mengalami kemerosotan ekonomi dan itu boleh dianggap salah satu faktor yang penting yang menjejaskan ekonomi negara. Tetapi bukan seperti

yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat, pengurusan yang begitu teratur, ada setengah-setengah tempat yang tidak begitu teratur.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita nampaknya itu saranan Yang Amat Berhormat mengenai taburan kemudahan infrastruktur yang diadakan di negara ini. Saya mengakui bahawa ada pertambahan kemudahan infrastruktur yang perlu untuk pembangunan negara. Walau bagaimanapun, amaun perbelanjaan yang digunakan untuk mewujudkan taburan kemudahan infrastruktur ini pada pendapat kami terlalu besar dan pembangunan infrastruktur tidak sepadan dengan perbelanjaan yang telah digunakan. Itu kita boleh lihat sama ada dari segi Jambatan Pulau Pinang ataupun Dayabumi dan pelbagai projek-projek raksasa yang diadakan termasuk HICOM, termasuk Proton Saga yang begitu banyak wang digunakan untuk projek-projek seperti ini, pembangunan tidak sepadan dengan amaun yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Amat Berhormat ada membangkitkan perkara seperti garis kemiskinan, walaupun ada angka-angka yang diberi, misalnya \$350 untuk Semenanjung dan \$533 untuk Sabah, \$429 untuk Sarawak; pada pendapat kami walaupun ada usaha untuk mengurangkan garis kemiskinan, ini tidak mencukupi. Kita hendak mengetahui methodology yang lebih teliti dan garis yang pada pendapat kami lebih adil.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan sejarah pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan-rancangan Malaysia yang lepas, Laporan ini seharusnya dibentangkan pada persidangan bulan Mac Dewan Rakyat yang lalu. Maka Laporan ini sudah beberapa bulan lewatnya. Sikap Kerajaan sambil lewa, tidak ada khabar langsung menerangkan

mengapakah Laporan terlewat menyebabkan orang ramai bimbang kalau-kalau Laporan tidak akan dikemukakan sama sekali. Perkara ini berkemungkinan besar berlaku sekiranya rakyat, khasnya pihak DAP seringkali memperingatkan Kerajaan supaya mengemukakan Laporan tersebut. Selepas pihak kami dilepaskan daripada Rumah Yang di-Pertuan Agong, kami memang bagi perkara yang pertama membangkitkan hal ini supaya satu kajian Separuh Penggal dibentangkan di dalam Dewan Rakyat dan dengan pembentangan ini kami hendak mengucapkan tahniah walaupun angka-angka yang diberi itu tidak begitu tepat pada pendapat kami. Akibatnya, Kerajaan tergesa-gesa menyediakan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima atas kerugian Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) yang tidak dapat dibekalkan maklumat-maklumat mustahak dan perlu dengan selengkapnya untuk penganalisaan serta rumusan syor-syor Dasar Ekonomi selepas tahun 1990. Ini kerana Kerajaan adalah lebih didorong, lebih sibuk untuk menyediakan Kajian ini sehingga melupakan peranan yang perlu dimainkan oleh MAPEN. Perkara ini berlaku adalah lebih didorong oleh kepentingan politik untuk menyiapkan Laporan Kajian Separuh Penggal daripada menyediakan maklumat yang tepat di kedua-dua segi—masa dan kandungannya—bagi kegunaan MAPEN.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali Kerajaan tidak hendak langsung betapa sukar serta kurang tepat kajian mahupun rumusan syor-syor yang boleh berhasil akibat kegagalan MAPEN memperolehi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di dalam ucapannya Yang Amat Berhormat menyebutkan segala maklumat dan fakta yang diperlukan oleh MAPEN dibekalkan dan beliau

masih tunggu lagi rumusan dan keputusan dan consensus yang akan diambil oleh MAPEN. Walau bagaimanapun, setahu kami

Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad (Sungai Petani): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Kepong, adakah Yang Berhormat merasa kesal kerana maklumat-maklumat itu dibekalkan kepada Dewan ini?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan maksud saya. Yang Berhormat dari Sungai Petani itu selalu salah anggaphlah seperti biasa. Maksud saya ialah maklumat yang consistent, yang tepat tidak dibekalkan. Yang dibekalkan hanya kepada yang menyokong Kerajaan dan menyokong propaganda dan pandangan Kerajaan sahaja. Ada setengah-setengah itu tidak dibekalkan

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sedarkah Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri telah membekalkan dengan maklumat-maklumat yang tidak tepat, kemudian membuat tuduhan kepada pihak Kerajaan membekalkan maklumat yang tidak tepat pada anggapan Yang Berhormat, sedangkan maklumat itu adalah maklumat yang tepat kerana ia datangnya daripada Jabatan-jabatan yang bertanggungjawab berkenaan dengannya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sungai Petani ini dia kurang sabar, kalau boleh tunggu sekejap lagi saya hendak terangkan. Itu dengan gopoh-gapah hendak menegur orang sahaja. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Jangan bergopoh-gapah ya! (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kecurigaan kami terhadap keikhlasan Kerajaan menubuhkan MAPEN sehari demi sehari kian terbukti benar. Tabiat Kerajaan atau perancangan ekonomi enggan membekalkan maklumat yang tepat dan selaras dengan sumber-sumber yang lain, saya sebutkan di sini menurut soalan-soalan saya yang dikemukakan kepada

Tuan Yang di-Pertua: Jangan beralih ke situ!

Dr Tan Seng Giaw: Tidak usah takut, dia tak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Dia dengar! Yang Berhormat, masa sudah cukup, esok boleh sambung.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

AKAUN KEMAJUAN PERUMAHAN—PERLAKSANAAN

6.31 ptg.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan penangguhan saya mengenai perkara pelaksanaan

akaun kemajuan perumahan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menghuraikan secara ringkas mengenai perkara ini dan di samping itu untuk membuat beberapa pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ataupun Kementerian yang berkenaan.

Sebenarnya kami telah begitu lama dalam Dewan ini menghuraikan berbagai-bagai masalah yang dialami oleh para pembeli rumah di negara kita khususnya mengenai projek-projek perumahan yang terbengkalai di mana pada akhirnya pembeli-pembeli rumah menjadi mangsa dan saya sebagai wakil rakyat juga telah beberapa kali menghuraikan di dalam Parlimen ini tentang betapa mustahaknya pihak Kerajaan haruslah mengambil perhatian yang berat mengenai masalah tentang projek-projek yang terbengkalai dan mengapa tindakan yang lebih tegas itu haruslah diambil terhadap masalah itu. Salah satu perkara yang saya pernah menyuarkan di dalam Parlimen ini ialah mengenai pelaksanaan akaun kemajuan perumahan. Memandangkan bahawa ini adalah salah satu cara yang berkesan diambil untuk mengatasi masalah tersebut pihak Kerajaan pun telah membentangkan satu Rang Undang-undang mengenai pengemukaan akaun kemajuan perumahan dalam Parlimen ini dan Rang Undang-undang itu pun telah diluluskan oleh Dewan. Tetapi yang saya berasa anih ialah kenapa sungguhpun Rang Undang-undang yang berkenaan telah diluluskan dan telah menjadi satu Akta, tetapi sehingga hari ini pihak Kerajaan belum dapat melaksanakan akaun kemajuan perumahan.

Apa yang saya difahamkan bahawa selepas Akta itu diluluskan pihak persatuan pemaaju perumahan telah menyampaikan protes dan

memberikan hujjah-hujjah kepada Kerajaan tentang mengapa akaun ini tidak harus dilaksanakan. Yang Berhormat bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun ada memberi beberapa kenyataan dalam surat khabar bahawa Akta itu akan dilaksanakan, akan tetapi memandangkan bahawa terdapat berbagai-bagai masalah teknikal itu haruslah dikaji dengan teliti maka Kementerian yang berkenaan telah menyuarkan perkara ini kepada Pejabat Peguam Negara untuk dikaji dengan teliti. Tetapi sehingga hari ini kami dan juga rakyat belum diberitahu tentang gambaran yang sebenarnya mengapa pihak Kerajaan tidak dapat melaksanakan satu undang-undang yang dibawa ke Parlimen untuk kelulusan oleh Parlimen. Adakah Kerajaan telah tunduk kepada gesaan ataupun desakan persatuan pemaaju perumahan dan sekiranya ini adalah benar, maka kami amat berasa kesal dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu gambaran yang jelas tentang perkara ini, tentang mengapa sungguhpun satu undang-undang telah diluluskan oleh Parlimen tetapi sehingga hari ini tidak dapat dilaksanakan. Sekian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, perkara akaun kemajuan perumahan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu telah juga dibangkitkan semasa soal jawab pada 20hb Jun, 1989 baru-baru ini. Suka saya menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengkaji segala aspek operasi dan mekanisme pelaksanaan sistem akaun tersebut dengan tujuan memastikan agar sebarang peraturan yang akan dilaksanakan kelak haruslah dapat melindungi kepentingan-kepentingan para pembeli rumah tanpa

menjejaskan perkembangan industri perumahan pada keseluruhannya. Terima kasih.

LEMBAGA PENASIHAT YANG DILANTIK UNTUK MELEPASKAN ORANG TAHANAN

6.37 ptg.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, ada sedikit perubahan kepada tajuk ucapan penangguhan saya. Apa yang di dalam pemberitahuan ucapan penangguhan ini ialah Pengerusi Lembaga Penasihat yang dilantik di bawah Perkara 151 (1) (b) Perlembagaan patut diberi kuasa untuk melepaskan orang tahanan apabila fakta dan keadaan mengizinkan. Apa yang saya maksudkan bukan sahaja Pengerusi tetapi Pengerusi dan juga Ahli-ahli Lembaga itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, selepas pindaan kepada ISA kelmarin dan juga pindaan kepada Akta Darurat 1969 dan juga Akta Dadah Berbahaya, apa yang sekarang harus diadakan, ialah satu badan bebas dan badan itu sudahpun wujud sekarang, badan yang dilantik di bawah Artikel 151 Perlembagaan iaitu Lembaga Penasihat. Rayuan-rayuan ada dibuat, Tuan Speaker, kepada Lembaga ini oleh tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Darurat 1969 dan juga Akta Dadah Berbahaya, tetapi kini kuasa-kuasa yang ada diberi kepada Lembaga ini sangat sempit oleh kerana apa yang boleh dibuat oleh Lembaga ini adalah rekomendasi sahaja kepada Yang di-Pertuan Agong. Rekomendasi itu boleh diikuti atau tidak boleh diikuti. Dalam satu pertanyaan lisan saya pada 23hb Jun tahun ini—jawapan ada diberi secara bertulis—saya ada menanyakan,

Tuan Speaker, bilangan tahanan yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang telah dibebaskan oleh Kerajaan di atas syor Lembaga Penasihat dalam lima tahun yang lalu.

Jawapan oleh Menteri adalah seperti berikut: Bilangan tahanan yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang dibebaskan oleh Kerajaan di atas syor Lembaga Penasihat dalam tempoh 5 tahun yang lalu, iaitu dari bulan Mei 1984 sehingga Mei, tahun ini adalah berjumlah 269 orang.

Tuan Speaker, ini menunjukkan syor-syor yang ada dihantar oleh Lembaga ini kepada Yang di-Pertuan Agong ada diikuti, oleh itu ada angka ini—269 orang yang ada dibebaskan atas syor-syor Lembaga ini. Selepas pindaan yang saya sebut tadi peranan lebih besar harus dimainkan oleh Lembaga Penasihat.

Tuan Speaker, dalam Perlembagaan Artikel yang asal berbunyi, jikalau saya boleh baca dalam bahasa Inggeris, dengan izin, ini ada kuatkuasa selepas merdeka sampai 31hb Mei, 1960 yang berbunyi:

“No citizen shall be detained under the law or ordinance for a period exceeding three months unless an Advisory Board constituted as mentioned in clause (2) has considered any representation made by him under paragraph (a) and has reported, before the expiration of the period, that there is in its opinion sufficient cause for the detention.

Jikalau tidak ada laporan, Tuan Speaker, masa itu ada ‘sufficient cause’, dengan izin, orang yang ditahan selepas 3 bulan itu ikut Perlembagaan, ikut Artikel yang asai masa itu, boleh dibebaskan. Pindaan ada dibuat kepada Artikel itu pada 31hb Mei, 1960 dan apa yang ada

dalam pindaan itu ada dalam Artikel 151 yang ada sekarang dalam Perlembagaan.

Tuan Speaker, Pengerusi Lembaga Penasihat ada dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan orang yang dilantik layak jikalau beliau ada taraf sebagai Hakim Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Agung dan 2 orang lain ahli-ahli Lembaga ini ada dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas ada, dengan izin, 'consultation' dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung. Jikalau kelayakan orang yang terdiri dalam Lembaga Penasihat ini tinggi semacam ini, saya ingat masa sudah datang selepas pindaan kepada ketiga-tiga undang-undang kelmarin, satu jalan dibuat untuk membolehkan Lembaga Penasihat ini untuk ada kuasa-kuasa lagi luas. Barangkali apa yang perlu dibuat ialah diadakan satu pindaan kepada Artikel 151 dan kembali kepada keadaan Artikel 151 selepas merdeka—itu apa yang harus dibuat iaitu barangkali ditarik balik pindaan yang dibuat pada masa itu dan apa yang ada dalam Artikel 151 asalnya dikuatkuasakan.

Tuan Speaker, penahanan tanpa percaraan di bawah ketiga-tiga undang-undang ini tidak ada satu cara ke arah keadilan. Jikalau Lembaga ini ada diberi kuasa untuk beri peluang kepada seorang tahanan untuk bukti-bukti dan bukan sahaja dia beri bukti-bukti kepada Lembaga untuk dapat kebebasan, tetapi bukti-bukti juga diberi oleh pihak Kementerian, pegawai-pegawai Polis untuk menentukan adakah sebab-sebab yang tertentu yang cukup yang boleh diguna untuk lanjutkan penahanan itu. Dalam fikiran saya jikalau itu boleh dibuat, orang-orang yang ada ditahan di bawah ketiga-tiga undang-undang ini boleh dapat satu jalan yang sesuai untuk dapat balik kebebasan mereka yang ada terhad selepas mereka ditangkap di bawah ketiga-tiga undang-undang ini, Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

6.46 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang mengambil kesempatan ini untuk mengutarakan pandangannya terhadap perkara yang difikirkannya adalah perlu dan saya suka memberi sedikit jawapan ke atas perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu tahanan pencegahan yang dibuat ke atas seseorang itu tidaklah dilakukan dengan sewenang-wenangnya, tetapi adalah mengikut garis-garis panduan dan prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang. Kini terdapat 3 undang-undang Persekutuan, iaitu Ordinan Darurat (Ketenteraan Awam dan Pencegahan Jenayah) 1969, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 yang memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab mengenai keselamatan dalam negeri untuk melakukan tahanan pencegahan ke atas seseorang jika didapatinya perlu untuk kepentingan keselamatan negara dan ketenteraman awam di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang ditahan di bawah tiap-tiap undang-undang yang tersebut itu juga mendapat perlindungan Perlembagaan. Fasal 1 (b) Perkara 151 Perlembagaan memberi hak kepada seseorang yang ditahan untuk membuat representasi kepada sebuah Lembaga Penasihat yang ditubuhkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Fasal (2), Perkara 152 Perlembagaan. Adalah menjadi kewajipan Lembaga tersebut di bawah Perlembagaan untuk menimbang representasi

yang dibuat oleh seseorang tahanan berdasarkan kepada pengatahan fakta yang berasaskan penahanan itu dibuat dan seterusnya untuk membuat syorsyor mengenai penahanan itu kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa yang ditetapkan selepas menerima representasi tersebut.

Adalah ternyata daripada peruntukan Perlembagaan yang disebutkan tadi bahawa dalam menimbangkan representasi terhadap sesuatu perintah tahanan itu, kewajipan Lembaga adalah terhad kepada membuat syor mengenainya dalam masa yang ditetapkan. Tidak ada apa-apa kuasa yang diberikan kepada Lembaga Penasihat di bawah Perlembagaan untuk memerintahkan atau mengarahkan pembebasan seseorang tahanan berdasarkan representasi yang dibuat terhadap perintah tahanannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menegaskan di sini bahawa tahanan pencegahan adalah perlu untuk kepentingan keselamatan negara dan ketenteraman awam di negara ini. Untuk mencapai tujuan tahanan pencegahan ini berkesan, keputusan untuk menahan seseorang itu perlulah diserahkan kepada pihak Eksekutif oleh kerana pihak Eksekutiflah yang paling berupaya memperoleh

maklumat tentang seseorang itu dan yang paling layak untuk memutuskan apakah yang perlu untuk keselamatan negara ini.

Kerajaan berpendapat bahawa dasar dan prosedur bagi penahanan seseorang sebagaimana diperuntukkan di bawah undang-undang yang sedia ada adalah memuaskan dan menjamin keadilan kepada seseorang yang ditahan. Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang hendak memperluaskan bidang kuasa dan fungsi-fungsi Lembaga Penasihat termasuk Pengerusinya, sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat dalam ucapan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada usul iaitu Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.